JABATAN AKAUNTAN
NEGARA MALAYSIA

LAPORAN AKTIVITI 2018
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Excellent Accounting @ Your Service



KANDUNGAN

MUKA SURAT

2 PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

4 LATAR BELAKANG

5 VISI, MISI & OBJEKTIF

6 CARTA ORGANISASI

8 PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2018/2019

10 NILAI BERSAMA & ETIKA KERJA

12 PIAGAM PELANGGAN

13 *TAGLINE* & LAGU JABATAN

16 DIARI

MUKA SURAT

19 LAPORAN PENCAPAIAN
- 019 ▪ PENGURUSAN TERTINGGI
- 035 ▪ PENGURUSAN KORPORAT
- 087 ▪ PENGURUSAN OPERASI
- 118 ▪ MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
- 119 ▪ AKRAB
- 123 ▪ PERSATUAN
- 137 ▪ KELAB


143 AHLI JAWATANKUASA

144 PENGHARGAAN

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,



Alhamdulillah syukur yang tidak terhingga saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah izinNya, maka Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) masih lagi berpeluang menerbitkan Laporan Aktiviti yang menggarap pelbagai kejayaan dan aktiviti sepanjang tahun 2018.

Tahun 2018 merupakan tahun yang memberikan satu paradigma yang baharu kepada lembaran sejarah JANM di mana pada tahun ini, JANM telah dapat merealisasikan Sistem iGFMAS iaitu sistem perakaunan berasaskan akruan. iGFMAS *Release* 1.0 *Go Live* telah berjaya dilancarkan pada 1 Januari 2018. Ucapan terima kasih dan tahniah saya tujukan kepada semua pihak dan warga kerja JANM yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran sistem ini walaupun terdapat banyak halangan dan dugaan. Namun ia tidak mematahkan semangat kita untuk terus mara melangkah setapak ke hadapan.

JANM juga terus mengekalkan momentum dan prestasi cemerlang apabila Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) bagi tahun 2017 telah disiapkan dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 27 Februari 2018 dan menerima Sijil Audit Bersih bagi PKKP tersebut.

JANM juga komited di dalam meneruskan inisiatif pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang bermula dengan aktiviti penyelidikan terhadap 26 entiti berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf yang telah memasuki fasa penggubalan piawaian pada tahun 2018. Pada tahun 2018, beberapa aktiviti yang melibatkan penyelidikan, penggubalan piawaian perakaunan Islam dan pengurusan perubahan telah dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam. Konvensyen PPIBZW tahun 2018 telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2018 di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan telah dihadiri oleh pegawai dari pelbagai agensi seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Audit Negara dan Audit Negeri serta Jabatan Peguam Negara.

Negara kini telah beralih kepada ekonomi digital dan *Industrial Revolution* 4.0. Justeru itu, JANM khususnya Akauntan perlu mahir dengan teknologi terkini seperti *artificial intelligence* (AI), *block chain, cloud computing* dan *big data analytics*. *Digital talent* perlu digarap di kalangan Akauntan dan warga JANM supaya perkhidmatan perakaunan yang kita tawarkan akan lebih cemerlang. Bertitik tolak daripada perkembangan itu, JANM telah merangka strategi yang bersesuaian dengan

perkembangan teknologi digital semasa. Penyediaan Pelan Strategik JANM 2019 – 2023 telah dilaksanakan pada tahun 2018 sebagai persediaan Jabatan mengharungi cabaran dan gelombang digital masa hadapan.

> "Tahun 2018 merupakan tahun yang memberikan satu paradigma yang baharu kepada lembaran sejarah JANM di mana pada tahun ini, JANM telah dapat merealisasikan Sistem iGFMAS iaitu sistem perakaunan berasaskan akruan."

Selaras dengan hasrat JANM untuk memperkasa perkhidmatan perakaunan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, Program Keahlian dalam Badan Profesional Perakaunan masih diteruskan pada tahun 2018. Selain program profesional ACCA, CIMA dan CPA (Australia), JANM turut menawarkan program MICPA-CAANZ yang membolehkan calon-calon mendapat keahlian *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (CPA Malaysia). Sasaran KPI bagi pengambilan pegawai dalam program ini ditetapkan seramai 150 orang. Namun demikian pengambilan pegawai telah melebihi sasaran sebanyak 32 orang iaitu seramai 182 orang. Ini menunjukkan pegawai JANM begitu komited dalam usaha pembelajaran berterusan (*lifelong journey*).

Program ini telah menunjukkan perkembangan yang amat positif. Pada tahun 2018, seramai 29 orang calon program telah berjaya lulus semua subjek peperiksaan berbanding 19 orang pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak 53%. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2018, seramai 77 orang calon tajaan JANM telah lulus penuh daripada 393 orang yang ditaja. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Memetik kata – kata Malcolm X ; "Education is the passport to the future, for tomorrow belongs to those who prepare for it today". Semoga lebih ramai lagi pegawai JANM akan mengikuti program ini sebagai persediaan kita untuk kekal relevan pada masa hadapan.

Semangat berpasukan dan sokongan serta komitmen warga JANM yang jitu merupakan antara faktor yang menyumbang kepada setiap kejayaan yang dicapai oleh Jabatan ini sesuai dengan *tagline* Jabatan ***"Excellent Accounting @ Your Service"***. Kejayaan ini merupakan satu manifestasi yang telah ditunjukkan oleh JANM di dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2018.

Akhir kata, sekali lagi saya melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada semua warga JANM yang telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada JANM sepanjang tahun 2018. Saya juga berharap agar semua warga JANM dapat meneruskan kecemerlangan dengan semangat kerjasama yang tulen. Semoga Allah S.W.T sentiasa mempermudahkan segala urusan dan tanggungjawab kita. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

DATUK SAAT BIN ESA (C.A(M))
Akauntan Negara Malaysia

LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:
1. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Peneraju JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne pada tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Bil.	Akauntan	Tahun
1.	G.G.T Browne	1946
2.	E.A. Joy	1947 – 1949 dan 1951 – 1952
3.	J.H. Newbigging	1953 – 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
4.	C.E. Gascoigne	1956 – 1957
5.	H.C. Roberts	1958 – 1962
6.	D. Mortimer	1964 – 1966
7.	YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 – 1989
8.	Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 – 1993
9.	YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 – 1999
10.	YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 – 2003
11.	YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 – 2005
12.	YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 – 2010
13.	YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 – 2014
14.	YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 – 2017
15.	YBhg. Datuk Saat bin Esa	2017 – Sekarang

Nota :

a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.
b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 – 1990.

VISI, MISI & OBJEKTIF

VISI

Menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.

MISI


Menyedia dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam.


OBJEKTIF

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.
- Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.
- Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.
- Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

CARTA ORGANISASI

(Seperti pada 31 Disember 2018)





KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
AKAUNTAN TURUS III
TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (KORPORAT)
AKAUNTAN UTAMA "B"
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN & PENGURUSAN
AKAUNTAN UTAMA "C"
BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
AKAUNTAN UTAMA "C"
BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING
AKAUNTAN UTAMA "C"
INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA
AKAUNTAN GRED WA54
BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM
AKAUNTAN UTAMA "C"
UNIT INTEGRITI
PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK M44
NEGERI SARAWAK
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI SABAH
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI KELANTAN
AKAUNTAN (WA54)
NEGERI SEMBILAN
AKAUNTAN (WA52)
NEGERI MELAKA
AKAUNTAN (WA52)
NEGERI JOHOR
AKAUNTAN (WA54)
CAWANGAN BINTULU
AKAUNTAN (WA44)
CAWANGAN WP. LABUAN
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN SANDAKAN
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN TAWAU
AKAUNTAN (WA48)
CAWANGAN KENINGAU
AKAUNTAN (WA44)

PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2018/2019



1. **Datuk Saat bin Esa**
   Akauntan Negara Malaysia
2. **Dr. Yacob bin Mustafa**
   Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
3. **Dato' Zamimi bin Awang**
   Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
4. **Dato' Haji Ramli bin Chik**
   Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
5. **En. Jafril bin Junit**
   Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
6. **Pn. Salmiah binti Ramli**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. **En. Mohd Redzuan bin Hasan**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
8. **En. Muniandy a/l Govindasamy**
   Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
9. **En. Sadikin bin Aton**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
10. **Pn. Hamidah binti Noh**
    Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
11. **Tn. Haji Rozaimi bin Idris**
    Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
12. **Pn. Noorlida binti Mohd Khalid**
    Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
13. **En. Burhanudin bin Mohd Noor**
    Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)





Tiada dalam gambar :

1. **En. Mohd Azmi bin Mohamed Yazid**
   Pengarah Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
   (Sehingga 3 Januari 2019)

2. **Pn. Samsiah binti Ahmad**
   Pengarah Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
   (Sehingga 16 November 2018)

3. **Pn. Fauziah binti Abdullah**
   Pengarah Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
   (Sehingga 23 Jun 2018)

4. **Pn. Noraini binti Hj. Alias**
   Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
   (Sehingga 11 Disember 2018)

5. **En. Abd Hassan bin Mohmad**
   Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)
   (Sehingga 12 Mei 2019)

NILAI BERSAMA

SPECIAL




S : Mengutamakan Pelanggan *(Satisfying the customers)*

Komited dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P : Profesionalisme *(Professionalism)*

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.







EC : Kerja Berpasukan *(Esprit de Corp)*

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan *(sense of belonging)* untuk mencapai visi dan misi.

IA : Integriti dan Akauntabiliti *(Integrity and Accountability)*

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.





L : Kesetiaan *(Loyalty)*

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

ETIKA KERJA



S : Mengutamakan Pelanggan (*Satisfying the customers*)

1. Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
2. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
3. Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.



P : Profesionalisme (*Professionalism*)

1. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
2. Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
3. Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
4. Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
5. Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
6. Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
7. Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.



EC : Kerja Berpasukan (*Esprit de Corp*)

1. Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
2. Mempunyai sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
3. Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
4. Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
5. Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.



IA : Integriti dan Akauntabiliti (*Integrity and Accountability*)

1. Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
2. Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
3. Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
4. Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.



L : Kesetiaan (*Loyalty*)

1. Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
2. Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
3. Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN



Peningkatan tahap kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan

- Menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) dengan tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, dasar dan prinsip perakaunan yang diterima umum dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.
- Menyedia maklumat perakaunan bulanan untuk pengurusan tidak lewat dari tujuh (7) hari bulan bulan berikutnya.
- Mengeluarkan laporan audit ke atas sistem terimaan dan bayaran dalam tempoh tidak lebih dari 30 hari dari tarikh selesai pengauditan.



Peningkatan tahap penyampaian pengurusan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam yang cekap dan berkesan

- Menyempurnakan bayaran dalam tempoh empat (4) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Memperakaunkan terimaan dalam tempoh tiga (3) hari kalendar dari tarikh terima dokumen lengkap.
- Menyediakan sumber manusia perkhidmatan perakaunan yang mencukupi dan kompeten.
- Memproses dan membayar permohonan bayaran balik Wang Tak Dituntut dalam tempoh 30 hari kalendar dari tarikh terima permohonan bagi data dalam Sistem G-UMIS.
- Memproses permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Meluluskan 80% permohonan khidmat nasihat sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh terima permohonan yang lengkap.
- Memberikan latihan yang sistematik dan berkualiti kepada anggota perkhidmatan awam.
- Memastikan setiap aduan daripada pengguna berkaitan gangguan penggunaan sistem dibuat akuterima dalam tempoh 15 minit selepas aduan diterima melalui sistem *Helpdesk*.
- Memuat naik maklumat ke dalam Sistem e-Penyata Gaji selewat-lewatnya pada tarikh gaji.

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline ***Excellent Accounting @ Your Service*** telah dibentuk semasa bengkel "To Be Accounting Model" yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@ Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol **@** di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

LAGU JABATAN

Jujur setia ikhlas di jiwa
Murni pekerti amal mulia
Bersatu teguh sesama kita
Terus maju sentiasa

Setia kepada Jabatan
Maju mencapai kecemerlangan
Berkat bersatu usaha mulia
Untuk kejayaan bersama

Terus berusaha menuju cita
Ikhlas membantu amalan kita
Khidmat diberi di mana saja
Demi bangsa dan negara

Tekun berusaha setiap masa
Taat setia amanah bangsa
Sematkan jiwa rajin usaha
Maju Akauntan Negara

Ciptaan : *En. Affendi bin Ramli*



DIARI

DIARI



10 JANUARI 2018
Sesi Teh Tarik Bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan




19 JANUARI 2018
Majlis Anugerah *Global Accounting Hall Of Fame* Oleh *Institute Of Certified Management Accountants*, Australia Kepada Timbalan Akauntan Negara (Operasi)



19 FEBRUARI 2018
Sesi Tandatangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 Oleh Akauntan Negara Malaysia



19 FEBRUARI 2018
Sesi Tandatangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 Oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan



21 FEBRUARI 2018
Lawatan Ketua Pengarah JAKIM Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia



27 FEBRUARI 2018
Sesi Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 Kepada Timbalan Ketua Audit Negara



28 MAC 2018
Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan JANM Tahun 2017



31 MAC 2018
Program Pembinaan Ukhuwah Insan



12 JULAI 2018
Majlis Sekalung Budi Seharum Kasih 2018



23 - 26 JULAI 2018
Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SeGAC 2018)



30 JULAI - 1 OGOS 2018
Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-13



27 - 28 SEPTEMBER 2018
Taklimat Pengenalan Dan Tatacara Penyediaan myPortfolio



16 - 17 OKTOBER 2018
Konvensyen Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf Di Malaysia



25 OKTOBER 2018
Majlis Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM



31 DISEMBER 2018
Kejohanan Golf AG Vs EX-AG



LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN TERTINGGI

- BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)
- UNIT INTEGRITI (UI)
- UNIT UNDANG-UNDANG (UU)

BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)

Pengenalan

Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) adalah bertanggungjawab untuk memastikan kawalan dalaman ke atas pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah mencukupi dan berkesan serta mematuhi piawaian dan peraturan yang sedang berkuat kuasa. BPAD juga bertanggungjawab untuk memastikan hasil dan terimaan kerajaan dilaporkan mengikut prosedur dan peraturan yang berkuat kuasa. Pengauditan Pemantauan Praktis, Pengauditan Hasil LHDN dan Pengauditan Terimaan Hasil GST telah dijalankan pada tahun 2018. Selain daripada itu, pengauditan yang dijalankan oleh BPAD juga merangkumi Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti, Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan, Pengauditan myPortfolio, Pengauditan Pengurusan Rekod Kewangan dan Perakaunan serta Verifikasi Laporan Prestasi Ketua Jabatan.

Pengauditan Pemantauan Praktis Terimaan Bahagian Akaun Kementerian

Pada tahun 2018, Pengauditan Pemantauan Praktis telah dijalankan di empat (4) Bahagian Akaun Kementerian iaitu KPDNKK, KKM, KPM dan NRE serta dua (2) JANM Negeri iaitu Kelantan dan Perak. Pengauditan ini merangkumi enam (6) skop iaitu Pematuhan Terhadap Sumber Rujukan Kawalan Terimaan, Pemantauan Umum Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Terperinci Fail Pejabat Pemungut, Pemantauan Pelaksanaan Naziran Terimaan, Pemantauan Laporan Prestasi Kawalan Terimaan dan Pemantauan Ketidakpatuhan Berulang.

Pengauditan Sistem Terimaan Elektronik Agensi pula dijalankan untuk memastikan sistem terimaan yang digunakan oleh Pejabat Pemungut/agensi beroperasi seperti mana kelulusan yang diperolehi daripada Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM. Pengauditan telah dijalankan di Jabatan Pertanian Putrajaya, Jabatan Bekalan Air Labuan, Bahagian Pembangunan Francais, KPDNKK dan Bahagian Biasiswa, KPM.



Pengauditan Yang Dijalankan Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)




Pengauditan Yang Dijalankan Di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK)

Pengauditan Terimaan Hasil GST

Pengauditan Prestasi Pindahan Wang Terimaan Hasil GST daripada sembilan (9) saluran pungutan ke Akaun Terimaan Induk JANM telah dijalankan di Unit Pengurusan Perakaunan Hasil (UPPH), Bahagian GST, JKDM pada 21 hingga 25 Mei 2018. Pengauditan ini melibatkan keseluruhan data terimaan bagi bulan Oktober 2017 hingga Mac 2018 iaitu sebanyak 794,497 transaksi. Hasil pengauditan yang merangkumi tiga (3) skop iaitu Pengurusan Am, Pengurusan Pindahan dan Pengurusan Perakaunan di UPPH, Bahagian GST mendapati tahap kawalan Pengurusan Terimaan Hasil GST secara keseluruhannya adalah baik.

Carta 1 : Analisis Pematuhan Tatacara Terimaan Hasil GST



Pengauditan Hasil Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM)

Hasil Cukai

Bagi tahun 2018, BPAD telah menjalankan penyemakan dan pengauditan Pengurusan Terimaan Hasil Cukai di Pusat Bayaran Kuala Lumpur pada 22 hingga 26 Oktober 2018. Antara penemuan audit ialah pungutan lewat dikeluarkan Resit AP60(ii) dan kawalan ke atas resit rasmi AP66(c) dan AP63(b)-Elektronik.

Hasil Duti Setem

Penyemakan juga telah dilakukan ke atas 972 Dokumen Akaun Terimaan (DAT) Hasil Duti Setem yang melibatkan 81 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN. Di samping itu, Pengauditan Berasaskan Risiko Pengurusan Perakaunan Hasil Duti Setem turut dijalankan di 16 Pejabat Setem Cawangan/Pusat Khidmat Hasil LHDN.

Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti Dan Prestasi Pejabat Perakaunan

BPAD telah menjalankan Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA) dan Audit Prestasi Pejabat Perakaunan di Bahagian, JANM Negeri, JANM Cawangan dan Bahagian Akaun Kementerian. Sebanyak 24 pengauditan berasaskan *Risk Based Auditing* telah dijalankan sepanjang tahun 2018 bagi kedua-dua jenis pengauditan ini. Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan, terdapat 13 pejabat telah diberi penarafan **Cemerlang** iaitu 90% - 100%. Sebanyak 10 pejabat telah diberikan penarafan **Baik** iaitu 75% - 89% dan hanya satu (1) auditi telah diberikan Penarafan **Sederhana** iaitu 50% - 74%.

Penarafan Organisasi Melalui *Self-Assessment Audit* (SAA)

Sistem *Self-Assessment Audit* (SAA) telah dibangunkan untuk membantu dalam pelaksanaan konsep penilaian *self-assessment* secara atas talian supaya proses penyampaian kriteria penilaian dan maklum balas antara pihak terlibat lebih mudah dan menjimatkan masa. Penilaian SAA tahun 2018 telah diagihkan kepada 34 entiti yang terdiri daripada 10 Bahagian JANM, 13 JANM Negeri dan 11 JANM Cawangan.

Melalui penilaian Pra IA yang dijalankan menerusi SAA ini telah meningkatkan tahap kawalan dalaman dan prestasi setiap auditi dengan cepat dan mudah, seterusnya dapat membantu pihak pengurusan setiap Bahagian JANM, JANM Negeri/Cawangan membuat penambahbaikan secara berterusan dengan merujuk kepada soalan penilaian SAA.

Maklumat berkenaan ketidakakuran membolehkan BPAD memberi tumpuan kepada masalah-masalah yang sering berlaku dan seterusnya mencari kaedah penyelesaian terbaik untuk membantu pihak auditi.

Pengauditan myPortfolio

Pengauditan myPortfolio telah dijalankan ke atas 26 auditi merangkumi Bahagian JANM, JANM Negeri dan JANM Cawangan. Objektif pengauditan ini adalah untuk memastikan setiap pegawai JANM mempunyai myPortfolio yang lengkap sepertimana yang digariskan di dalam Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 4 Tahun 2018. Pengurusan JANM juga telah menetapkan kepentingan dan keperluan agar setiap pegawai mesti mempunyai myPortfolio yang akan menjadi rujukan rasmi dan panduan bagi mengelakkan kesilapan atau kecuaian dalam melaksanakan tugas.

Hasil daripada pengauditan dan teguran audit tersebut, kesemua pegawai dan kakitangan JANM telah menyediakan myPortfolio dengan lengkap berdasarkan PKPA Bil. 4 Tahun 2018.






Pengauditan myPortfolio Yang Dijalankan Di Bahagian JANM, JANM Negeri Dan Cawangan

Kelulusan Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan

Sebanyak 651 permohonan kelulusan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diterima dan diproses sepanjang tahun 2018. Sebanyak 533 permohonan telah diluluskan, 82 permohonan telah dikuiri serta 36 permohonan adalah bukan bidang kuasa JANM. Carta 2 menunjukkan peratus permohonan yang diproses.

Carta 2 : Peratusan Permohonan Diproses



Pengauditan Pengurusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan

Pada tahun 2018, sebanyak 56 Jabatan Persekutuan di seluruh Malaysia telah diaudit. Pengauditan ini bertujuan untuk menilai tahap kawalan dalaman yang diamalkan dalam pengurusan rekod di jabatan-jabatan yang diaudit. Penarafan audit mengikut jabatan adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Penarafan Audit Mengikut Jabatan Pada Tahun 2018

Penarafan	Bilangan Jabatan	Peratus (%)
Cemerlang	-	-
Baik	20	36
Sederhana	32	57
Lemah	4	7
Jumlah	**56**	**100**

Taklimat Prosedur Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan

Pada tahun 2018, sebanyak 10 taklimat prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan telah diadakan mengikut zon. Seramai 640 peserta daripada pelbagai jabatan telah menghadiri taklimat ini yang bertujuan memberi *awareness* kepada Jabatan/Pusat Tanggung Jawab (PTJ) berkaitan prosedur pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 150. Berdasarkan maklum balas peserta, taklimat ini amat membantu Jabatan/PTJ bagi memberi pemahaman dalam melaksanakan pemusnahan rekod kewangan dan perakaunan.






Sesi Taklimat Prosedur Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan

Verifikasi Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan Dan Akaun (LPPKA) Untuk Kenaikan Pangkat Gred Utama Bagi Ketua Jabatan Sektor Awam

Salah satu usaha bagi memastikan pengurusan kewangan dan akaun di semua agensi Kerajaan dilaksanakan dengan cekap dan teratur mengikut peraturan yang berkuat kuasa, urusan pengesahan kenaikan pangkat Ketua Jabatan perlu mengambil kira prestasi pengurusan kewangan dan akaun agensi berkenaan.

Carta 3 : Penarafan LPPKA Bagi Tahun 2017 Dan 2018




Ketua Jabatan perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (LPPKA) kepada Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara dan pengesahan kenaikan pangkat hanya akan dipertimbangkan setelah Jabatan Perkhidmatan Awam menerima ulasan dan perakuan daripada MOF.

Pada tahun 2018, BPAD telah melaksanakan Verifikasi LPPKA ke atas 56 Ketua Jabatan. Analisis menunjukkan peningkatan 53% daripada 47% Jabatan mendapat penarafan cemerlang dalam LPPKA dari tahun 2017 ke tahun 2018 seperti di Carta 3.

Ulasan Dan Syor AP59

AP59 merupakan satu tatacara pembayaran bagi perolehan sesuatu bekalan, perkhidmatan atau kerja yang dipesan, dibekalkan atau dilaksanakan dengan suci hati tetapi telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Di samping itu, AP 59 juga bertujuan untuk menentukan punca berlakunya perolehan yang telah menyalahi peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta mengesyorkan tindakan surcaj atau/ dan tatatertib ke atas pegawai bertanggungjawab.

Carta 4 : Kes AP59 Bagi Tahun 2017 Dan 2018



Pada tahun 2018, sebanyak 25 kes AP59 diterima oleh BPAD untuk dibuat ulasan dan syor yang melibatkan RM24,569,709.78. Berlaku penurunan sebanyak 27% dari tahun 2017 (34 kes) berbanding tahun 2018 (25 kes) yang dilaporkan dan dibuat ulasan seperti Carta 4. Ini menunjukkan Jabatan/Kementerian memastikan perolehan yang dilaksanakan mengikut peraturan kewangan semasa.

Pengurusan Laporan Dan Maklum Balas Audit


Audit Report And Feedback Management System (AReF)

Bagi menambah baik pengurusan laporan pengauditan sedia ada, BPAD telah membangunkan AReF secara *in-house* dengan kerjasama daripada (BPTM). Tujuan AReF dibangunkan adalah bagi menguruskan laporan dan maklum balas pengauditan secara atas talian (*online*) tanpa perlu menghantar laporan secara fizikal kepada auditi. Proses penyediaan, semakan, kelulusan dan penghantaran laporan pengauditan dilakukan secara atas talian. Auditi akan menjawab maklum balas terhadap penemuan yang dikemukakan secara atas talian dengan pantas.

Sistem ini telah dilaksanakan secara rasmi pada 1 April 2018 bagi semua pengauditan di BPAD yang melibatkan 65 auditi yang terdiri daripada Bahagian di JANM, JANM Negeri dan Cawangan, Bahagian Akaun (BA) Kementerian, Pejabat LHDN di Negeri dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (KASTAM).

Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 47 Laporan Pengauditan telah dijana melalui sistem ini iaitu 29 daripada Seksyen Kawalan Pengurusan dan 18 daripada Seksyen Kawalan Hasil.

Carta 5 : Laporan Bilangan Pengauditan Bagi Tempoh 1 April Hingga 30 Disember 2018



Pada bulan Mac dan April 2018, sebanyak lapan (8) siri Latihan Sistem AReF telah diadakan kepada Juruaudit dan Auditi yang melibatkan 180 orang peserta.



Latihan Sistem AReF Yang Dijalankan Di Zon Utara



Latihan Sistem AReF Yang Dijalankan Di Zon Sabah

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti, JANM telah ditubuhkan pada awal tahun 2016 selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 dengan tujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta menyepadukan semua pengurusan yang berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuat penarafan risiko yang bersesuaian dengan fungsi agensi dan JANM ditarafkan sebagai agensi berisiko rendah. Unit Integriti JANM bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu:

1. Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.
2. Memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi.
3. Pengesanan dan pengesahan aduan salah laku jenayah serta perlanggaran tatakelakuan.
4. Pengurusan aduan salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan.
5. Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
6. Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

Program/Aktiviti Unit Integriti

Unit Integriti telah menyusun pelbagai program dan aktiviti untuk dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Antara program yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) JANM, pelaksanaan program nilai dan integriti, bengkel dan hebahan integriti yang dilaksanakan pada setiap bulan sepanjang tahun 2018.

Bengkel Pelan Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PIJANM)

Unit Integriti telah menganjurkan Bengkel Pelan Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PIJANM) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) pada 4 hingga 6 Mac 2018 bertempat di Ramada Plaza Hotel, Melaka. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia (ANM) dan disertai oleh 48 orang yang diketuai oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Pengarah-pengarah atau wakil pengurusan di setiap JANM Bahagian/Negeri/Cawangan iaitu 24 dari Bahagian, 13 orang dari Negeri dan 10 orang dari Cawangan berserta lima (5) orang urus setia.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan agar PIJANM yang baharu ini dirangka dengan teliti dengan menerapkan nilai-nilai murni dan integriti yang bersesuaian dan praktikal dengan *core business* JANM.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memastikan agar PIJANM yang baharu ini dirangka dengan teliti dengan menerapkan nilai-nilai murni dan integriti yang bersesuaian dan praktikal dengan *core business* JANM. Di samping itu, bengkel ini dapat mengeratkan kerjasama dan sebagai platform kerjasama strategik dengan pihak INTEGRITI dalam membentuk Pelan Integriti Organisasi ke arah menyokong usaha-usaha pemerkasaan integriti di JANM khususnya dan Perkhidmatan Awam secara amnya.

Seramai tiga (3) orang fasilitator daripada INTEGRITI telah dijemput bagi membantu dan membimbing peserta bengkel dalam tujuh (7) sesi sepanjang bengkel ini berlangsung. Sesi dan tajuk pengisian bagi bengkel adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Bilangan Sesi Dan Tajuk Pengisian Bagi Bengkel Pelan Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PIJANM)

Bil.	Sesi/Tajuk
1.	Sesi 1 : Pengenalan Pelan Integriti Organisasi (PIO)
2.	Sesi 2 : *Brainstorming*
3.	Sesi 3 : *Scoping*
4.	Sesi 4 : *Scoping*
5.	Sesi 5 : Pembentangan Hasil dari Sesi *Scoping* oleh Wakil Kumpulan
6.	Sesi 6 : Pembentangan Hasil dari Sesi *Scoping* oleh Wakil Kumpulan
7.	Sesi 7 : Rumusan dan Ulasan INTEGRITI/TAN (K)



YBhg. Dato' Zamimi bin Awang, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) Sedang Berbincang Dengan Salah Satu Kumpulan Semasa Sesi *Scoping* Dijalankan



Penceramah Jemputan Dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) Sedang Menyampaikan Pembentangan Bertajuk Pengenalan Pelan Integriti Organisasi (PIO)

Program Patriotisme dari Perspektif Keselamatan Negara

Pada 12 Mac 2018, Unit Integriti JANM dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan satu sesi perkongsian ilmu semasa Perhimpunan Bulanan JANM. Ceramah bertajuk Patriotisme dari Perspektif Keselamatan Negara telah diadakan dengan menjemput Ketua Pengarah Keselamatan Negara MKN.

Program ini telah dihadiri oleh kira-kira 200 warga JANM dengan penglibatan Pengurusan Tertinggi JANM. Program ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan semangat kebanggaan, kecintaan dan aspirasi tanah air di kalangan rakyat Malaysia khususnya penjawat awam dan kepentingan semangat cintakan negara dalam aspek keselamatan negara.



YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Zulkifeli Bin Mohd. Zin (Ketua Pengarah Keselamatan Negara) Menyampaikan Ceramah Kepada Warga JANM



YBhg. Datuk Saat Bin Esa (Akauntan Negara Malaysia) Menyampaikan Cenderamata Penghargaan Kepada YBhg. Jen. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Zulkifeli Bin Mohd. Zin (Ketua Pengarah Keselamatan Negara)

Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) JANM

Keperluan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) adalah dengan merujuk kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 : Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang berkuat kuasa pada 3 Jun 2014. Mesyuarat JITU di JANM dipengerusikan oleh ANM dan dianggotai oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan semua Pengarah JANM Bahagian. Unit Integriti adalah dipertanggungjawabkan sebagai urus setia kepada Mesyuarat JITU JANM.

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 telah menetapkan supaya mesyuarat JITU diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun namun begitu hanya satu (1) mesyuarat dapat dilaksanakan pada 6 Februari 2018. Mesyuarat selanjutnya terpaksa ditangguhkan berikutan perubahan dasar semasa Kerajaan yang turut melibatkan pelaksanaan JITU. Surat no. rujukan GIACC/JPM(S)600-4/1 bertarikh 27 Julai 2018 berkenaan Penjelasan Berkaitan Pelaksanaan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) yang akan menggantikan JITU mengesahkan bahawa:

1. Arahan YAB Perdana Menteri bagi menggariskan mekanisme pelaksanaan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) dan Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) masih belum dikeluarkan. Oleh yang demikian, pihak GIACC mengesahkan bahawa Kementerian/Jabatan/Agensi tidak perlu melaksanakan Mesyuarat JITU di peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi.

2. Bagi penubuhan JAR di Peringkat Kementerian/Jabatan/Agensi, tarikh kuat kuasa penubuhannya adalah apabila Arahan YAB Perdana Menteri berkaitan mekanisme pelaksanaan JKKMAR dan JAR dimuktamadkan dan dikeluarkan untuk edaran.

3. Pada masa ini, Kementerian/Jabatan/Agensi masih boleh melaksanakan apa-apa aktiviti dan tindakan berkaitan usaha pencegahan rasuah di peringkat organisasi masing-masing sehingga Arahan YAB Perdana Menteri yang muktamad dikeluarkan.

4. Draf arahan YAB Perdana Menteri berkaitan mekanisme pelaksanaan JKKMAR dan JAR telah diedar kepada Kementerian/Jabatan melalui serahan tangan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian pada 9 Julai 2018 dan *soft copy* draf arahan tersebut telah dihantar melalui e-mel pada 10 Julai 2018 untuk mengemukakan sebarang maklum balas dan cadangan penambahbaikan.

Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2018

Bagi meningkatkan kesedaran warga JANM terhadap peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa, Unit Integriti telah membuat hebahan integriti yang dihantar melalui e-mel pada setiap bulan kepada warga JANM.

Siri 1 - Januari 2018



Siri 2 - Februari 2018



Siri 3 - Mac 2018



Siri 4 - April 2018



Siri 5 - Mei 2018



Siri 6 - Jun 2018



Siri 7 - Julai 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 7/2018

KEBERHUTANGAN KEWANGAN YANG SERIUS ADALAH SUATU KESALAHAN TATATERTIB



Anda berada dalam keberhutangan kewangan yang SERIUS jika:

- Agregat hutang dan nilai tanggungan tidak bercagar melebihi 10 kali emolumen bulanan
- Seorang penghutang penghakiman dan tidak menjelaskannya dalam tempoh satu bulan dari penerimaan perintah bermeterai peghakiman tersebut; atau
- Seorang yang bankrap dan pemakan gaji yang tidak berkemampuan

(Sumber: Peraturan 4(2)(a), P.U.(A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Siri 8 - Ogos 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 8/2018

ETIKA BERPAKAIAN PENJAWAT AWAM



Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 menetapkan supaya seseorang pegawai awam semasa bertugas hendaklah sentiasa berpakaian dengan sepatutnya yang ditentukan oleh Kerajaan melalui arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) atau pihak-pihak berkuasa lain.

(Sumber: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/2013 – Pemakaian Two/Three - Piece Pant Suit bagi Pegawai Awam Wanita, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2008 – Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis, dan Peraturan 6, P.U.(A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Siri 9 - September 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 9/2018

LARANGAN PENGGUNAAN KENDERAAN JABATAN UNTUK TUJUAN PERSENDIRIAN



Elakkan dari menggunakan kenderaan jabatan untuk tujuan peribadi seperti pergi ke pasaraya untuk membeli belah, menghantar anak ke sekolah dan lain-lain.

Perbuatan Pegawai ini telah melanggar Peraturan 4(2)(c)(ii), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang disifatkan sebagai telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri.

(Sumber: Peraturan 4(2), P.U.(A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Siri 10 - Oktober 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 10/2018

LARANGAN MENGGUNAKAN KAD TOUCH 'N' GO DAN KAD INDEN MINYAK YANG TELAH DISEDIAKAN OLEH JABATAN BAGI TUJUAN RASMI UNTUK TUJUAN PERIBADI





Penyalahgunaan kad-kad ini boleh disifatkan sebagai tidak jujur dan tidak amanah serta tidak bertanggungjawab yang boleh mengakibatkan Pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(Sumber: Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), P.U.(A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Siri 11 - November 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 11/2018

BAIK BUDI INDAH BAHASA



Elakkan daripada mengeluarkan kata-kata kesat, memaki hamun dan menyinggung perasaan orang lain. Pelakuan tersebut boleh disifatkan sebagai telah memburukkan nama atau mencemarkan imej perkhidmatan awam. Pegawai BOLEH DIKENAKAN tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(2)(d), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

(Sumber: Peraturan 4(2)(d) P.U.(A) 395/1993)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Siri 12 - Disember 2018

HEBAHAN INTEGRITI @ JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA — Siri 12/2018

LARANGAN MEMBERI ATAU MENERIMA HADIAH



Pegawai awam adalah DILARANG daripada menerima atau memberi hadiah sekiranya berkaitan dengan tugas awamnya dan/atau bentuk, amaun atau nilai hadiah itu tidak sepadan dengan maksud hadiah kecuali dengan kelulusan Ketua Jabatan.

(Sumber: Peraturan 8, P.U.(A) 395/1993), Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2008 & Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1998)

"Excellent Accounting @ Your Service"

INTEGRITI bermula dari pada ANDA!

Kursus Program Transformasi Minda (PTM) Anjuran JANM Tahun 2018

Program Transformasi Minda (PTM) diperkenalkan untuk memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam. PTM juga merupakan satu (1) daripada syarat pengesahan dalam perkhidmatan bagi menggantikan Kursus Induksi. Program ini dibentuk bagi membolehkan pegawai memahami prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam serta pembentukan jati diri bagi menghadapi cabaran dan ekspektasi pelanggan.

Unit Integriti telah dipertanggungjawabkan untuk menyampaikan ceramah bagi Kursus PTM kepada pegawai JANM. Bagi tahun 2018, sebanyak enam (6) ceramah telah disampaikan oleh Unit Integriti seperti di Jadual 3.

Program ini dibentuk bagi membolehkan pegawai memahami prinsip dan falsafah pembentukan negara, jentera pentadbiran kerajaan dan peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam serta pembentukan jati diri bagi menghadapi cabaran dan ekspektasi pelanggan.

Jadual 3 : Ceramah Bagi Kursus Program Transformasi Minda (PTM) Yang Telah Disampaikan Oleh Unit Integriti, JANM Bagi Tahun 2018

Bil.	Tajuk	Tarikh	Kumpulan Sasaran
1.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 1/2018	8 Mac 2018	Pegawai JANM (KUP W29)
2.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 2/2018	13 Mac 2018	Pegawai JANM (Zon Selatan)
3.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 3/2018	16 Mac 2018	Pegawai JANM (Lantikan Baharu)
4.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 4/2018	21 Mac 2018	Pegawai JANM (KUP W29)
5.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 5/2018	29 Mac 2018	Pegawai JANM (Zon Utara)
6.	Program Transformasi Minda (PTM) Bil. 6/2018	4 Apr 2018	Pegawai JANM (KUP W29)

Bacaan Permata Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Permata Integriti merupakan salah satu program bagi mengukuhkan integriti di kalangan warga JANM menerusi hebahan cerita yang membawa mesej integriti dan nilai-nilai murni kepada warga JANM. Teks Permata Integriti @ JANM dihebahkan melalui siar raya pada waktu pagi selepas bacaan doa dengan kekerapan dua (2) kali pada setiap bulan.

Pengurusan Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bagi tahun 2018, Lembaga Tatatertib JANM dan Unit Integriti selaku Urus Setia Lembaga Tatatertib JANM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelbagai kes pelanggaran tatakelakuan atau melakukan larangan seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan (Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib)) 1993. Maklumat statistik kes tatatertib JANM bagi tahun 2019 adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Statistik Kes Tatatertib Di JANM Bagi Tahun 2018

Bil.	Jenis Kes/Prosedur Tatatertib	Bilangan Kes Terima	Kes Selesai Tahun 2018	Kes Dibawa Ke Tahun 2019
1.	Tidak Hadir Bertugas	16	13	3
2.	Am	4	2	2

UNIT UNDANG-UNDANG (UU)

FUNGSI

1. Memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Negara dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam.
2. Menyemak dan menggubal semua undang-undang, peraturan, kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan JANM.
3. Menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan kontrak.
4. Menguatkuasakan Akta Wang Tak Dituntut 1965.



Aktiviti Yang Melibatkan Unit Undang-undang

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Menyampaikan ceramah di Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) berkaitan dengan denda dan kompaun Bil. 1 Tahun 2018 di Zon Sabah.	14 – 16 Jan 2018	Hotel The Klagon, Kota Kinabalu, Sabah
2.	Menyampaikan ceramah di Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) berkaitan dengan denda dan kompaun Bil. 1 Tahun 2018 di Zon Sarawak.	17 – 19 Jan 2018	Hotel Grand Continental, Kuching, Sarawak
3.	Menyampaikan ceramah di Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) berkaitan dengan denda dan kompaun Bil. 1 Tahun 2018 di Zon Selatan.	22 – 24 Jan 2018	Hotel Avillion Legacy, Melaka
4.	Menyampaikan ceramah di Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) berkaitan dengan denda dan kompaun Bil. 1 Tahun 2018 di Zon Timur.	28 – 30 Jan 2018	Hotel Permai, Terengganu

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
5.	Menyampaikan ceramah di Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) berkaitan dengan denda dan kompaun Bil. 1 Tahun 2018 di Zon Utara.	5 – 7 Feb 2018	Hotel Tabung Haji, Pulau Pinang
6.	Menghadiri Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) Bil. 1/2018.	4 – 6 Apr 2018	Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak
7.	Menghadiri lawatan ke Mahkamah Syariah Kuala Lumpur bagi tujuan perkongsian maklumat berkenaan pengurusan fail terperingkat.	18 Apr 2018	Mahkamah Syariah Kuala Lumpur
8.	Menghadiri *National Convention on Good Regulatory Practice* 2018 anjuran *Malaysia Productivity Corporation* (MPC).	11 Okt 2018	Hotel Marriot, Putrajaya
9.	Menghadiri Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) Bil. 2/2018.	28 – 30 Nov 2018	Hotel Bayview Beach Resort, Pulau Pinang



Peserta Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) Berkaitan Denda Dan Kompaun Bil. 1 Tahun 2018 Di Zon Sabah



Pegawai Undang-undang Menyampaikan Ceramah Mengenai Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 Kepada Peserta Di Zon Timur



LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN KORPORAT

- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)
- BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING (BKP)
- BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)
- INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)

Pembangunan Pelan Strategik *Business* (*Business Strategic Plan* – BSP) Dan Pembangunan Pelan Strategik ICT (ICT *Strategic Plan* – ISP) JANM Bagi Tempoh 2019 – 2023

Pelan Strategik *Business* dan Pelan Strategik ICT JANM telah tamat tempoh pada Disember 2016. Sehubungan dengan itu, pembangunan Pelan Strategik *Business* (BSP) dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM bagi tempoh 2019 – 2023 adalah perlu bagi memastikan ianya selari dengan hala tuju dan dasar negara. Pembangunan ini akan dapat menyokong keperluan semasa khususnya bagi pelaksanaan perakaunan akruan mulai tahun 2018. Ianya juga bagi memastikan strategi JANM adalah selaras dengan polisi kewangan dan perakaunan antarabangsa. Beberapa program/aktiviti utama telah dijalankan untuk menjayakan pembangunan projek BSP dan ISP.

Mesyuarat Projek *Kick Off* Pembangunan Pelan Strategik *Business* (BSP) Dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM 2019 – 2023

Mesyuarat *kick off* bagi projek Pembangunan BSP dan ISP telah diadakan pada 12 Jun 2018 sebagai tanda permulaan projek pembangunan BSP dan ISP JANM 2019 – 2023. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk memperakukan kaedah dan metodologi penyediaan pelan, tempoh pelaksanaan projek dan cadangan tadbir urus projek. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia.



Mesyuarat Projek *Kick Off* Pembangunan BSP & ISP Dipengerusikan Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia



Sesi Bergambar Bersama Pengurusan Tertinggi JANM

Bengkel *Awakening* Pembangunan Pelan Strategik *Business* (BSP) Dan Pelan Strategik ICT (ISP) JANM 2019 – 2023

Bengkel *Awakening* telah diadakan pada 3 dan 4 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Sesi bengkel telah bermula dengan pembentangan mengenai trend/perkembangan perakaunan sektor awam dan trend teknologi digital masa hadapan dan diikuti dengan pembentangan oleh Gartner mengenai "What is Digital Business and Why It Matters to Accountants". Wakil pengurusan dari semua Bahagian dan Seksyen, pasukan pengurusan projek BSP dan ISP serta Pasukan Projek Pembangunan BSP dan ISP telah menghadiri bengkel ini.



Pembentangan Dari Gartner : *What Is Digital Business (Industry 4.0) And Why It Matters To Accountants?*



Perbincangan Kumpulan



Sesi Bergambar Dengan Peserta Bengkel

Sesi Temu Bual Dengan *Stakeholders* JANM

Sesi temu bual dengan *stakeholders* JANM telah diadakan sepanjang projek pembangunan BSP dan ISP JANM 2019 – 2023. Tujuan sesi temu bual adalah untuk mendapatkan maklum balas dan input daripada *stakeholders* bagi merangka hala tuju dan memperbaiki prestasi serta perkhidmatan JANM. Antara *stakeholders* yang ditemu bual termasuk Pengurusan Tertinggi JANM, Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA), Persatuan Penolong Akauntan JANM (PERPENA), Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI), Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), juruaudit dan penyelesai syarikat, *Malaysia Airlines* (MAS) dan MAMPU.



Sesi Temu Bual Bersama Pegawai JPA



Sesi Temu Bual Bersama Pegawai MIA



Sesi Temu Bual Bersama Ketua Pegawai Eksekutif SSM



Sesi *Focus Group* Bersama Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat







Lab Core Team BSP Dan ISP

Beberapa siri *lab core team* BSP dan ISP telah diadakan sepanjang projek pembangunan BSP dan ISP pada tahun 2018. Antara perkara yang dibincangkan termasuk penetapan visi dan misi, teras strategik, strategi, program dan inisiatif.



Lab Core Team BSP Dan ISP

Bengkel *Strategic Visioning* Pembangunan BSP Dan ISP

Bengkel *Strategic Visioning* telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2018 di Holiday Inn Kuala Lumpur Glenmarie, Shah Alam, Selangor. Objektif bengkel ini adalah untuk mendapatkan input/buah fikiran daripada peserta untuk tujuan penambahbaikan dan pengesahan kajian semula BSP dan ISP JANM bagi tempoh lima (5) tahun akan datang iaitu 2019 hingga 2023 selaras dengan hala tuju JANM untuk menjadi sebuah organisasi terbilang dalam perkhidmatan perakaunan dan kewangan sektor awam.







Bengkel *Strategic Visioning* Pembangunan BSP Dan ISP

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Pensijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia

JANM telah menjemput Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk membuat pengauditan pensijilan semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Lawatan pengauditan telah diadakan pada 15 dan 16 Ogos 2018. Susulan daripada lawatan tersebut, JANM telah menerima pensijilan semula EKSA dengan kategori Cemerlang daripada MAMPU berkuat kuasa pada 15 September 2018 hingga 14 September 2020. Kejayaan JANM menerima persijilan semula EKSA ini adalah usaha sama dan kegigihan daripada warga JANM yang disokong penuh oleh Pengurusan Tertinggi yang menjadikan pensijilan EKSA ini salah satu daripada *Key Performance Indicator* (KPI) Jabatan. EKSA perlu dijadikan amalan dan budaya kerja warga JANM sepanjang masa. Amalan budaya EKSA secara konsisten dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja. Sehubungan itu, pelbagai aktiviti/program EKSA telah dilaksanakan oleh JANM pada tahun 2018 seperti berikut:

Jadual 5 : Aktiviti/Program EKSA Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2018

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu EKSA JANM	29 Mac 2018
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EKSA JANM	20 Mac 2018 1 Ogos 2018
3.	Lawatan Ke Kementerian/Agensi/Jabatan Yang Telah Memperolehi Sijil EKSA	6 Feb 2018 (IAB Bandar Enstek) 27 Sep 2018 (MaGIC)
4.	Gotong Royong Perdana	24 dan 25 Apr 2018
5.	Pengemaskinian Maklumat Di Laman Web Mengenai Akiviti EKSA	Sebulan sekali sepanjang tahun 2018
6.	Kempen Kesedaran EKSA Dalam Perhimpunan Bulanan	Perhimpunan bulan Februari 2018 Perhimpunan bulan April 2018 Perhimpunan bulan Jun 2018

Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Secara *Do-It-Yourself* (DIY) Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan

Pada tahun 2018, pengauditan persijilan semula EKSA di JANM Negeri telah dilaksanakan secara *Do-It-Yourself* (DIY). Kaedah pelaksanaan pengauditan EKSA DIY ini adalah secara audit silang antara JANM Negeri yang ditempatkan mengikut zon (Utara, Tengah, Selatan, Timur, Sarawak, Sabah) dan turut melibatkan juruaudit dari Ibu Pejabat JANM.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak dua (2) siri audit telah berjaya dilaksanakan seperti berikut:

Jadual 6 : Siri Audit Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2018

Bil.	Siri Audit	JANM Negeri	Keputusan Audit
1.	Audit Persijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Secara DIY Siri 1 Tahun 2018	JANM Negeri Sembilan	Menerima persijilan semula kategori "Cemerlang" bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2020.
		JANM Negeri Johor	
		JANM Negeri Melaka	
		JANM Negeri Terengganu	
		JANM Negeri Pahang	
2.	Audit Persijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam Secara DIY Siri 2 Tahun 2018	JANM Negeri Perlis	
		JANM Negeri Selangor	
		JANM Negeri Kelantan	

Program Inovasi Dan Integriti JANM

Pertandingan Mencipta Tema Inovasi

Pertandingan ini telah diadakan bermula pada 24 April hingga 11 Mei 2018. Tema "Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi" telah dipilih oleh pihak juri untuk memenangi pertandingan ini. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Senarai Pemenang Pertandingan Mencipta Tema Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Puan Noorakmar binti Hussin	PPPA
Kedua	Puan Rohsani binti Othman	JANM Cawangan Sandakan
Ketiga	Puan Noraminahwati binti Ithnin	BPOPP

Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi diadakan bertujuan untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti di kalangan warga JANM yang boleh diketengahkan untuk kebaikan organisasi. Sebanyak 44 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan. Tempoh pertandingan bermula dari 3 hingga 31 Mei 2018. Tiga (3) pemenang yang telah dipilih oleh juri adalah seperti berikut:

Jadual 8 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/ Cawangan	Idea Inovasi
Pertama	Encik Chong Chun Yan	JANM Cawangan Sibu	Sistem Doktor Akaun
Kedua	Encik Ahmad Badri bin Abu Bakar	JANM Perak	Sistem i-GFMAS *Care Centre* (Pemfailan)
Ketiga	Encik Muhammad Safwan bin Abdul Rahman	JANM Cawangan Miri	*My Transfer App*

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk mencungkil dan mengasah bakat menulis di kalangan warga JANM. Pertandingan ini telah bermula pada 14 Mei hingga 13 Julai 2018. Senarai pemenang adalah seperti di Jadual 9.



Jadual 9 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan	Artikel
Pertama	Puan Nor Shafawati binti Jamal	JANM Negeri Perak	Inovasi Pencetus Perubahan Zaman
Kedua	Puan Noraida binti Alias	BKP	e-Pembayaran : Inovasi Perkhidmatan Pembayaran Dalam Talian, Menyokong Usaha ke Arah Kerajaan Elektronik
Ketiga	YM. Tengku Mohd Azlan bin Tengku Dalam	JANM Negeri Pahang	Sistem Pengurusan Stor dan Pelupusan Dokumen serta Peralatan Kerajaan

Artikel-artikel pemenang telah dikongsikan di dalam Portal *Knowledge Management* JANM.

Pertandingan Poster Inovasi

Pertandingan ini bertujuan untuk mencungkil kreativiti warga JANM. Pertandingan ini telah bermula dari 25 Jun hingga 27 Julai 2018. Poster pemenang tempat pertama telah dijadikan *backdrop* dan *bunting* sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2018. Terdapat dua (2) pemenang dipilih daripada 11 penyertaan.

Jadual 10 : Senarai Pemenang Pertandingan Poster Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	Bahagian/JANM Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Muhamad Zamzuri bin Musa	JANM Negeri Kedah
Kedua	Encik Syed Adib Izhab bin Wan Salim	JANM Cawangan Miri



Pertandingan Inovasi Dari Bahan Buangan



Pertandingan ini diadakan bermula pada 28 Jun hingga 27 Julai 2018. Peserta perlu mengambil bahagian secara berkumpulan bagi mencipta barang-barang berbentuk seperti perabot atau binaan kreatif yang umum dengan menggunakan barangan terpakai. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 11 : Senarai Pemenang Pertandingan Inovasi Dari Bahan Buangan

Kedudukan	Nama Kumpulan	Nama Projek
Pertama	Kumpulan ECO-5 (Pejabat Timbalan Akauntan Negara)	Projek *Zero Waste For Better Life*
Kedua	Kumpulan ZZES (BA MOF)	Bekas Serbaguna
Ketiga	Kumpulan Y-NOTS (BPOPA)	*Multi purpose chair and side table*



Ceramah Inovasi

JANM telah menganjurkan satu ceramah inovasi bertajuk "Inovasi Keperibadian Kendiri" yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Fazley bin Yaakob pada 17 Ogos 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM dan telah dihadiri oleh seramai 200 warga JANM.

Pertandingan Keceriaan Tangga Mengikut Bahagian

Pertandingan menambah baik dan menceriakan ruangan tangga mengikut Bahagian telah diadakan pada 20 Ogos hingga 6 September 2018. Tema pertandingan ini adalah "Ceria & Berinformasi". Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 12 : Senarai Pemenang Pertandingan Keceriaan Tangga Mengikut Bahagian

Kedudukan	Bahagian
Pertama	BKP
Kedua	BPOPP
Ketiga	BPAD





Lawatan Inovasi Ke Air Asia Berhad



Lawatan Inovasi Ke Petronas Dagangan Berhad

Lawatan Inovasi

Program lawatan inovasi merupakan salah satu program inovasi tahunan JANM. Lawatan siri pertama telah diadakan pada 6 September 2018 ke Air Asia Berhad dan lawatan siri kedua ke Petronas Dagangan Berhad pada 13 September 2018.

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan idea-idea berkaitan program inovasi di samping mempelajari pendekatan yang diguna pakai oleh Air Asia dan Petronas.

Ceramah Motivasi

Ceramah motivasi bertajuk "Berintegriti Lalu Ke Syurga'' telah diadakan pada 13 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Ceramah ini telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim, pensyarah dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL).



Ceramah Motivasi Disampaikan Oleh YBhg. Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim



Penyampaian Cenderamata Oleh Encik Sadikin Bin Aton, Pengarah BWTD

Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi JANM



Peserta Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi 2018



Sesi Senamrobik

Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi telah diadakan pada 21 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna dan sekitar bangunan JANM. Sesi senamrobik juga diadakan sebelum aktiviti *Treasure Hunt* Inovasi dimulakan. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 13 : Senarai Pemenang Pertandingan *Treasure Hunt* Inovasi JANM

Kedudukan	Nama Kumpulan	Bahagian/Negeri/ Cawangan
Pertama	Redah Je	BKP
Kedua	Vogiedevass	BPOPP
Ketiga	The 80's	BPAD

Kursus/Bengkel Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Tiga (3) siri Kursus Horizon Baharu KIK telah diadakan pada 25 hingga 26 September 2018 (Siri 1), 3 hingga 4 Oktober 2018 (Siri 2) dan 17 hingga 18 Oktober 2018 (Siri 3). Kursus KIK telah diadakan di Institut Perakaunan Negara (IPN), Sabak Bernam dan IPN CPD, Cyberjaya. Kursus ini telah dihadiri oleh 92 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai dari Bahagian, JANM Negeri dan Cawangan.

Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM Tahun 2018

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM dilaksanakan setiap tahun dengan disokong oleh penganjuran program/aktiviti inovasi dan integriti yang disertai oleh warga JANM. Tema sambutan pada tahun ini adalah "Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi".

Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2018 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia (ANM) pada 25 Oktober 2018. YBhg. Datuk ANM juga berbesar hati melancarkan Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD) dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan yang diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2018.



Majlis Perasmian Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia



Bacaan Ikrar Integriti Oleh YBrs. Encik Sadikin Bin Aton, Pengarah BWTD

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2017

Majlis AAK JANM Tahun 2017 telah diadakan pada 28 Mac 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis ini telah disempurnakan dengan penuh gemilang oleh YBhg. Dato' Wira Othman bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I dan dihadiri oleh lebih 300 warga JANM dari semua Bahagian, JANM Negeri dan JANM Cawangan.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada warga JANM yang menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2017. Para penerima anugerah telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM1,000 berserta sijil penghargaan.





Pelancaran Majlis AAK JANM Tahun 2017 Oleh YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I



Majlis Penyampaian Sijil AAK JANM Tahun 2017 Oleh YBhg. Dato' Wira Othman Bin Aziz, Timbalan Menteri Kewangan I



Barisan Urus Setia Majlis AAK JANM Tahun 2017

Majlis Sekalung Budi Seharum Kasih



JANM telah mengadakan Majlis Sekalung Budi Seharum Kasih 2018 pada 12 Julai 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk mengenang dan menghargai jasa serta pengorbanan yang telah dicurahkan oleh warga JANM sama ada bersara wajib atau pilihan pada tahun 2018. Selain itu, JANM turut menjemput wakil bagi pegawai yang telah meninggal dunia semasa masih dalam perkhidmatan di JANM.

Seramai 49 orang pesara terdiri daripada 29 orang pesara wajib, 17 orang pesara pilihan dan 3 orang pegawai meninggal dunia dalam perkhidmatan pada tahun 2018 ini. Pecahan pesara mengikut jantina adalah seperti berikut:

Jadual 14 : Pecahan Pesara Mengikut Jantina Pada Tahun 2018

Jenis Persaraan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Wajib	10	19	29
Pilihan	6	11	17
Meninggal dunia	2	1	3
Jumlah	**18**	**31**	**49**

Pesara yang diraikan telah menerima sijil penghargaan dan cenderamata bernilai RM400.00. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia.



Sekitar Majlis Sekalung Budi Seharum Kasih 2018



Penyampaian Sijil Dan Cenderamata Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia Kepada Pesara

Lawatan Akademik Dari Institusi Pengajian Tinggi

Sepanjang tahun 2018, JANM telah menerima lawatan akademik daripada lima (5) buah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Antaranya adalah seperti berikut:

Jadual 15 : Lawatan Akademik Dari Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta

Bil.	Nama Institusi	Tarikh Lawatan	Bilangan	
			Pelajar	Pengiring
1.	Kolej Mutiara, Selangor	25 Jan 2018	17	1
2.	Universiti Selangor (UNISEL), Selangor	16 Ogos 2018	65	2
3.	Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah	8 Nov 2018	42	1
4.	YPC International College, Kuala Lumpur	13 Nov 2018	45	2
5.	Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor	29 Nov 2018	96	3

Objektif lawatan akademik ini adalah bertujuan untuk memberi gambaran lebih jelas mengenai fungsi dan peranan JANM, memberi pendedahan kepada pelajar mengenai sistem perakaunan di dalam sektor awam serta mendedahkan pelajar terhadap isu-isu dan cabaran di dalam dunia pekerjaan terutama di dalam bidang perakaunan sektor awam.



Antara Institusi Pengajian Tinggi Yang Mengadakan Lawatan Ke JANM Pada Tahun 2018

Lawatan Delegasi Dari Luar Negara

Sepanjang tahun 2018, JANM hanya menerima kunjungan serta lawatan daripada Kemboja pada 4 hingga 5 April 2018 yang terdiri daripada tujuh (7) orang pegawai daripada Ministry of Economy and Finance Cambodia.

Lawatan dan kunjungan hormat tersebut adalah bertujuan untuk mempelajari dan berkongsi idea dan pandangan berkaitan pembangunan piawaian perakaunan khususnya bagi sektor awam. Taklimat yang diberikan kepada delegasi tersebut disampaikan oleh Puan Noorlida binti Mohd Khalid dan Puan Nor Rosita binti Idris daripada Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA) merangkumi topik seperti berikut:

1. *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)
2. *Change Management*



Delegasi Kemboja Bergambar Bersama Pegawai JANM



Sesi Menandatangani Buku Pelawat



Encik Mohd Azmi Bin Mohamed Yazid, Pengarah PPPA Menyampaikan Cenderamata Kepada Ketua Delegasi


Antara aktiviti lawatan delegasi merangkumi taklimat ringkas daripada Bahagian yang berkaitan, sesi soal jawab dan perbincangan, lawatan ke galeri JANM dan sesi bergambar kenangan.

Perjawatan

Perkhidmatan awam merupakan nadi kepada kekuatan sistem pengurusan sesebuah negara. Bagi mencapai matlamat negara dengan lebih komprehensif, penjawat awam perlu berdaya saing dan memiliki kompetensi yang diperlukan bagi memastikan kelestarian matlamat tersebut. Justeru, pengurusan sumber manusia yang efektif memainkan peranan penting dalam mempersiapkan modal insan yang kompeten dan berkualiti.

BPPP bertanggungjawab ke atas perancangan dan pembangunan Skim Perkhidmatan Perakaunan


Carta 6 : Pecahan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Pada Tahun 2018



sebagai tunggak utama sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan. BPPP juga berperanan dalam memastikan pembangunan organisasi yang efektif dan padu dengan pengurusan sumber manusia yang optimum selaras dengan dasar semasa Kerajaan.

Melalui sumber manusia yang efektif, pengisian bagi perjawatan skim perkhidmatan perakaunan dapat diisi. Ini dapat dilihat melalui peratusan pengisian sebanyak 95.63% iaitu pengisian sebanyak 5,601 daripada 5,857 perjawatan di Kementerian dan Jabatan seluruh Malaysia.

Carta 7 : Perbandingan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian Dan Jabatan Bagi Tahun 2017 Dan 2018



Dengan pengurusan yang baik juga, peningkatan pengisian jawatan adalah stabil atau meningkat di semua gred jawatan. Dengan peratus pengisian yang tinggi, tugas di bidang kewangan dan akaun dapat dilaksanakan dengan baik.

Pemangkuan

Urusan pemangkuan adalah merupakan salah satu aspek penting dalam pengurusan sumber manusia. Urusan ini merupakan suatu insentif dalam bentuk kemajuan kerjaya kepada pegawai dan juga suatu dorongan dalam peningkatan prestasi kerja pegawai. Pelaksanaan pengurusan pemangkuan skim perakaunan dilaksanakan setiap tahun bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada dan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010. Perincian maklumat adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 16.


Jadual 16 : Statistik Perbandingan Pegawai Perkhidmatan Perakaunan Untuk Urusan Pemangkuan Bagi Tahun 2017 Dan 2018

Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Bilangan Pegawai	
		Tahun 2017	Tahun 2018
Pengurusan Tertinggi	JUSA	6	5
Pengurusan Dan Profesional	WA54	8	18
	WA52	5	19
	WA48	13	29
	WA44	11	33
Pelaksana	W40	0	2
	W36	21	29
	W32	32	34
	W28	0	3
	W26	19	16
	W22	31	39
Jumlah		**146**	**227**

Lapor Diri Pegawai Lantikan Baharu

Sepanjang tahun 2018, lantikan baharu bagi Akauntan Gred WA41 adalah seramai 75 orang dan lantikan baharu bagi Pembantu Akauntan Gred W19 adalah seramai 19 orang. Tiada lantikan baharu bagi Penolong Akauntan Gred W29 dilaksanakan disebabkan oleh lebihan Penolong Akauntan Gred W29 (KUP) berikutan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2016.

Carta 8 : Perbandingan Jumlah Pegawai Skim Perkhidmatan Perakaunan Lantikan Baharu Bagi Tahun 2017 Dan 2018



Kursus Dan Seminar

Kursus Bulanan

Objektif kursus bulanan anjuran BPPP adalah:

1. Memberi pendedahan kepada warga JANM mengenai kemahiran *soft skills* bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam membantu pegawai menjalankan tugas hakiki.
2. Memberi pendedahan kepada peserta kursus terhadap isu-isu semasa dan percambahan ilmu pengetahuan yang secara langsung dan tidak langsung meningkatkan produktiviti kerja seharian.
3. Membolehkan semua warga JANM dan pegawai perakaunan dapat mengikuti kursus dan mencapai sekurang-kurangnya tujuh (7) hari berkursus pada tahun semasa.

Pada tahun 2018, Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK) telah melaksanakan sembilan (9) siri kursus bulanan. Kesemua kursus tersebut telah diadakan di Dewan Serbaguna, JANM dan melibatkan seramai 1,487 orang peserta.

Jadual 17 : Kursus Bulanan Yang Telah Diadakan Sepanjang Tahun 2018

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Transformasi Diri Melalui Teknik EQ	25 Jan 2018	197
2.	Duit: Mana Pergi Gajiku?	26 Feb 2018	240
3.	Jenayah Siber	21 Mac 2018	205
4.	Perut Sihat, Minda Sejahtera	18 Apr 2018	191
5.	*Paperless* : Ke Arah Persekitaran Digital Di Tempat Kerja Siri I	28 Jun 2018	114
6.	*Paperless* : Ke Arah Persekitaran Digital Di Tempat Kerja Siri II	3 Ogos 2018	114
7.	*Don't Worry Be Happy*	30 Ogos 2018	228
8.	Pengurusan Majlis Rasmi	19 Sep 2018	137
9.	Teknik Komunikasi dan Pengucapan Awam	31 Okt 2018	61



Kursus Bulanan Bil. 1/2018



Kursus Bulanan Bil. 9/2018

Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara

Tujuan kursus, lawatan dan persidangan di luar negara adalah untuk memberikan pendedahan yang lebih luas berhubung perkembangan teknologi dan aplikasi perakaunan terkini yang berada di pasaran antarabangsa. Selain itu, pegawai yang terlibat juga berpeluang untuk menimba ilmu pengetahuan berhubung polisi dan tatacara perakaunan yang diamalkan di negara yang telah mempraktikkan perakaunan asas akruan dan untuk mengembangkan *networking* profesionalisme perkhidmatan perakaunan sektor awam Malaysia di peringkat antarabangsa.

Jadual 18 : Senarai Pegawai Yang Menghadiri Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara Sepanjang Tahun 2018

Bil.	Nama Pegawai	Kursus dan Tempat	Tarikh
1.	Puan Siti Khatijah binti Samsudin	ACCA *International Public Sector Conference* 2018, Singapura	1 – 2 Mac 2018
2.	Puan Noor Azura binti Mohd Azhar		
3.	Encik Abang Ismail bin Abang Puteh	*Data Management*, Australia	11 – 16 Mac 2018
4.	Encik Ahmad Shah bin Wahid	*Storage Management*, Australia	
5.	Puan Azizah binti Ahmad Ahdi	*Data Leakage Prevention*, Australia	
6.	Tuan Hj. Ramli bin Chik	2018 *Public Expenditure Management Network In Asia* (PEMNA) *Plenary Conference*, Cambodia	2 – 4 Mei 2018
7.	Encik Azeman bin Miskah		
8.	Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali		
9.	Puan Norliza binti Ahmad	*The Institute of Internal Auditors International Conference* 2018, Dubai	6 – 9 Mei 2018
10.	Dr. Yacob bin Mustafa	CIPFA *Annual Conference & Exhibition* 2018, Bournemouth, UK	9 – 14 Jul 2018

Bil.	Nama Pegawai	Kursus dan Tempat	Tarikh
11.	Cik Noni binti Abdul Razak	*Gartner Catalyst Conference* London 2018, London	26 – 27 Sep 2018
12.	Encik Jafril bin Junit	*World Congress of Accountants* (WCOA) Sydney, Australia	5 – 8 Nov 2018
13.	Cik Salmiah binti Ramli		
14.	Encik Osman bin Mantali		
15.	Encik Mohd Asraf bin Omar		
16.	Dato' Zamimi bin Awang		
17.	Encik Mohd Redzuan bin Hasan	*Building A High Performance Organisation Culture*, Tokyo, Jepun	4 – 10 Nov 2018
18.	Puan Baizurah binti Sabri	Transformasi Organisasi Melalui Tadbir Urus Bersepadu (TUBE), Indonesia	12 – 16 Nov 2018
19.	Encik Mohd Asri bin Mat	*Big Data Foundation Courses* 2018, Singapura	14 – 16 Nov 2018
20.	Encik Mohamad Iiyas bin Md		
21.	Encik Ahmad Sukri bin Abdul Gani	*Brand Masterclass*, London	15 – 16 Nov 2018
22.	Puan Nurul Husna binti Assanah		
23.	Puan Noraida binti Alias	*Oracle Cloud Computing*, Frankfurt, Jerman	17 – 18 Dis 2018
24.	Encik Muhammad Azhar Fairuzz Hiloh		

Kursus Swasta Dalam Negeri

Kursus swasta dalam negeri juga adalah medium bagi memantapkan kompetensi pegawai JANM merangkumi ilmu dari segi teknikal dan kemahiran insaniah. Kursus-kursus yang dipilih juga menepati objektif untuk meningkatkan profesionalisme pegawai dengan menambah pengetahuan serta melengkapkan pegawai dengan isu-isu semasa untuk diaplikasikan dalam menjalankan tugas seharian.

Jadual 19 : Kursus Swasta Dalam Negeri Yang Dihadiri Sepanjang Tahun 2018

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Pengaturcaraan PHP *Laravel* dan Pangkalan Data MySQL Siri 1	19 – 22 Feb 2018	Kuala Lumpur
2.	*Financial Auditing for Internal Auditors*	23 – 24 Apr 2018	Bangsar
3.	Konvensyen Pentadbir ICT (KPiCT) 2018 "Revolutionising Next Generation Digital Services"	24 – 26 Apr 2018	Johor Bahru, Johor
4.	*Corporate Rescue Mechanism – Company Voluntary Arrangement and Judicial Management*	26 Apr 2018	Hotel Pullman, Kuala Lumpur
5.	Simposium Integriti Tadbir Urus Perkhidmatan Awam	2 – 3 Mei 2018	Hotel Novotel, Melaka
6.	ISO9001:2015 *Risk Management & Assessment* (QMS03)	25 – 26 Jun 2018	Hotel Concorde, Shah Alam
7.	Seminar Kewangan dan Pengauditan Sektor Awam 2018	2 – 4 Jul 2018	Hotel Klagan, Sabah
8.	Persidangan Tahunan ACCA 2018	3 Jul 2018	The St Regis, Kuala Lumpur
9.	Kursus ISTQB *Certified Tester : Foundation Level* (CTFL)	16 – 20 Jul 2018	Bukit Jalil, Kuala Lumpur
10.	Bengkel Mengendali Klien Dirujuk: Pengguna *Tools* Ujian Psikologi Klinikal	30 – 31 Jul 2018	IPG Kampus Teknik, Nilai
11.	Seminar Tatacara Pengurusan Siasatan Dalaman	30 – 31 Jul 2018	Pusat Konvensyen MITC, Ayer Keroh
12.	*Digital Network Architecture* (DNA) *Implementation Essential* v1.0	30 Jul – 3 Ogos 2018	Bandar Utama, Petaling Jaya

Bil.	Kursus	Tarikh	Tempat
13.	DCN9K *Cisco Nexus* 9K	6 – 10 Ogos 2018	Telekom (M) Bhd
14.	*Financial Revolution 4.0*	17 – 18 Ogos 2018	Hotel Mahkota, Melaka
15.	Kursus Konvensyen Integriti PKNS Kali Ke-5 – Pemerkasaan Integriti dan Tadbir Urus Korporat	28 Ogos 2018	Shah Alam Convention Centre
16.	*Risk Management Conference* 2018	29 Ogos 2018	The Vertical, Bangsar
17.	*Software Testing Conference Asia* 2018 (Softec *Asia* 2018)	3 – 4 Sep 2018	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
18.	*Programming with Linux Basic for Network Engineer*	3 – 7 Sep 2018	Dimension Data, Petaling Jaya
19.	Kongres CPA (Australia) 2018	6 Sep 2018	Petaling Jaya
20.	*Conference for Government* ICT *Officers of Malaysia* 2018 (CONFIG)	6 Sep 2018	Magic Auditorium, Cyberjaya
21.	*Public Sector Internal Audit Conference* 2018	13 Sep 2018	Nexus, Bangsar
22.	Pembangunan Lawan Web Menggunakan *Wordpress*	24 – 27 Sep 2018	Cyberjaya
23.	Konvensyen Pengurusan Aset dan Fasiliti Negara (NAFAM)	8 – 9 Okt 2018	PICC
24.	*Microsoft Excel Intermediate & Advance*	9 – 10 Okt 2018	IOI Business Park, Puchong
25.	MIA *Conference* 2018	9 – 10 Okt 2018	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
26.	*Social Collaboration for Cost-savings, People Productivity & Engagement*	22 – 23 Okt 2018	Hotel Park Royal
27.	*Data Analysis with Pivot Table*	23 Okt 2018	IOI Business Park, Puchong
28.	Pengaturcaraan PHP *Laravel* dan Pangkalan Data MySQL Siri 2	24 – 26 Okt 2018	Kuala Lumpur
29.	*Information Technology Infrastructure Library* (ITIL)	24 – 26 Okt 2018	Mid Valley, Kuala Lumpur
30.	*Asia Confederation of Institutes of Internal Auditors Conference* 2018	29 – 30 Okt 2018	Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
31.	*Anti-Corruption Summit* 2018	30 Okt 2018	Hotel Istana, Kuala Lumpur
32.	Program Pensijilan Kaunseling Kesihatan Mental	30 Okt – 2 Nov 2018	Universiti Malaya
33.	Pengaturcaraan PHP *Laravel* dan Pangkalan Data MySQL Siri 3	31 Okt – 2 Nov 2018	Kuala Lumpur
34.	*Introduction to Programming with* ABAP (BC100)	7 – 8 Nov 2018	Wisma Goshen, Kuala Lumpur
35.	*The Art of Investigate Interviewing*	12 – 13 Nov 2018	Hotel Concorde, Kuala Lumpur
36.	Seminar Pelan Tindakan Integriti dan Anti Rasuah dalam Kerangka Hala Tuju Malaysia Baharu	13 – 14 Nov 2018	Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh
37.	*Into Digital Revolution Workshop*	14 Nov 2018	Le Meridien Hotel, Putrajaya
38.	*Big Tulip Summit – National Women Inspiring Women Programme* 2018	3 – 4 Dis 2018	Hotel Istana, Kuala Lumpur
39.	*Cashless Payment – Reinventing Payment Landscapes in Globalizing Era*	5 – 6 Dis 2018	Hotel Gtower, Kuala Lumpur
40.	*Public Sector Financial Management Conference* 2018	10 – 11 Dis 2018	Connexion Conference & Event Center, Kuala Lumpur

Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*)

Seiring dengan objektif jabatan, Pelan Latihan Operasi (*Training Roadmap*) dianjurkan bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan. Ia adalah sebagai platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya warga perakaunan. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 25 kursus melibatkan penyertaan seramai 616 pegawai terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan seperti berikut:

Jadual 20 : Kursus Pelan Latihan Operasi Sepanjang Tahun 2018

Kumpulan	Siri	Kehadiran
Akauntan	5	145
Penolong Akauntan	10	240
Pembantu Akauntan	10	231



Kursus Analisa Penyata Kewangan



Kursus Perakaunan Forensik (Pertengahan)

Persidangan Akauntan Antarabangsa *Malaysian Institute Of Accountants* (MIA) 2018

MIA telah menganjurkan Persidangan MIA 2018 pada 9 hingga 10 Oktober 2018 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Persidangan kali ini bertemakan "Riding the Digital Wave. Leading Transformation" telah dirasmikan oleh YB. Dato' Ir. Haji Amiruddin bin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan. Persidangan selama dua (2) hari itu dihadiri kira-kira 3,000 delegasi dari 30 negara termasuk 100 orang pegawai dari JANM. Persidangan ini dianjurkan bagi menawarkan para akauntan pendekatan yang lebih mendalam bagaimana untuk memulakan inisiatif transformasi dan menggunakan kaedah yang tepat dalam memimpin organisasi ke puncak tertinggi.



Persidangan Akauntan Antarabangsa (MIA) 2018



Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)

Pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) HRMIS JANM

KPI HRMIS mula dilaksanakan pada tahun 2009 ke atas Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Pelaksanaan KPI HRMIS yang telah dikenakan ke atas 49 PPTPA dan empat (4) orang Setiausaha Kerajaan Perkhidmatan Awam Negeri adalah seperti berikut:

Rajah 1 : Kriteria KPI HRMIS Bagi Tahun 2018



Kriteria-kriteria penilaian yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksanaan HRMIS di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan turut dibentangkan di dalam Mesyuarat Pelaksanaan HRMIS peringkat JANM yang diadakan sebanyak dua (2) kali setahun. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah BPPP dan dihadiri oleh wakil-wakil Bahagian yang terlibat secara langsung di dalam urusan penyelarasan pentadbiran di peringkat Bahagian masing-masing.

JANM telah berjaya mengekalkan pencapaian 100% bagi KPI HRMIS bagi tahun 2017. Penganugerahan sijil kecemerlangan tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), YBhg. Datuk Borhan bin Dolah kepada wakil JANM iaitu YBrs. Encik Jafril bin Junit, Pengarah BPPP semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu HRMIS Bil. 1 Tahun 2018 pada 1 Oktober 2018. Jadual 21 berikut menunjukkan status pencapaian JANM berdasarkan pelaksanaan KPI HRMIS mengikut tahun penilaian.

Jadual 21 : Status Pencapaian KPI HRMIS Bagi Tahun 2015 Hingga 2017

Tahun	Bilangan Kriteria Penilaian	Pencapaian Pelaksanaan HRMIS Di JANM (*Rating*)	Jumlah Markah *(Pemarkahan adalah bergantung kepada kaedah perkiraan pada tahun penilaian)*
2015	5	5 *star*	99.37
2016	6	5 *star*	100
2017	6	5 *star*	100

Bagi menghargai kerjasama warga JANM, Jabatan turut menganugerahkan sijil penghargaan kepada setiap Bahagian yang mana KPI HRMIS juga merupakan KPI Pengarah-pengarah Bahagian semasa Perhimpunan Bulanan JANM pada 21 November 2018. Bagi pejabat JANM Negeri dan Cawangan, penyerahan sijil kepada Pengarah masing-masing diadakan semasa Mesyuarat Pengarah Negeri dan Cawangan pada 30 November 2018.



Penganugerahan Sijil Kecemerlangan Telah Disampaikan Oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) Kepada Wakil JANM



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

ANUGERAH KECEMERLANGAN
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS
TAHUN 2017

kepada

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

di atas pencapaian cemerlang

100%

KPI HRMIS Tahun 2017

DATUK BORHAN BIN DOLAH
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Sijil Kecemerlangan KPI HRMIS Bagi Tahun 2017

Program Pengurusan Sumber Manusia JANM

Kursus Pengurusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2018

Kursus Pengurusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2018 telah diadakan pada 23 hingga 26 September 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, Hotel Langkawi Seaview. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Jafril bin Junit, Pengarah BPPP.

Kursus ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan berhubung hal-hal perkhidmatan seperti cuti, penyediaan kewangan 8 (Kew.8), pengesahan pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, perlanjutan, pemberian taraf berpencen, HRMIS dan lain-lain. Kursus ini telah dihadiri oleh 62 orang peserta terdiri daripada semua Bahagian dan JANM Negeri/Cawangan. Penceramah terdiri daripada pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).



Ucapan Aluan Oleh Puan Maniza Binti Mahfuz, KPPK (SKPSM)



Peserta Kursus Sedang Mendengar Taklimat Daripada Encik Naszri Bin Jaiman, PPK (SKPSM)



Peserta Kursus Pengurusan Perkhidmatan Sumber Manusia JANM Tahun 2018

Keseluruhan maklum balas yang diterima daripada peserta kursus sangat baik terutamanya hal-hal berkaitan perkhidmatan. Selain itu, kursus ini dapat menjalin hubungan baik antara pegawai di Ibu Pejabat, Bahagian, Negeri dan Cawangan. Peserta dari Bahagian, Negeri dan Cawangan boleh membuat pertanyaan terus kepada pegawai yang menjaga Bahagian masing-masing tentang proses kerja sesuatu perkhidmatan.

Prestasi Kewangan

Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B10)

Pada tahun 2018, JANM telah diperuntukkan sebanyak RM356.00 juta berbanding RM251.40 juta iaitu peningkatan sebanyak RM104.60 juta atau 41.60% pada tahun 2017.

Pecahan peningkatan peruntukan JANM tahun 2018 adalah seperti di Jadual 22.

Jadual 22 : Perbezaan Pecahan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2017 Dan 2018

Peruntukan	Tahun 2017 (RM Juta)	Tahun 2018 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)
Emolumen	128.30	130.75	1.90%
Bekalan dan Perkhidmatan	109.32	223.40	104.35%
Aset	13.41	1.50	(88.81%)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.37	0.35	5.40%
Jumlah Keseluruhan	**251.40**	**356.00**	**41.60%**

Trend peruntukan mengurus serta perbelanjaan JANM bagi tiga (3) tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 23 dan Carta 9.

Jadual 23 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2018

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2016	Tahun 2017	Tahun 2018
Peruntukan (RM Juta)	229.89	251.40	356.00
Perbelanjaan (RM Juta)	219.15	242.05	335.51
Prestasi Perbelanjaan (%)	95.33	96.28	94.24

Carta 9 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus JANM Tahun 2018




Bagi tahun 2018, peruntukan yang diterima meliputi RM321.62 juta atau 90.34% bagi Dasar Sedia Ada, RM4.01 juta atau 1.13% bagi Dasar Baru, RM27.71 juta atau 7.78% bagi *One-Off* manakala selebihnya RM2.65 juta atau 0.75% bagi Program Khusus.

Pecahan agihan peruntukan mengurus JANM adalah seperti Carta 10.

.

Carta 10 : Pecahan Agihan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2018



Sehingga bulan berakhir 31 Disember 2018, JANM telah mengoptimumkan perbelanjaan yang diperuntukkan dengan pencapaian Dasar Sedia Ada melepasi sasaran tahunan iaitu 97.97% berbanding sasaran 95%.


Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 mengikut program/aktiviti JANM adalah seperti Jadual 24.

Jadual 24 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus JANM Tahun 2018

Butiran	Program/Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
Dasar Sedia Ada				
040100	Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	48.61	46.35	95.37
040200	Pengurusan Wang Tak Dituntut	10.31	9.92	96.21
040300	Pengurusan Teknologi Maklumat	136.32	135.03	99.05
040400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	83.13	82.51	99.26
040500	Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	6.34	6.19	97.71
040600	Pengurusan Audit Dalam	10.31	9.88	95.89
040700	Khidmat Perunding	8.13	7.76	95.46
040800	Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan	4.35	4.02	92.43
040900	Institut Perakaunan Negara	14.16	13.44	95.06
Jumlah Dasar Sedia Ada		**321.62**	**315.11**	**97.97**
Program Khusus				
060100	Bertugas Luar Negara	0.50	0.46	92.32
060200	Emolumen Kakitangan Kontrak	2.15	1.95	90.74
Jumlah Program Khusus		**2.65**	**2.41**	**91.04**
Dasar Baru				
070100	Sewaan dan Penyelenggaraan	3.01	2.17	72.18
070200	Latihan Profesional Perakaunan	1.00	0.90	90.29
Jumlah Dasar Baru		**4.01**	**3.07**	**76.70**
One-Off				
080100	Harta Modal	1.18	0.60	51.06
080300	Kursus dan Latihan	0.15	0.13	89.68
080500	Pelaksanaan Sistem iGFMAS	12.12	6.62	54.68
080600	Naik Taraf dan Penyelenggaraan	10.65	4.55	42.68
080700	*Global Shared Service Center* (UNDP)	3.63	3.01	82.96
Jumlah *One-Off*		**27.71**	**14.91**	**53.80**
Jumlah Keseluruhan		**356.00**	**335.51**	**94.24**

Perbandingan peruntukan berbanding perbelanjaan bagi program/aktiviti mengurus JANM tahun 2018 adalah seperti Carta 11.

Carta 11 : Perbandingan Peruntukan Berbanding Perbelanjaan Bagi Program/Aktiviti JANM Tahun 2018




Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P10)

Bagi tahun 2018, *Rolling Plan* 4 Rancangan Malaysia Ke-11 (RP4 RMKe-11), JANM telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM20.39 juta iaitu bagi lima (5) projek sambungan dan satu (1) projek baharu. Trend peruntukan dan perbelanjaan bagi RMKe-11 adalah seperti Jadual 25 dan Carta 12.

Jadual 25 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan JANM Bagi RMKe-11

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2015 RP1	Tahun 2016 RP2	Tahun 2017 RP3	Tahun 2018 RP4
Peruntukan (RM Juta)	76.07	92.33	45.59	20.39
Perbelanjaan (RM Juta)	71.34	92.33	45.59	20.14
Prestasi Perbelanjaan (%)	93.79	100	100	98.77

Carta 12 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11



Secara terperinci, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2018 mengikut Butiran Projek adalah seperti Jadual 26.

Jadual 26 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Mengikut Butiran Projek Bagi Tahun 2018

Butiran Projek/ Sub Butiran	Tajuk	Anggaran Tahun 2018 (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
06000 – Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara				
0090000	Projek Perluasan SAGA	2.78	2.54	91.41
0110000	*Data Conversion* – G-UMIS	2.26	2.26	100.00
0120001	Naik Taraf Rangkaian ICT Selaras Dengan iPV6	0.93	0.93	100.00
0130001	Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut	3.12	3.11	99.64
Jumlah Pengkomputeran JANM		**9.09**	**8.84**	**97.25**

Butiran Projek/ Sub Butiran	Tajuk	Anggaran Tahun 2018 (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
07000 – Projek Institut Perakaunan Negara (Baharu)				
0030001	Pembaikan Bangunan dan Kemudahan Infrastruktur STP serta Kemudahan Mekanikal dan Elektrikal di IPN, Sabak Bernam Kesan Mendapan Tanah	0.07	0.07	100.00
Jumlah Projek IPN		**0.07**	**0.07**	**100.00**
86000 – *Strategic Reform Initiatives* (SRI)				
0040001	Pembangunan 1AG *System*	11.24	11.24	100.00
Jumlah SRI		**11.24**	**11.24**	**100.00**
Jumlah Keseluruhan		**20.39**	**20.14**	**98.77**


Prestasi Pengurusan Perolehan

Perolehan bekalan dan perkhidmatan JANM yang dilaksanakan secara tender, sebut harga dan rundingan harga berdasarkan tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan bekalan dan perkhidmatan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti Jadual 27 dan Carta 13 berikut:

Jadual 27 : Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan

Perolehan	Tahun 2016		Tahun 2017		Tahun 2018	
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	7	10,793,055	5	11,029,853	7	12,962,082
Sebut Harga	6	1,989,748	4	1,297,264	7	1,524,558
Rundingan Terus	6	37,631,703	14	47,369,932	7	149,587,869
Jumlah	**19**	**50,414,506**	**23**	**59,697,049**	**21**	**164,074,509**

Carta 13 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Perolehan Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan



Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Tahun 2018

Berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 263(5) Akta Syarikat 2016, YB. Menteri Kewangan telah mewakilkan kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia dalam melaksanakan urusan kelulusan Juruaudit Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016.

Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 23 sesi temu duga melibatkan 146 calon telah dijalankan bagi mempertimbangkan pemohon sebagai Juruaudit Syarikat yang diluluskan. Peratusan calon yang lulus temu duga telah menurun kepada 43.15% pada tahun 2018 berbanding 57.93% pada tahun 2017. Prestasi temu duga kelulusan Juruaudit Syarikat bagi tahun 2016 hingga tahun 2018 ditunjukkan seperti di Jadual 28.

Jadual 28 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat Bagi Tahun 2016 Hingga 2018

Tahun	Bilangan Sesi Temu Duga	Calon Dipanggil Temu Duga	Lulus Temu Duga	Peratus	Gagal Temu Duga	Peratus
2016	24	145	67	46.21%	78	53.79%
2017	24	145	84	57.93%	61	42.07%
2018	23	146	63	43.15%	83	56.85%

Analisis ke atas keputusan temu duga sepanjang tahun 2018 mendapati seramai 46 orang calon gagal dalam kompetensi berkaitan Akta Syarikat 2016, 64 orang calon gagal dalam aspek Akta Akauntan 1967, MIA *By Law* dan standard perakaunan dan pengauditan, 67 orang calon gagal dalam kompetensi berkaitan pasaran modal dan urus tadbir korporat dan 42 orang calon gagal dalam aspek pengauditan dan pelaporan kewangan oleh institusi kewangan. Penemuan ini diringkaskan seperti di Jadual 29 di bawah.

Jadual 29 : Analisis Calon Gagal Mengikut Modul Penilaian

Bil.	Aspek Teknikal Yang Gagal Dijawab	Panel	Bil. Calon Gagal (2018)
1.	Akta Syarikat 2016	SSM	46 orang
2.	Pasaran modal dan urus tadbir korporat	SC	67 orang
3.	Akta Akauntan 1967, MIA *By-Law* dan Standard Perakaunan dan Pengauditan	MIA	64 orang
4.	Pengauditan dan pelaporan kewangan institusi kewangan	BNM	42 orang

Sehingga Disember 2018, terdapat seramai 1,720 orang telah diluluskan sebagai Juruaudit Syarikat di bawah Akta Syarikat. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 216 Juruaudit yang juga merupakan Penyelesai Syarikat yang diluluskan di bawah Akta Syarikat. Pecahan statistik Juruaudit dan Penyelesai Syarikat mengikut jantina, kumpulan umur dan kaum adalah seperti di Jadual 30.

Jadual 30 : Statistik Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Yang Diluluskan

Jenis Lesen	Jantina		Umur			Kaum			
	Lelaki	Wanita	26 – 49 Tahun	50 – 69 Tahun	70 – 90 Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Juruaudit Syarikat	1,191	313	636	790	78	140	1,273	77	14
Juruaudit dan Penyelesai Syarikat	201	15	17	116	83	22	169	20	5
Jumlah	**1,392**	**328**	**653**	**906**	**161**	**162**	**1,442**	**97**	**19**

Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat

Sepanjang tahun 2018, Jabatan telah menerima 1,091 permohonan pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat. Kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat diperbaharui bagi tempoh setiap dua (2) tahun berikutnya melainkan dibatalkan lebih awal oleh YB. Menteri Kewangan. Sebanyak 979 sijil pembaharuan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat telah dikeluarkan pada tahun 2018. Rekod pembaharuan sijil kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi tahun 2016 hingga tahun 2018 adalah seperti di Jadual 31.

Jadual 31 : Bilangan Sijil Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Yang Dikeluarkan Bagi Tahun 2016 Hingga 2018

Tahun	Bilangan Sijil Pembaharuan Kelulusan Yang Dikeluarkan	
	Juruaudit Syarikat	Penyelesai Syarikat
2016	749	104
2017	719	84
2018	873	106

Secara keseluruhannya, semua urusan permohonan dan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat pada tahun 2018 telah diproses melalui *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) dan pelaksanaan ini telah membantu Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan yang lebih cepat dan berkesan kepada pelanggan.

Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam (PPI)

Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam yang bermula dengan aktiviti penyelidikan terhadap 26 entiti berkaitan Baitulmal, Zakat dan Wakaf telah memasuki fasa penggubalan piawaian pada tahun 2017. Pada tahun 2018, beberapa aktiviti yang melibatkan penyelidikan, penggubalan piawaian perakaunan Islam dan pengurusan perubahan telah dilaksanakan mengikut Pelan Pembangunan Piawaian Perakaunan Islam.

Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 2

Dapatan penyelidikan Fasa 2 yang telah selesai pada Disember 2017, telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penilaian Laporan Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 2 pada 2 Julai hingga 4 Julai 2018. Penyelidik daripada tiga (3) buah universiti telah membentangkan hasil dapatan kajian kepada wakil Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).



Mesyuarat Penilaian Laporan Penyelidikan Piawaian Perakaunan Islam Fasa 2 Di Hotel Avillion, Port Dickson, Negeri Sembilan

Program Libat Urus Akauntan Negara Malaysia (ANM) Dengan Ahli Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Program Libat Urus adalah satu program yang direka bentuk untuk menerangkan inisiatif pembangunan piawaian perakaunan Islam kepada Ahli Majlis Agama Islam Negeri. Program ini juga memberi peluang kepada pengurusan tertinggi JANM dan Ahli Majlis Agama Islam Negeri untuk bertukar pendapat dan pandangan berkaitan perakaunan dan kewangan di MAIN. Program Libat Urus ini melibatkan 14 buah negeri diteruskan pada tahun 2018 dan sebanyak tiga (3) buah negeri lagi telah dilaksanakan iaitu Sarawak, Melaka dan Selangor.



Perjumpaan ANM Dengan Ahli Majlis Islam Sarawak Di Kuching, Sarawak



Perjumpaan ANM Dengan Ahli Majlis Agama Islam Melaka, Wisma Seri Negeri, Melaka

Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 1

Draf Piawaian Perakaunan Islam Fasa 1 telah selesai pada Disember 2017. Seterusnya draf tersebut telah disemak oleh Kumpulan Kerja Penggubalan yang dilantik terdiri dari wakil Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Audit Negara dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian diadakan sebanyak tiga (3) kali seperti yang ditunjukkan di Jadual 32.

Jadual 32 : Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian PPIBZW

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian PPIBZW Fasa 1 Bil. 1/2018	16 – 18 Apr 2018	Hotel Avillion, Cameron Highlands, Pahang
2.	Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian PPIBZW Fasa 1 Bil. 2/2018	30 Mei – 1 Jun 2018	Hotel Hatten Place, Melaka
3.	Mesyuarat Penyemakan Draf Piawaian PPIBZW Fasa 1 Bil. 3/2018	8 – 10 Ogos 2018	Hotel Geno, Subang Jaya, Selangor





Mesyuarat Penyemakan Draf PPIBZW Fasa 1 Dengan Kumpulan Kerja

Penggubalan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW) Fasa 2

Penggubalan bagi PPIBZW Fasa 2 telah dilaksanakan dan sebanyak lapan (8) mesyuarat telah diadakan dengan dihadiri oleh kumpulan penulis. Mesyuarat Penulisan Draf Piawaian PPIBZW Fasa 2 : Aset telah diadakan sebanyak tujuh (7) kali seperti di Jadual 33 bagi penggubalan PPIBZW bagi Fasa 2.

Jadual 33 : Mesyuarat Penulisan Draf PPIBZW Fasa 2

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 1/2018	5 – 6 Jun 2018	JANM, Putrajaya
2.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 2/2018	19 – 20 Jul 2018	JANM, Putrajaya
3.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 3/2018	27 – 29 Ogos 2018	Hotel Vivatel, Kuala Lumpur
4.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 4/2018	18 – 21 Sep 2018	Hotel Ramada Plaza, Melaka
5.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 5/2018	8 – 11 Okt 2018	JANM, Putrajaya
6.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 6/2018	3 – 6 Dis 2018	Hotel Ramada Plaza, Melaka
7.	Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 7/2018	18 – 21 Dis 2018	Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak



Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 6/2018 Di Hotel Ramada Plaza, Melaka



Mesyuarat Penggubalan Draf PPIBZW Fasa 2 Bil. 7/2018 Di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh, Perak

Konvensyen Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf Di Malaysia Tahun 2018

Konvensyen PPIBZW tahun 2018 telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 16 hingga 17 Oktober 2018 bertempat di Putrajaya International Convention Centre, Putrajaya. Konvensyen ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia. Seramai 250 orang peserta telah menghadiri konvensyen ini yang terdiri daripada wakil pelbagai agensi seluruh negara seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Audit Negara dan Audit Negeri serta Jabatan Peguam Negara.



Konvensyen Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf Di Malaysia Tahun 2018
Bertempat Di Putrajaya International Convention Centre, Putrajaya

Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Prestasi Pelaksanaan Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Bagi Pejabat Perwakilan Malaysia Di Amman, Jordan Dan Kaherah, Mesir







Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Prestasi Pelaksanaan iSPLN Di Kaherah, Mesir

iSPLN merupakan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan elektronik berasaskan perakaunan akruan yang telah diguna pakai oleh 156 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di luar negara secara *big bang* bermula Januari 2016. Pada 1 Januari 2018, iSPLN mula berintegrasi dengan iGFMAS yang mana penghantaran data induk, Waran Peruntukan, Jurnal Ringkasan dan Jurnal Aset dihantar secara *online*. Selain itu, beberapa kod akaun baharu khas bagi transaksi luar negara diperkenalkan yang mana melibatkan kod deposit, pendahuluan dan amanah.

Sehubungan itu, bagi mendapatkan maklum balas pengguna berkaitan pelaksanaan ini, Mesyuarat Pemantauan dan Penilaian Prestasi bagi Pejabat Perwakilan Malaysia telah diadakan dari 21 hingga 27 Februari 2018 bertempat di Amman, Jordan dan Kaherah, Mesir.

Mesyuarat ini dihadiri oleh dua (2) orang wakil daripada BKP iaitu Puan Noraini binti Alias, Pengarah BKP dan Cik Noni binti Abdul Razak, Ketua Penolong Pengarah Kanan, BKP dan pengguna dari PTJ Amman dan Kaherah. Selain daripada menilai prestasi dan keberkesanan pelaksanaan iSPLN, tujuan lawatan adalah bagi memberi tunjuk ajar kepada pegawai di PTJ Pejabat Pertahanan Malaysia di Amman bagi proses penutupan akaun dan panjar Jordan, memberi penerangan tentang carta akaun akruan yang baharu (kod khas bagi transaksi di luar negara) dan membuat pelarasan ke atas akaun deposit.

Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Sebanyak empat (4) sesi Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) telah dilaksanakan dalam tahun 2018 dan dihadiri oleh 87 orang peserta. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan latihan secara praktikal berkenaan penggunaan sistem iSPLN kepada peserta yang akan ditempatkan di PTJ luar negara dan pegawai dari Kementerian/Jabatan yang terlibat dengan sistem iSPLN. Kursus telah diadakan di Bilik Latihan, Bahagian Khidmat Perunding seperti berikut:

Jadual 34 : Jadual Kursus iSPLN Tahun 2018

Bil.	Nama Kursus	Tarikh Kursus	Bil. Peserta	Kementerian
1.	Kursus iSPLN Bil. 1/2018	5 – 9 Feb 2018	22	BSPP, KPT, MOD, KPM dan BKP
2.	Kursus iSPLN Bil. 2/2018	26 – 29 Mac 2018	10	BSPP, MINDEF
3.	Kursus iSPLN Bil. 3/2018	15 – 19 Okt 2018	25	BSPP, KPT, JPA, MINDEF, MITI, JKDM, MOA, KDN, JPM dan BKP
4.	Kursus iSPLN Bil. 4/2018	26 – 30 Nov 2018	30	BSPP, MINDEF









Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Bil. 1 – 4 Tahun 2018


Pelaksanaan *Go-Live* Bagi Kerajaan Negeri Perak

Kerajaan Negeri Perak telah *Go-Live* bermula 1 Januari 2018 dan ianya merupakan Negeri yang ke-4 *Go-Live* selepas Johor, Perlis dan Kedah.

Strategi Baharu iSPEKS

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil. 4/2018 yang diadakan pada 29 November 2018 telah meluluskan Strategi Baharu iSPEKS seperti berikut:

Rajah 2 : Strategi Baharu iSPEKS



Berdasarkan strategi di atas, tujuh (7) Kerajaan Negeri akan *Go-Live* pada Januari 2020. Pelaksanaan akruan bagi Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 dan Kerajaan Negeri pada tahun 2022.

Pelaksanaan Latihan Aplikasi iSPEKS Fasa 3(B) Bagi *Pilot State*

Latihan Aplikasi iSPEKS Fasa 3(b) bagi *pilot state* telah berlangsung seperti berikut:

Jadual 35 : Latihan Aplikasi iSPEKS Fasa 3(b) Bagi *Pilot State*

Pilot State	Tarikh Latihan	
	Mula	Akhir
Johor	26 Sep 2018	8 Okt 2018
Perak		12 Okt 2018
Kedah	23 Okt 2018	5 Nov 2018
Perlis		2 Nov 2018



Sesi Latihan Aplikasi iSPEKS Di Makmal Komputer Di Perbendaharaan Negeri Perak

Mesyuarat Status Operasi iSPEKS

Mesyuarat Status Operasi iSPEKS telah diadakan pada 17 hingga 19 Oktober 2018 dan 18 hingga 20 Disember 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat, IPNCPD, Cyberjaya. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh empat (4) Kerajaan Negeri yang telah *Go-Live* iaitu Johor, Perak, Kedah dan Perlis serta dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah BKP.





Mesyuarat Status Operasi iSPEKS Bertempat Di Bilik Mesyuarat IPNCPD, Cyberjaya

Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SAGA *Government Agencies Conference* – SEGAC) 2018

BKP telah mengadakan Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SEGAC) 2018 pada 23 hingga 26 Julai 2018 bertempat di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru. Persidangan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia.

Persidangan pada kali ini bertemakan "SAGA : *Confidentially* (C), *Integrity* (I) & *Availability* (A)" bertujuan memberikan pendedahan kepada tatacara terkini pelaksanaan, pemantauan dan pematuhan SAGA bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Agensi Kerajaan. Persidangan ini juga memberi fokus kepada piawaian *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) yang perlu diterima pakai oleh Agensi Kerajaan mulai tahun 2020.

Persidangan ini yang dihadiri oleh 127 agensi dengan jumlah keseluruhan peserta seramai 253 terdiri daripada Agensi Kerajaan, Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pembekal Sistem turut menjadi platform bagi *knowledge sharing* daripada agensi yang telah berjaya memperolehi Sijil Pematuhan SAGA.



Majlis Persidangan SEGAC 2018 Telah Dirasmikan Oleh Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia (ANM)


Peserta Majlis Persidangan SEGAC 2018 Yang Terdiri Daripada Pegawai Dari Agensi Badan Berkanun Seluruh Malaysia

Bengkel *Train The Trainer* (TTT) *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS)

Bil.	Bil. Bengkel	Tarikh	Tempat	Kehadiran
1.	Siri 1	9 – 11 Jul 2018	Institut Perakaunan Negara, Sabak Bernam	37 orang peserta terdiri daripada 13 orang pegawai Badan Berkanun Persekutuan (BBP), dua (2) orang pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), 10 orang pegawai Bahagian Akaun Kementerian dan 12 orang pegawai BKP JANM (peserta dan urus setia). Penceramah jemputan adalah Dr. Azlina binti Ahmad, Timbalan Pengarah Eksekutif Khazanah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bil.	Bil. Bengkel	Tarikh	Tempat	Kehadiran
2.	Siri 2	23 – 25 Okt 2018	Bilik Taklimat, Blok Tengah, Kementerian Kewangan Malaysia, Putrajaya	47 orang peserta terdiri daripada 22 orang pegawai Badan Berkanun Persekutuan (BBP), tujuh (7) orang pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), enam (6) orang pegawai Bahagian Akaun Kementerian, 10 orang pegawai BKP JANM (peserta dan urus setia) dan dua (2) orang peserta dari IPN. Penceramah jemputan adalah Puan Che Wan Intan Maisarah binti Jamaluddin, Akauntan dari Majlis Bandaraya Ipoh.

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk:

1. Membentuk pakar rujuk atau *trainer* yang terdiri daripada agensi perintis di BBP dan PBT yang telah mengguna pakai piawaian MPSAS untuk pelaporan penyata kewangan mulai tahun 2016.

2. Berkongsi pengalaman dan pengetahuan di kalangan agensi perintis yang telah mengguna pakai Piawaian MPSAS.



Ucapan Aluan Oleh Puan Noraini Binti Alias, Pengarah BKP JANM Kepada Para Peserta Siri 1 - Bengkel MPSAS Di IPN, Sabak Bernam, Selangor



Penceramah, Peserta Dan Urus Setia Bengkel Yang Menghadiri Siri 1 Dan 2 - Bengkel TTT MPSAS Di IPN, Sabak Bernam, Selangor Dan Putrajaya

Kursus Kumpulan Pelaksana BKP Tahun 2018



Pengarah BKP Bergambar Bersama Peserta Kursus Kumpulan Pelaksana BKP Tahun 2018 Di Hotel Novotel, Melaka

Kursus untuk Kumpulan Pelaksana BKP Tahun 2018 "Success For Career"" telah diadakan di Hotel Novotel, Melaka pada 28 hingga 30 Ogos 2018. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah BKP, Puan Noraini binti Alias dan dihadiri oleh 30 orang peserta terdiri daripada pegawai kumpulan sokongan BKP. Kursus ini merupakan salah satu KPI bagi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan dan diadakan pada setiap tahun.

Secara amnya, kursus ini dianjurkan dengan matlamat untuk menjana individu cemerlang ke arah prestasi tinggi, proaktif dan efisien selain memupuk semangat berpasukan yang dapat menyumbang kepada kejayaan BKP sebagai sebuah organisasi. Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya serta diharap mampu menjadi penyumbang kepada sebahagian besar kejayaan sesebuah organisasi.

Pertandingan Tangga Berinformasi Dan Ceria Sempena Hari Inovasi JANM Tahun 2018

BKP telah menyertai pertandingan Tangga Berinformasi sempena Hari Inovasi JANM 2018 dan dinobatkan sebagai johan.



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Sijil Penghargaan

Setinggi-tinggi tahniah kepada

BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING

Kerana telah memenangi

TEMPAT PERTAMA

Dalam

PERTANDINGAN PENAMBAHBAIKAN TANGGA JANM 2018

Sempena

SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI JANM 2018

DATO' ZAHIMI BIN AWANG (CAIM)
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)



BKP Telah Dinobatkan Sebagai Johan Pertandingan Tangga Berinfomasi Dan Ceria

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)

Lawatan Tapak Ke Pusat Data iGFMAS Di i-City Shah Alam (*Production*), Petaling Jaya (*Disaster Recovery Centre*) Dan Ibu Pejabat JANM (*Development*)

Latar Belakang




Pegawai Yang Hadir Semasa Lawatan Tapak Ke Pusat Data iGFMAS Di i-City, Shah Alam

JANM di dalam peringkat untuk menggantikan infrastruktur iGFMAS melibatkan tiga (3) persekitaran pusat data iaitu i-City Shah Alam (*Production Site*), Petaling Jaya (*Disaster Recovery Centre*) dan Ibu Pejabat JANM Putrajaya (*Development Site*). Untuk perolehan penggantian ini, JANM perlu mengadakan Makmal Pengurusan Nilai bagi kos projek yang melebihi daripada RM50 juta. Sebelum Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management*) diadakan pada 9 hingga 16 Januari 2019, satu lawatan tapak ke pusat data iGFMAS telah diadakan pada 5 Disember 2018. Turut hadir dalam lawatan tersebut bersama-sama dengan wakil BPTM, JANM adalah wakil dari pihak Unit Perancang Ekonomi (EPU), MAMPU dan Kementerian Kewangan.

Tujuan Lawatan

Memberi gambaran yang lebih jelas kepada pihak EPU, MAMPU dan Kementerian Kewangan mengenai fasiliti dan operasi pusat data iGFMAS di tiga (3) persekitaran. Melalui lawatan tersebut pihak penyedia pusat data iaitu Syarikat Strateq Sdn Bhd telah memberi taklimat mengenai kesemua fungsi dan operasi fasiliti pusat data yang disediakan untuk infrastruktur iGFMAS di lokasi *Production* dan *Disaster Recovery Centre Site*. Manakala taklimat mengenai fasiliti pusat data di ibu pejabat JANM disampaikan oleh wakil JANM.



Taklimat Oleh Pihak Strateq Sdn Bhd





Lawatan Ke Pusat Data Di i-City Shah Alam *(Production Site)*



Lawatan Ke Pusat Data iGFMAS *(Disaster Recovery Centre)* – UPS *Room & Genset (Rooftop)*



Lawatan Ke Pusat Data iGFMAS (*Development Site*)

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS 2018

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2018 telah dilaksanakan pada 8 September 2018 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM, JANM dan juga *Disaster Recovery Centre* (DRC), Pusat Data Strateq, Petaling Jaya. Aktiviti ini telah dirancang sebagai aktiviti tahunan bagi BPTM, JANM untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan sistem iGFMAS sekiranya berlaku bencana melibatkan persekitaran Pusat Data *Production* (PRD) iGFMAS di i-City Shah Alam.

Aktiviti ini merupakan aktiviti simulasi pemulihan bencana yang kedua bagi sistem iGFMAS dan buat pertama kalinya melibatkan kumpulan aplikasi dan semakan data/laporan aplikasi. Objektif aktiviti simulasi kali ini adalah seperti berikut:

1. Memastikan *Recovery Time Objective* (RTO) dan *Recovery Point Objective* (RPO) bagi sistem iGFMAS tercapai sekiranya bencana berlaku.

2. Menguji keupayaan infrastruktur pemulihan bencana di persekitaran DRC dan memastikan data/maklumat sistem iGFMAS di persekitaran tersebut diuji untuk memastikan ianya sama seperti di persekitaran PRD.

3. Mengenal pasti perkara yang boleh ditambah baik dalam proses sedia ada.

4. Mengenal pasti kelebihan, kekurangan dan seterusnya membuat penambahbaikan pada dokumen DRP, Senarai Semak (*checklist*) dan *Standard Operation Procedure* (SOP).

5. Memberi pendedahan dan latihan kepada ahli Pasukan IT DR.

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2018 telah berjaya dilaksanakan dengan *zero data loss* dan RTO selama 9 jam 40 minit di mana kurang daripada tempoh masa yang ditetapkan iaitu 10 jam. Penambahbaikan akan dilakukan pada aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana yang akan datang.



Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS Di Bilik Mesyuarat Utama, BPTM, JANM





Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (DR *Simulation*) iGFMAS Di Pusat Data Strateq, Petaling Jaya



Migrasi Perkhidmatan MNSS (*Managed Network Security Services*) Dan Migrasi DOME (*Direct Over Metro* E) Ke PCN (Putrajaya *Campus Network*) Di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Latar Belakang

Kontrak perkhidmatan MNSS JANM melibatkan 4,000 lesen dengan *Government Integrated Telecommunications Network* (GITN) bernilai sebanyak RM1,596,536.67 telah berakhir pada 30 November 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JANM Bil. 3/2018 yang bersidang pada 28 Jun 2018, telah bersetuju dengan cadangan penyambungan perkhidmatan MNSS dan Migrasi DOME ini dilaksanakan dengan menggunakan kontrak di bawah MAMPU. Ini kerana peralatan keselamatan bagi perkhidmatan MNSS yang berada di *gateway* MyGov*Net Pusat Data Telekom Cyberjaya adalah di bawah kontrak MAMPU dengan kontraktor yang sama iaitu GITN.


Tujuan Migrasi MNSS

1. Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JANM (Bidang 07 – Kawalan Capaian) telah menggariskan keperluan untuk mengawal capaian ke atas perkhidmatan rangkaian dalaman dan luaran serta hak capaian perlu diberi kawalan dan penyeliaan yang ketat berdasarkan keperluan skop tugas.
2. Kawalan capaian ini haruslah merangkumi semua perkakasan ICT yang disambungkan ke rangkaian JANM, termasuk PC, komputer riba, tablet, telefon pintar, CCTV dan sebagainya, sama ada sambungan berwayar atau tanpa wayar (Wi-Fi).
3. Memastikan kesinambungan perkhidmatan pengurusan keselamatan ICT di JANM dapat diteruskan.
4. Melindungi aset dan data kewangan yang terdapat di JANM daripada sebarang ancaman atau serangan siber yang semakin membimbangkan.


Migrasi DOME ke PCN

1. Pihak MAMPU telah bersetuju untuk pelaksanaan migrasi MNSS tersebut dengan menggunakan kontrak di bawahnya dengan syarat perkhidmatan internet melalui DOME JANM ditamatkan. Semua capaian ke internet termasuk aplikasi guna sama seperti e-mel, portal, ePenyata Gaji di Ibu Pejabat, JANM menggunakan laluan PCN.
2. *Intrusion Prevention System* (IPS) di Ibu Pejabat dan *Content Filtering* (CF) di Ibu Pejabat JANM dan semua Pejabat Perakaunan (AO) adalah di bawah kawalan pihak MAMPU.
3. *Video Streaming* JANM juga menggunakan laluan PCN.

Rajah 3 : Arkitektur Sebelum Migrasi MNSS Dan DOME



Rajah 4 : Arkitektur Selepas Migrasi MNSS Dan DOME



Faedah

1. Pelaksanaan migrasi ini dapat mengelakkan gangguan perkhidmatan dalam pelaksanaan Sistem iGFMAS JANM.
2. Sistem penyampaian perkhidmatan juga dapat dimantapkan selaras dengan penggunaan teknologi terkini dalam komunikasi ICT.
3. Mengoptimumkan pengoperasian JANM dan kesinambungan tadbir urus pengurusan rangkaian secara efektif, cekap dan terurus, seterusnya menyokong pengukuhan keselamatan ICT JANM.

INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

Institut Perakaunan Negara (IPN) telah diamanatkan sebagai Institut Latihan Awam (ILA) *Core Centre* Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan. IPN berperanan untuk melaksanakan Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
3. Sistem Pembayaran Kerajaan
4. Pemahaman Penyata Kewangan Kerajaan
5. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
6. Kawalan Perbelanjaan
7. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
8. Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
12. Asas Pengurusan Kewangan
13. Perakaunan Akruan (Peringkat Asas)
14. Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan)

Secara keseluruhan, bagi tahun 2018 IPN telah melaksanakan sebanyak 372 kursus atau 105% daripada 353 kursus yang telah dirancang. Dari jumlah tersebut, 252 adalah kursus yang ditakwimkan dalam Program Latihan IPN manakala 120 kursus adalah di luar Program Latihan IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2018 adalah seramai 8,552 orang yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 2,958 orang, manakala Kumpulan Pelaksana adalah seramai 5,594 orang.

Laporan Pelaksanaan Kursus Takwim Latihan IPN 2018

Bagi tahun 2018, sebanyak 231 kursus telah dirancang di dalam Takwim Latihan. Kursus-kursus ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kewangan, Pengauditan, Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Zon Utara, Selatan, Timur, Sabah dan Sarawak.

Daripada 231 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 252 kursus atau 109% dan telah mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 36.

IPN berjaya melaksanakan sebanyak 252 kursus atau 109% dan telah mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan.

Jadual 36 : Prestasi Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2018

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan		Bil. Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
A	**Kursus Perakaunan**			
1.	Asas Perakaunan Kerajaan	1	2	71
2.	Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan	1	2	67
3.	Perakaunan Pembayaran Kerajaan	1		17

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan		Bil. Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
4.	Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar	7	1	106
5.	Perakaunan Akruan (Peringkat Asas)	10	7	348
6.	Perakaunan Akruan (Peringkat Pertengahan)	6	8	301
7.	Perakaunan Forensik (Asas)	2		26
8.	Perakaunan Forensik (Pertengahan)	1		32
9.	MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan	4		85
10.	MPSAS : Perakaunan Aset	6	1	147
11.	MPSAS : Perakaunan Hasil	5		100
12.	MPSAS : Perakaunan Belanja	4	1	119
13.	Pengenalan Kepada MPSAS PBT dan Badan Berkanun	2		31
14.	*Accounting For Non-Accounting Manager*	1		31
15.	MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan PBT	2		38
16.	*Understanding* MPSAS *for State Officers*	1		34
	Jumlah	**54**	**22**	**1,553**
B	**Kursus Kewangan**			
1.	Sistem Belanjawan Negara (Asas)	2	3	113
2.	Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam	18	11	592
3.	Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan	13	9	520
4.	Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan	6	9	383
5.	Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan	2	5	155
6.	Asas Pengurusan Kewangan	10	7	369
7.	Bajet Berasaskan *Outcome* OBB	2		26
8.	Pengurusan Perolehan Kerja	1		18
9.	Asas Pengurusan Kewangan PBT	1		14
10.	Perolehan Secara Pembelian Terus dan Sebut Harga B	5		81
11.	Perolehan Secara Sebut Harga dan Tender	5		87
12.	Perolehan Khidmat Perunding	1		12
	Jumlah	**66**	**44**	**2,370**
C	**Kursus Pengauditan**			
1.	Pengurusan Prosedur Kawalan Terimaan	3		52
	Jumlah	**3**		**52**
D	**Kursus Sistem Maklumat Perakaunan**			
1.	ePerolehan – Kontrak Pusat/Pembelian Terus	7		129
2.	ePerolehan – Sebut Harga/Tender/*eBidding*	4		72
3.	Kod Perakaunan iGFMAS (CAA)	8	5	285
4.	Sistem Pengurusan Aset (SPA)	7		119
5.	Sistem Pengurusan Stor (SPS)	7		119
6.	*Comprehensive Microsoft Excel*	2		31
7.	*Comprehensive Microsoft Power Point*	1		15
8.	*Comprehensive Microsoft Word*	2		44
9.	Sistem Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah (eSPKWS)	4		97
10.	*Refresher* HCM dan CAA		2	59
	Jumlah	**42**	**7**	**970**

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan		Bil. Peserta
		IPN	Zon (JANM Negeri/ Cawangan)	
E	**Kursus Baharu**			
1.	MPSAS : Persembahan Penyata Kewangan PBT	1		10
2.	MySPATA : Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan	2		32
3.	iGFMAS : Perakaunan Terimaan	2	1	68
4.	iGFMAS : Pengurusan Perolehan	2		40
5.	iGFMAS : Perakaunan Pembayaran	2		38
6.	iGFMAS : Pengurusan Gaji (Emolumen)	2		35
7.	iGFMAS : Perakaunan Aset	1		21
8.	iGFMAS : Untuk Pengurus PTJ	1		23
	Jumlah	**13**	**1**	**267**
	Jumlah Keseluruhan	**178**	**74**	**5,212**

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 5,212 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 490 peserta atau 9.4% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 4,722 peserta atau 90.6% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Laporan Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2018

Selain daripada pelaksanaan kursus yang ditakwimkan dalam latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 adalah seperti di Jadual 37.

Jadual 37 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN Tahun 2018

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan	Bil. Peserta
1.	Program Transformasi Minda dan Pra Penempatan	12	876
2.	Kelas Persediaan Peperiksaan Profesional	95	2,008
3.	*Executive Talk*	2	142
4.	Kursus *Training Road Map*	5	150
5.	Kursus Pembangunan Tenaga Pengajar	6	164
	Jumlah	**120**	**3,340**

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 3,340 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan. Daripada jumlah ini, 872 peserta atau 26% adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 2,468 peserta atau 74% adalah daripada Kumpulan Pelaksana.



Suasana Kondusif Semasa Sesi Pembelajaran Di Bilik Kuliah IPN



Program Transformasi Minda JANM Turut Menggunakan Kemudahan Seperti Perpustakaan

Pembangunan Profesional

Selaras dengan hasrat JANM untuk memperkasa perkhidmatan perakaunan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, Program Keahlian Dalam Badan Profesional Perakaunan telah diteruskan untuk tahun 2018. Program ini merupakan inisiatif yang telah dimulakan oleh JANM sejak tahun 2012 di bawah kendalian IPNCPD bagi menyediakan platform untuk melatih dan menyokong warga JANM memperoleh keahlian penuh dalam badan profesional perakaunan.

Program sedia ada dengan badan-badan profesional berikut diteruskan seperti:

1. *The Association of Certified Chartered Accountants* (ACCA)
2. *The Certified Practising Accountants Australia* (CPA Australia)
3. *The Chartered Institute of Management Accountants* (CIMA)

Pada tahun 2018, JANM turut menawarkan program MICPA-CAANZ yang akan membolehkan calon-calon mendapatkan keahlian *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (CPA Malaysia). Program ini turut ditawarkan kepada Akauntan Lantikan Baharu (WA41) bagi memastikan kesinambungan kemahiran serta memastikan peluang turut diberikan kepada akauntan baharu.

Program ini telah menunjukkan perkembangan yang amat positif. Pada tahun 2018, seramai 29 orang calon program telah berjaya lulus semua subjek peperiksaan berbanding tahun 2017 iaitu 19 orang. Ini merupakan peningkatan sebanyak 53%. Seramai 182 orang calon baru telah ditawarkan progam ini pada tahun 2018. Ini merupakan peningkatan besar iaitu 325% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipacu oleh minat calon serta sokongan dan komitmen pengurusan dalam memastikan kecukupan sumber bagi menjayakan program ini. Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2018, seramai 77 orang calon tajaan JANM telah lulus penuh daripada 393 orang yang ditaja.

Program ini turut menunjukkan impak yang positif di mana calon yang dilatih berkeupayaan menggunakan kemahiran yang diperoleh dalam tugasan dengan lebih baik serta menambahkan keyakinan diri. Di samping itu, calon-calon yang memperoleh keahlian penuh juga telah diberikan insentif dalam pembangunan kerjaya.

Program ini merupakan inisiatif yang telah dimulakan oleh JANM sejak tahun 2012 di bawah kendalian IPNCPD bagi menyediakan platform untuk melatih dan menyokong warga JANM memperoleh keahlian penuh dalam badan profesional perakaunan.

Status calon program keahlian dalam badan profesional setakat 31 Disember 2018 adalah seperti Jadual 38.

Jadual 38 : Status Calon Program Keahlian Dalam Badan Profesional Setakat 31 Disember 2018

Bil.	Program	Bil. Pengambilan			Bil. Calon Lulus Semua Subjek		
		Tahun 2012 – 2018	Tahun 2018	Jumlah	Tahun 2012 – 2018	Tahun 2018	Jumlah
1.	ACCA *Normal Pathway*	86	-	86	11	4	15
2.	ACCA – MIA *Special Pathway*	8	23	31	-	-	-
3.	CIMA – MIA *Strategic Leaders*	49	102	151	18	14	32
4.	CPA Australia – MIA *Special Pathway: Senior Professional*	68	32	100	19	11	30
5.	CPA Australia – MIA *Special Pathway: Middle Management*	-	4	4	-	-	-
	Jumlah	**211**	**182**	**393**	**48**	**29**	**77**

Jadual 39 : Jumlah Kelulusan Calon Program Keahlian Dalam Badan Profesional Setakat 31 Disember 2018

Bil.	Program	Jumlah Pengambilan	Jumlah Calon Lulus Semua Subjek
1.	ACCA *Normal Pathway*	**86**	**15**
2.	ACCA – MIA *Special Pathway*	**31**	**-**
3.	CIMA – MIA *Strategic Leaders*	**151**	**32**
4.	CPA Australia – MIA *Special Pathway: Senior Professional*	**100**	**30**
5.	CPA Australia – MIA *Special Pathway: Middle Management*	**4**	**-**
	Jumlah	**393**	**77**

Pembangunan Penyelidikan

Projek Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf Di Malaysia Fasa 3 Tahun 2018

Selaras dengan usaha meneruskan kesinambungan agenda penyelidikan dalam membangunkan kerangka kerja konseptual, pelaporan kewangan dan piawaian perakaunan yang mematuhi syariah khusus bagi institusi yang menguruskan Baitulmal, Zakat dan Wakaf, Projek Penyelidikan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia telah diteruskan bagi fasa ketiga pada tahun 2018 dengan meliputi aspek pendedahan, pengiktirafan, pengukuran dan pelaporan maklumat hasil, belanja dan liabiliti di dalam penyata kewangan institusi-institusi yang terlibat. Penyelidikan Fasa Ketiga tahun 2018 adalah meliputi 10 aspek piawaian asas seperti berikut:

1. Kesan Perubahan Mata Wang Asing (MPSAS 4)
2. Kos pinjaman (MPSAS 5)
3. Hasil dari Urus Niaga Pertukaran (MPSAS 9)
4. Kontrak Pembinaan (MPSAS 11)
5. Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (MPSAS 19)
6. Hasil dari Urus Niaga Bukan Pertukaran (MPSAS 23)
7. Instrumen Kewangan: Pembentangan (MPSAS 28)
8. Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran (MPSAS 29)
9. Instrumen Kewangan: Pendedahan (MPSAS 30)
10. Manfaat Pekerjaan (MPSAS 25)

Projek Penyelidikan Fasa Ketiga tahun 2018 dijalankan selama 10 bulan mulai 1 Mac hingga 31 Disember 2018 dan dilaksanakan oleh para penyelidik dari tiga (3) buah universiti iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Laporan penuh projek penyelidikan ini yang diterima pada 31 Disember 2018 akan digunakan sebagai sumber rujukan dan maklumat penting dalam membangunkan Piawaian Perakaunan Islam khususnya bagi institusi yang menguruskan Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

Selari dengan pelaksanaan fasa penyelidikan ini, Konvensyen Penyelidikan Perakaunan Dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Pengurusan Baitulmal, Zakat dan Wakaf Di Malaysia juga telah diadakan pada 16 hingga 17 Oktober 2018 bagi mendapatkan maklum balas dan resolusi daripada pemegang-pemegang taruh khususnya Majlis Agama Islam Negeri berkaitan pembangunan kerangka konsep dan piawaian perakaunan dan pelaporan kewangan yang berkaitan. Konvensyen ini telah dihadiri hampir 200 peserta terdiri daripada Pengurusan Tertinggi JANM serta wakil-wakil agensi dan jabatan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pengurusan Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.



Sesi Pembentangan Oleh Salah Seorang Ahli Panel UUM Berkenaan Penyelidikan Yang Telah Dilaksanakan


Para Peserta Bergambar Bersama Barisan Pengurusan Tertinggi JANM



LAPORAN PENCAPAIAN

PENGURUSAN OPERASI

- BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)
- BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)
- BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)
- BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)
- PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab ke atas pengurusan wang tunai, akaun amanah dan deposit, panjar, pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan serta transaksi yang melibatkan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2017

Sesi tandatangan PKKP 2017 oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia (ANM) telah diadakan pada 19 Februari 2018 bertempat di Pejabat Akauntan Negara Malaysia. Sesi tandatangan tersebut telah dihadiri oleh semua Pegawai BPOPA.

Sesi tandatangan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 oleh YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) yang disaksikan oleh Datuk Saat bin Esa dan pegawai dari JANM telah diadakan pada 19 Februari 2018 bertempat di Pejabat Tan Sri KSP.



Sesi Penyerahan PKKP 2017 Oleh YBhg. Datuk ANM Kepada YBrs. Timbalan Ketua Audit Negara

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2017 oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa kepada YBrs. Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Ketua Audit Negara, Jabatan Audit Negara telah diadakan di Pejabat Jabatan Audit Negara pada 27 Februari 2018.

Mesyuarat Bendahari /Akauntan Negeri

BPOPA telah mengadakan Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri bagi tahun 2018 yang bersidang sebanyak dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh YBhg. Datuk ANM dan BPOPA selaku urus setia. Mesyuarat tersebut diadakan bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan dasar dan operasi di Pejabat Perbendaharaan Negeri agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah seragam dan terkini. Mesyuarat ini turut membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan perakaunan akruan termasuk isu-isu berkaitan sistem iSPEKS.

Selain itu, mesyuarat tersebut juga bertujuan bagi menyediakan satu medan berforum secara dua hala bagi tujuan Bendahari/ Akauntan Negeri untuk menyuarakan pendapat, cadangan dan juga masalah yang dihadapi di peringkat masing-masing.

Mesyuarat pertama telah diadakan di TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah pada 11 hingga 12 April 2018, manakala

Mesyuarat tersebut juga bertujuan bagi menyediakan satu medan berforum secara dua hala bagi tujuan Bendahari/ Akauntan Negeri untuk menyuarakan pendapat, cadangan dan juga masalah yang dihadapi di peringkat masing-masing.



Sesi Mesyuarat Bendahari/Akauntan Negeri Bil.1/2018

mesyuarat kedua telah diadakan di Hotel Grand Margherita, Kuching, Sarawak pada 11 hingga 12 Oktober 2018. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh Bendahari Negeri/Akauntan Negeri (BN/AN), wakil daripada Bahagian Khidmat Perunding (BKP) dan wakil daripada Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA). Mesyuarat ini diadakan di luar Ibu Pejabat mengikut giliran negeri sebagai tuan rumah, di mana Kerajaan Negeri Kedah dan Negeri Sarawak telah dilantik sebagai tuan rumah bagi mesyuarat tahun ini.

Lawatan Kerja Panjar Tiga Perduabelas Di Kedutaan Besar Malaysia, Tokyo, Jepun

Pada 15 hingga 18 Oktober 2018, BPOPA telah mengadakan Lawatan Kerja Panjar Tiga Perduabelas ke Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun. Tujuan lawatan kerja dijalankan adalah untuk menyemak penggunaan Panjar Tiga Perduabelas sebagai salah satu kemudahan pembayaran bagi urusan Kerajaan di luar negara. Penggunaan panjar tersebut seharusnya dihadkan kepada transaksi bayaran yang benar-benar perlu sahaja selaras dengan pelaksanaan iSPLN.

Lawatan kerja pada kali ini turut memberikan penekanan secara khusus terhadap penggunaan *Telegraphic Transfer* (TT) sebagai kaedah pembayaran utama dalam urusan Kerajaan di mana ia dapat memberikan impak positif terhadap inisiatif untuk meminimumkan wang Kerajaan di luar negara dan seterusnya, bertepatan dengan amalan pengurusan wang tunai yang baik.

Lawatan kerja ini telah diketuai oleh Pengarah BPOPA iaitu YBhg. Dato' Haji Ramli bin Chik dan dua (2) orang pegawai dari Unit Pengurusan Akaun Bank dan Panjar, Seksyen Pengurusan Dana dan Pelaburan iaitu Puan Norzairin binti Nordin (Ketua Penolong Pengarah) dan Puan Norlida binti Talip (Penolong Akauntan).

Sepanjang tempoh lawatan, pegawai di KBM Tokyo amat memberikan kerjasama termasuk semua kakitangan ambilan tempatan yang bertugas. Pegawai BPOPA juga telah diberi peluang untuk membuat kunjungan hormat ke atas TYT Dato' Ahmad Izlan Idris, Duta Besar Malaysia ke Jepun.





Entrance Meeting Dan Kunjungan Hormat Ke Atas TYT Dato' Ahmad Izlan Idris, Duta Besar Malaysia Di Jepun

Bengkel Penstrukturan Semula Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)



Bengkel Penstrukturan Semula BPOPA 2018

BPOPA telah mengadakan Bengkel Penstrukturan semula BPOPA pada 7 hingga 9 Disember 2018, yang bertempat di Hotel HIG Langkawi, Kedah. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyusun semula struktur, fungsi dan sumber manusia di BPOPA dalam menyesuaikan dengan persekitaran akruan bagi memastikan keberkesanan dalam koordinasi sumber sedia ada dengan cekap dan berkesan.

Bengkel ini dilihat menjadi satu medium untuk pihak pengurusan BPOPA mencari idea, *brainstorming*, mengenal pasti dan mencari kaedah untuk penyusunan semula organisasi BPOPA berteraskan fungsi dan output utama BPOPA iaitu Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Dalam persekitaran akruan, penstrukturan semula mengikut kemahiran dan kepakaran adalah sangat penting bagi memastikan PKKP yang dilaporkan adalah betul dan saksama.

Bengkel ini diketuai oleh Pengarah BPOPA iaitu YBhg. Dato' Haji Ramli bin Chik dan semua pegawai BPOPA dari Gred 41 dan ke atas. Hasil daripada bengkel ini, BPOPA telah mencapai objektif dan mengikut garis panduan penstrukturan semula organisasi yang telah ditetapkan.

2018 PEMNA T-CoP *Meetings* Dan *Plenary Conference* 2018

Public Expenditure Management Network in Asia (PEMNA) ialah rangkaian *peer*-pembelajaran pegawai pengurusan perbelanjaan awam di Asia Timur dan Pasifik (EAP). Ditubuhkan pada 2012, PEMNA menyediakan satu forum yang unik untuk pegawai–pegawai awam berkongsi pengetahuan serta membantu mereka untuk membina sistem belanjawan Negara dan perbendaharaan yang mampan di rantau ini. PEMNA dibahagikan kepada dua (2) kumpulan utama iaitu *Treasury Community of Practice* (T-CoP) dan *Budgetary Community of Practice* (B-CoP), yang mana JANM merupakan ahli di bawah T-CoP.

Pada tahun 2018, T-CoP *Meeting* dan PEMNA *Plenary Conference* telah diadakan pada 2 hingga 4 Mei 2018 di Siem Reap, Kemboja dengan tajuk *Developing an Effective Government Revenue and Management System*. Malaysia telah diwakili oleh YBhg. Dato' Haji Ramli bin Chik (Pengarah BPOPA), Encik Azeman bin Miskah (Timbalan Pengarah) dan Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali (Ketua Penolong Pengarah Kanan).

T-CoP *Meeting* dan PEMNA *Plenary Conference* telah diadakan pada 2 hingga 4 Mei 2018 di Siem Reap, Kemboja.



PEMNA *Plenary Conference* 2018

Penghantaran Kertas Kerja Sokongan Bagi Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2017

Pada 26 Februari 2018, BPOPA telah mengemukakan Kertas Kerja Sokongan (KKS) bagi penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2017 kepada wakil Ketua Audit Negara di Ibu Pejabat JANM. KKS yang dikemukakan ini adalah merupakan dokumen sokongan yang disedia dan dikumpulkan di semua peringkat sama ada PTJ, Pejabat Perakaunan dan Ibu Pejabat sendiri.





Kertas Kerja Sokongan Yang Dihantar Kepada Wakil Ketua Audit Negara

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)

BPOPP bertanggungjawab memantau operasi perakaunan/kewangan di Pejabat Perakaunan agar mematuhi dasar, peraturan dan prosedur perakaunan/kewangan yang berkuat kuasa serta merancang, menyelaras dan menyeragam pelaksanaan sistem/operasi perakaunan/kewangan di Pejabat Perakaunan. Selain itu, BPOPP juga memantau pelaksanaan naziran, memberi khidmat nasihat kepada Pejabat Perakaunan termasuk latihan sistem perakaunan/kewangan, memantau pengurusan teknologi maklumat merangkumi aset ICT, pusat data dan sistem-sistem berkaitan perakaunan/kewangan serta Portal JANM Negeri/Cawangan. BPOPP juga mengurus dan menyelaras *Business Continuity Management* (BCM) BPOPP dan JANM Negeri/Cawangan. Sepanjang tahun 2018 beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan oleh BPOPP adalah seperti berikut:

Mesyuarat Ketua Naziran

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan dan menyelesaikan permasalahan yang berlaku di JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian berkaitan isu-isu operasi serta isu-isu dasar agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan terkini serta membentangkan program naziran pejabat perakaunan kepada Ketua Naziran. Selain itu, melalui mesyuarat ini juga dapat mewujudkan hubungan baik sesama Ketua Naziran dari 49 Pejabat Perakaunan supaya dapat saling membantu sekiranya timbul masalah semasa menjalankan naziran di PTJ serta semasa penyediaan Laporan Naziran.

Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2018 Dan Bil. 2/2018

Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2018 telah diadakan pada 22 dan 23 Februari 2018 bertempat di Hotel Best Western, manakala Mesyuarat Bil. 2/2018 pula telah diadakan pada 27 November 2018 bertempat di Kementerian Kewangan. Mesyuarat ini dihadiri oleh Ketua Naziran Bahagian Akaun Kementerian (BA Kementerian) dan JANM Negeri/Cawangan (JNC) iaitu seramai 63 orang termasuk pembentang dan urus setia. Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2018 dan Bil. 2/2018 dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Pengarah BPOPP.



Mesyuarat Ketua Naziran Bil. 1/2018 Dan Bil. 2/2018 Bersama Pengarah BPOPP

Pelaksanaan Inspektorat Di JANM Negeri/Cawangan

Pelaksanaan Inspektorat merujuk kepada lawatan Pasukan Inspektorat BPOPP ke pejabat JANM Negeri/Cawangan. Sebanyak 12 JANM Negeri/Cawangan telah dilawati sepanjang tahun 2018. Program Inspektorat merupakan program tahunan dan juga merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) BPOPP. Program Inspektorat adalah merupakan persediaan awal menghadapi pengauditan Indeks Akauntabiliti dan Pengauditan Prestasi Pejabat Perakaunan serta memantau pematuhan semua prosedur pengurusan pentadbiran, kewangan dan perakaunan oleh JNC. Berikut merupakan maklumat pelaksanaan Inspektorat dan Prestasi JANM Negeri/Cawangan bagi tahun 2018.

Jadual 40 : Lokasi Lawatan Inspektorat Dan Prestasi JANM Negeri/Cawangan Sepanjang Tahun 2018

JANM Negeri/Cawangan	Tarikh	Prestasi
JANM Sabah	7 – 9 Mac 2018	Baik
JANM Selangor	26 – 27 Mac 2018	Baik
JANM Kapit	9 – 10 Apr 2018	Baik
JANM Perak	23 – 25 Apr 2018	Tidak Memuaskan
JANM Terengganu	2 – 4 Jul 2018	Baik
JANM Pahang	25 – 27 Jul 2018	Baik
JANM Keningau	15 – 17 Ogos 2018	Cemerlang
JANM Negeri Sembilan	27 – 28 Ogos 2018	Kurang Memuaskan
JANM Sibu	2 – 4 Sep 2018	Memuaskan
JANM Sarawak	10 – 12 Okt 2018	Baik
JANM Limbang	24 – 26 Okt 2018	Baik
JANM Perlis	31 Okt – 2 Nov 2018	Cemerlang



Lawatan Inspektorat JANM Cawangan Keningau



Lawatan Inspektorat JANM Negeri Perlis



Lawatan Inspektorat JANM Negeri Terengganu



Program Lawatan Kerja Ke JANM Negeri/Cawangan

Lawatan kerja telah dijalankan bersama-sama dengan Program Inspektorat Pejabat Perakaunan pada 9 hingga 11 April 2018 di JANM Cawangan Kapit, JANM Cawangan Sibu, JANM Cawangan Sarikei dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Tanjung Manis. Lawatan kerja ini dihadiri oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa (Timbalan Akauntan Negara (Operasi)), YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan (Pengarah BPOPP), YBhg. Dato' Hj. Ramli bin Chik (Pengarah BPOPA) dan Pasukan Inspektorat BPOPP. Antara tujuan lawatan adalah perjumpaan dengan warga JANM dan memberi gambaran lebih jelas mengenai sistem iGFMAS serta memberi peluang kepada PTJ-PTJ di bawah seliaan JANM Cawangan untuk memaklumkan isu-isu berbangkit di pejabat masing-masing dan idea-idea penambahbaikan yang ingin disampaikan.





Lawatan Ke JANM Cawangan Kapit Bersama Timbalan Akauntan Negara (Operasi)



Lawatan Ke JANM Cawangan Sibu



Lawatan Ke JANM Cawangan Sarikei



Lawatan Ke APMM Tanjung Manis

Lawatan Kerja Ke JANM Cawangan Keningau Dan PTJ Keningau

Lawatan kerja telah dijalankan pada 27 hingga 28 April 2018 di JANM Cawangan Keningau. Lawatan kerja ini dihadiri oleh YBhg. Dato' Zamimi bin Awang (Timbalan Akauntan Negara (Korporat)), YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan (Pengarah BPOPP), YBhg. Dato' Hj. Ramli bin Chik (Pengarah BPOPA) dan YBrs. Encik Jafril bin Junit (Pengarah BPPP). Antara tujuan lawatan adalah perjumpaan dengan warga JANM dan PTJ Keningau bagi mengenal pasti isu-isu operasi di PTJ Keningau dan isu-isu pentadbiran di JANM Keningau.



Lawatan Ke JANM Cawangan Keningau

Lab *Hands-On Audit Command Language* (ACL) AX

BPOPP telah mengadakan *Lab Hands-On* ACL AX Siri 1 pada 6 hingga 9 November 2018 dan Siri 2 pada 12 hingga 15 November 2018 di IPN Sabak Bernam kepada Ketua Naziran daripada 25 BA Kementerian dan 24 JANM Negeri/Cawangan. *Lab Hands-On* ACL AX diadakan supaya peserta dapat mengetahui kaedah untuk mengekstrak data iGFMAS dengan menggunakan Perisian ACL AX serta dapat memahami struktur *table* yang akan digunakan dalam Sistem Perisian ACL untuk menjana sampel data yang dikehendaki.



Lab Hands-On ACL AX – Siri 1



Lab Hands-On ACL AX – Siri 2

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA)

MPKA merupakan salah satu KPI bagi BPOPP. Seperti tahun-tahun sebelum, mesyuarat ini akan diadakan empat (4) kali setahun dengan melantik JANM Negeri/Cawangan sebagai tuan rumah. Mesyuarat ini dilaksanakan mengikut sesi yang dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan Pengarah BPOPP. Ahli mesyuarat ini pula terdiri daripada Pengarah Bahagian, Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah JANM Negeri/Cawangan.

Secara keseluruhannya, mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan, menyelesai dan menyelaras isu-isu pelaksanaan operasi di Pejabat Perakaunan agar keputusan dan tindakan yang diambil adalah sentiasa seragam dan memenuhi kehendak *stakeholder*. Mesyuarat ini juga merupakan satu medan (*venue*) berforum secara dua (2) hala bagi Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan Ketua Akauntan Pejabat Perakaunan untuk menyuarakan pendapat, cadangan dan juga masalah yang dihadapi oleh Pejabat Perakaunan bersama Pengurusan Tertinggi JANM. Berikut adalah pelaksanaan MPKA yang telah diadakan sepanjang tahun 2018.

Jadual 41 : Senarai Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA) Sepanjang Tahun 2018

Mesyuarat	Lokasi	Tarikh
MPKA Bil. 1/2018	Hotel Hatten, Melaka	20 – 21 Mac 2018
MPKA Bil. 2/2018	Perbendaharaan, MOF	9 – 11 Jul 2018
MPKA Bil. 3/2018	Hotel Royale Chulan, Seremban	18 – 19 Sep 2018
MPKA Bil. 4/2018	Hotel Gurney, Penang	29 Nov – 1 Dis 2018



MPKA Bil. 1/2018 Di Hotel Hatten, Melaka



MPKA Bil. 2/2018 Di Perbendaharaan, MOF



Sesi Pengarah BPOPP Semasa MPKA Bil. 2/2018



MPKA Bil. 3/2018 Di Hotel Royale Chulan, Seremban



MPKA Bil. 4/2018 Di Hotel Gurney, Penang

Kursus Pembangunan Diri Dan Sahsiah Warga BPOPP Bersama Pengarah JANM Negeri Dan Cawangan

Pada 12 hingga 15 April 2018, Kursus Pembangunan Diri dan Sahsiah Warga BPOPP bersama Pengarah JANM Negeri/Cawangan telah diadakan di Intan Kampus Wilayah Selatan (IKWAS), Kluang, Johor. Kursus ini disertai seramai 47 peserta yang terdiri daripada 20 orang wakil BPOPP, 19 orang wakil Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan lapan (8) orang wakil JANM Negeri Johor.

Agenda utama kursus ini adalah ekspedisi mendaki Gunung Lambak, Kluang, Johor. Kursus ini diadakan sebagai salah satu inisiatif yang diharapkan dapat membantu dalam usaha untuk menjayakan kerja berpasukan yang mampu meningkatkan kualiti sesebuah organisasi di kalangan warga BPOPP dan Pengarah JANM Negeri/Cawangan, sekaligus memupuk nilai kerjasama berpasukan dalam melaksanakan sesuatu kursus mahupun aktiviti.



Peserta Kursus Bergambar Bersama Fasilitator



Senaman Ringan Sebelum Mendaki Gunung Lambak



Peserta Bergambar Di Puncak Gunung Lambak



Aktiviti Bersama Fasilitator Di IKWAS, Johor

Majlis Perjumpaan Warga Perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Perak

Pada 30 Oktober 2018, Majlis Perjumpaan Warga Perakaunan JANM Perak telah diadakan di Dewan KDN, Ipoh. Majlis ini disertai seramai 475 orang dan turut dihadiri oleh YBrs. Encik Redzuan bin Hasan (Pengarah BPOPP) dan Puan Noorhaslenda binti Abdullah (Timbalan Pengarah, BPPP). Majlis ini diadakan setiap tahun dan diteruskan bagi memastikan kesinambungan perhubungan di antara warga perakaunan di Negeri Perak. Majlis ini menyaksikan penambahan tenaga kerja dalam perkhidmatan perakaunan negeri ini dengan pengiktirafan Penolong Akauntan W29 (Khas Untuk Penyandang - KUP) memberikan satu lagi kewajaran yang kukuh untuk memastikan majlis perjumpaan warga perakaunan dijadikan satu forum tahunan yang wajib bagi menyelaras isu-isu berkaitan perkhidmatan perakaunan di Negeri Perak.







Sekitar Majlis Perjumpaan Warga Perakaunan JANM Negeri Perak

BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)

Program Pemeriksaan Di Bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965

BWTD berfungsi sebagai Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) bagi menjalankan tanggungjawab seperti yang tertera di Bahagian II, Akta WTD 1965 iaitu:

1. Pemegang amanah terhadap WTD yang diterima.
2. Membayar balik WTD kepada empunya WTD sekiranya terdapat permohonan tuntutan.
3. Memeriksa rekod syarikat atau firma bagi memastikan kepatuhan peruntukan Akta.
4. Mencadangkan kompaun dan hukuman denda terhadap syarikat atau firma yang gagal mematuhi peruntukan Akta.

Sehingga 31 Disember 2018, Unit Penguatkuasaan BWTD telah berjaya menyelesaikan 90% kes ketidakpatuhan.

Bagi menguatkuasakan akta ini di bawah Seksyen 12 Akta WTD 1965, Pendaftar WTD atau pegawai yang diberi kuasa olehnya boleh melakukan pemeriksaan terhadap buku, rekod, daftar dan dokumen yang disimpan oleh syarikat/firma dan boleh mengambil serta menyita apa-apa dokumen sebagai bukti yang menunjukkan ketidakpatuhan Akta.

Bilangan Pemeriksaan di bawah Akta WTD 1965 merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) Akauntan Negara Malaysia (ANM) selaku Pendaftar WTD di Malaysia dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) (TAN O) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2018, sebanyak 196 syarikat/firma telah diperiksa oleh Unit Penguatkuasaan BWTD pada tahun ini dan ia meningkat sebanyak 63% berbanding 120 syarikat/firma pada tahun 2017.

Selain itu, KPI baharu di bawah Program Pemeriksaan ini ialah menyelesaikan 70% kes ketidakpatuhan pada tahun ini. Sehingga 31 Disember 2018, Unit Penguatkuasaan BWTD telah berjaya menyelesaikan 90% kes ketidakpatuhan.

Program Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut 1965

Bagi meningkatkan lagi kefahaman dan kesedaran syarikat/firma dan orang awam mengenai Akta WTD 1965, Unit Penguatkuasaan melaksanakan sebanyak 14 kali taklimat pada tahun ini iaitu:

1. Sembilan (9) Taklimat Kesedaran WTD kepada wakil syarikat/firma di Pejabat BWTD di Menara Maybank, Kuala Lumpur.

2. Tiga (3) Taklimat Kesedaran WTD kepada calon yang memohon lesen juruaudit dalam *Public Practice Programme* 2018 anjuran MIA bertempat di Connexion Conference & Event Centre @ The Vertical, Bangsar South, Kuala Lumpur.

3. Satu (1) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut kepada Akauntan lantikan baharu anjuran Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. Satu (1) Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut kepada pegawai di Kementerian Pertahanan Malaysia.

Di samping meningkatkan kefahaman dan kesedaran terhadap pengurusan WTD, program ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kepatuhan syarikat/firma terhadap Akta WTD 1965.





Sekitar Taklimat Khas Pemahaman Akta WTD 1965

Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Bagi memantapkan lagi kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa terdapat beberapa bengkel dan kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018 iaitu:

Jadual 42 : Bengkel Dan Kursus Yang Dijalankan Pada Tahun 2018

Bil.	Nama Kursus	Tarikh	Negeri Terlibat	Lokasi
1.	Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Zon Sabah)	14 – 16 Jan 2018	Sabah termasuk Pejabat Cawangan	Hotel The Klagan, Kota Kinabalu, Sabah
2.	Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Zon Sarawak)	17 – 19 Jan 2018	Sarawak termasuk Pejabat Cawangan	Hotel Grand Continental, Kuching, Sarawak
3.	Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Zon Selatan)	22 – 24 Jan 2018	Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor	Hotel Avillion Legacy, Melaka
4.	Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Zon Pantai Timur)	28 – 30 Jan 2018	Pahang, Terengganu dan Kelantan	Hotel Permai, Kuala Terengganu, Terengganu
5.	Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Zon Utara)	5 – 7 Feb 2018	Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis	Hotel Tabung Haji, Pulau Pinang

Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 ini telah diadakan mengikut zon dan dihadiri oleh Penolong Pendaftar, Timbalan Pengarah, Pengarah Cawangan, Pegawai Pemeriksa dan Pegawai Siasatan yang terlibat secara langsung dalam menguatkuasakan akta ini.

Bengkel ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi pendedahan secara terperinci berkenaan prosedur operasi standard dalam melaksanakan pemeriksaan WTD ke atas syarikat/firma mulai tahun 2018 termasuk kaedah siasatan dan pengkompaunan kesalahan jika didapati syarikat/firma gagal mematuhi Akta WTD 1965.



Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta WTD 1965 (Zon Selatan) Di Melaka



Bengkel *Hands-on* Arahan Penguatkuasaan Akta WTD 1965 (Zon Sabah) Di Kota Kinabalu, Sabah

Majlis Pelancaran Sistem Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut (SPWTD) Sempena Hari Inovasi Dan Integriti JANM 2018

SPWTD merupakan sistem berpusat bagi kegunaan Pegawai Penguatkuasa WTD seluruh Malaysia merangkumi tugas-tugas seperti pemeriksaan, taklimat kesedaran WTD, pelaksanaan denda dan kompaun serta program peningkatan kompetensi. Ia mengandungi lima (5) modul iaitu Modul Pemeriksaan, Modul Siasatan, Modul Kompaun, Modul Latihan, Modul BO-*Friendly*. Sistem ini telah dibangunkan dan berjaya *Go-Live* pada 9 Oktober 2018.

Majlis pelancaran sistem ini telah diadakan pada 25 Oktober 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM sempena sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM 2018. Majlis ini telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia, YBhg. Datuk Saat bin Esa serta dihadiri oleh seramai 250 warga JANM. Turut dijemput ke majlis ini adalah agensi-agensi yang menjadi rakan strategik JANM iaitu LHDNM, SSM, SKM, PDRM, ATM, MAICPA, MIA, JPN, JPPM dan MASB atas kerjasama dalam bidang penguatkuasaan WTD.



Majlis Pelancaran SPWTD



Penghargaan kepada Rakan Strategik

Lawatan Kerja Pengurusan WTD Ke Tokyo, Jepun

Satu lawatan kerja ke Tokyo, Jepun telah diadakan pada 12 hingga 15 November 2018 yang disertai oleh dua (2) orang pegawai Unit Penguatkuasaan, BWTD iaitu Encik Mohd. Nazi bin Mat Yusoff (Ketua Penolong Pengarah Kanan) dan Encik Mohammad Khairul Anuar bin Ab. Ghani (Penolong Pengarah Kanan). Agensi yang dilawati ialah *Financial Services Agency* (FSA) dan *Deposit Insurance Corporation of Japan* (DICJ).

Lawatan kerja ini bertujuan mempelajari kemajuan pengurusan dan pentadbiran WTD yang dilaksanakan di Jepun dan mendapatkan idea bagi menambah baik perkhidmatan serta pengurusan WTD di Malaysia, di samping mengkaji keperluan pindaan Akta WTD 1965.



Pegawai BWTD Bersama Pegawai Agensi *Financial Services Agency* (FSA)

Program Taklimat Berkaitan Prosedur Serahan Dan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)

Dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kerajaan, Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) telah membangunkan sistem serahan WTD yang baharu dan diguna pakai mulai tahun 2018 (Daftar WTD seperti pada 31 Disember 2017). Selaras dengan perkembangan ini, terdapat perubahan dalam prosedur dan format dokumen serahan WTD. Justeru, Unit Akaun dengan kerjasama Unit Tuntutan telah menjalankan beberapa siri Taklimat Berkaitan Prosedur Baru Serahan dan Tuntutan WTD yang dihadiri oleh pegawai-pegawai Unit WTD di JANM Negeri dan Cawangan seperti berikut:

Jadual 43 : Siri Taklimat Berkaitan Prosedur Baru Serahan Dan Tuntutan WTD

Bil.	Lokasi	Tarikh	Peserta
1.	Melaka	22 Feb 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Melaka
2.	Negeri Sembilan	23 Feb 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Sembilan
3.	Perak	26 Feb 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Perak
4.	Pahang, Terengganu dan Kelantan	28 Feb 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan
5.	Sarawak	12 Mac 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Sarawak dan JANM Cawangan di Negeri Sarawak
6.	Sabah	14 Mac 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Sabah dan JANM Cawangan di Negeri Sabah
7.	Kedah, Pulau Pinang dan Perlis	19 Mac 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis
8.	Johor	22 Mac 2018	Pegawai Unit WTD, JANM Negeri Johor





Sekitar Sesi Taklimat Bersama JANM Negeri

Selain itu, Taklimat Berkaitan Prosedur Baru Serahan WTD turut diberikan kepada pegawai-pegawai daripada syarikat/firma yang bercadang untuk membuat serahan WTD. Taklimat ini diadakan berdasarkan permohonan daripada syarikat/firma. Melalui taklimat ini juga, syarikat/firma diberikan pemahaman tentang tatacara prosedur enkripsi.




Sekitar Sesi Taklimat Bersama Syarikat/Firma Di BWTD




Terimaan Serahan Wang Tak Dituntut (WTD)

Pada tahun 2018, sebanyak 1,584 serahan WTD dengan jumlah terimaan sebanyak RM795 juta telah diterima daripada syarikat dan firma berbanding 1,494 serahan dengan jumlah terimaan sebanyak RM716 juta yang diterima pada tahun 2017.

Carta 14 : Jumlah Serahan WTD Dari Tahun 2016 Hingga 2018




Carta 15 : Statistik Terimaan WTD Mengikut Sektor Bagi Tahun 2018



Bayaran Permohonan Tuntutan Wang Tak Dituntut (WTD)

Sebanyak RM252 juta jumlah bayaran balik WTD telah diproses bagi permohonan yang diterima pada tahun 2018. Ia merangkumi jumlah bayaran bagi akaun amanah sebanyak RM248 juta dan akaun bayaran balik hasil (VOT T12) sebanyak RM4 juta. Carta 16 menunjukkan jumlah bayaran balik WTD bagi tahun 2016 hingga 2018. Peningkatan jumlah bayaran balik WTD daripada tahun 2016 hingga 2018 adalah kerana peningkatan kesedaran orang awam terhadap Wang Tak Dituntut.

Carta 16 : Jumlah Bayaran Permohonan Tuntutan Wang Tak Dituntut Bagi Tahun 2016 Hingga 2018



Booth Pameran BWTD


BWTD telah melaksanakan Program *Booth* Pameran di beberapa lokasi terpilih sepanjang tahun 2018 bertujuan untuk:

1. Memberi kesedaran dan hebahan kepada orang awam dan kakitangan awam mengenai WTD.

2. Memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat semakan status WTD.

3. Memberi khidmat nasihat berhubung dengan WTD terutama berkaitan permohonan tuntutan WTD.





Sekitar Program *Mobile* CTC Bersama Kementerian Kewangan Di Bentong, Pahang





Sekitar Program Di Jabatan Perdana Menteri





Sekitar Program Di Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)



Booth Di Kementerian Pengangkutan Malaysia



Booth Di Kementerian Pertanian Dan Asas Tani

BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)

Tahun 2018 telah menyaksikan BA MOF terus konsisten melakar kejayaan yang cemerlang dan telah menunjukkan peningkatan dalam pencapaian prestasi serta memperoleh beberapa pengiktirafan dan anugerah berkat usaha gigih daripada semua warga BA MOF. Di antara pengiktirafan tersebut termasuk menerima pensijilan *Audit Surveillance* 2018 dan EKSA oleh MAMPU.

Perakaunan Pengurusan

Dalam usaha meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti, JANM mengambil "pendekatan diagnostik" dengan memperluas dan memantapkan fungsi Perakaunan Pengurusan di Kerajaaan Persekutuan. Melalui lima (5) elemen teras, perakaunan pengurusan akan memastikan maklumat yang dihasilkan boleh dimanfaat sepenuhnya dalam proses pembuatan keputusan. Lima (5) elemen teras berkenaan adalah analisis penyata kewangan, pengukuran risiko, pengekosan, analisis sumber dan pengukuran prestasi. Inisiatif ini merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan perakaunan akruan dan *Outcome-Based Budgeting* (OBB) dalam proses transformasi pengurusan kewangan awam (*Public Finance Reform*) yang merupakan tunjang kepada perkembangan ekonomi negara.

Beberapa siri bengkel dan mesyuarat telah dianjurkan untuk menyediakan dokumen utama Perakaunan Pengurusan iaitu *Blueprint*, Pekeliling Perbendaharaan, SPANM dan Garis Panduan kelima-lima elemen Perakaunan Pengurusan.

> Melalui lima (5) elemen teras, perakaunan pengurusan akan memastikan maklumat yang dihasilkan boleh dimanfaat sepenuhnya dalam proses pembuatan keputusan.



Peserta Bengkel Bergambar Bersama Akauntan Negara Malaysia

Bengkel Penyediaan Dokumentasi Perakaunan Pengurusan

Bengkel ini telah diadakan pada 12 hingga 14 Mac 2018 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Bengkel ini telah dirasmikan oleh Akauntan Negara Malaysia dan dihadiri oleh 34 orang akauntan yang telah dilantik untuk menganggotai ahli Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk mendapatkan buah fikiran di kalangan peserta dalam memperhalusi dan meneliti kandungan draf awal *Blueprint* dan garis panduan, mengenal pasti pihak-pihak berkepentingan bagi setiap laporan, mengenal pasti kaedah analisis bagi penjanaan data yang memenuhi keperluan pengguna serta menentukan format pelaporan yang bersesuaian.

Mesyuarat Penyemakan Dokumentasi Perakaunan Pengurusan

Sebagai kesinambungan kepada Bengkel Penyediaan Dokumentasi Perakaunan Pengurusan, satu (1) mesyuarat telah diadakan pada 8 hingga 10 April 2018 di Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat ini bertujuan untuk membuat penyemakan polisi dan dokumentasi perakaunan pengurusan.



Ahli Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan



Lawatan Kerja Ke The Treasury Of New Zealand



Lawatan Kerja Ke Jabatan Hasil Dalam Negeri New Zealand

Lawatan Kerja Ke The Treasury, New Zealand

Pada 3 hingga 7 Julai 2018, BA MOF telah mengadakan lawatan kerja ke New Zealand. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk mengenal pasti mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan New Zealand dalam menyedia, menganalisis dan menyampaikan maklumat Perakaunan Pengurusan dalam pengurusan kewangan kerajaan. Seramai tiga (3) orang pegawai daripada Seksyen Perakaunan Pengurusan telah menyertai lawatan ini iaitu Puan Nawiah binti Mohet, YBrs. Dr. N Farahin binti Ali @ Ibrahim dan Encik Mohd Taufik bin Hj. Ahmad. Lawatan ini turut disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand iaitu Puan Nur Izzah Wong Mee Choo dan Setiausaha Pertama Encik Raja Suresh Raja Kandan. Selain berpeluang untuk berkongsi pengalaman dengan pegawai di The Treasury, kumpulan lawatan ini juga berpeluang untuk bertemu CFO dari lima (5) Kementerian/Agensi iaitu:

1. *Inland Revenue Department*
2. *Ministry of Business, Innovation and Employment*
3. *Ministry of Education*
4. *Ministry of Social Development*
5. *Department of Corrections*

Latihan Dan Khidmat Nasihat

Kursus Dan Latihan Perakaunan Akruan Pusat Tanggungjawab (PTJ) BA MOF

Unit Latihan dan Khidmat Nasihat telah menganjurkan kursus perakaunan akruan untuk PTJ di bawah BA MOF dan kursus generik untuk anggota kerja BA MOF seperti berikut:

Jadual 44 : Kursus Yang Dianjurkan Oleh BA MOF

Bil.	Nama Kursus	Tarikh	Tempat
1.	Kursus Carta Akaun Akruan (CAA)	15 Mei 2018	IPN CPD, Cyberjaya
2.	Kursus Perakaunan Aset	9 Ogos 2018	IPN CPD, Cyberjaya
3.	Kursus Carta Akaun Akruan (CAA) Siri 2	28 Ogos 2018	IPN CPD, Cyberjaya
4.	Kursus Kemahiran MS *Excel*	13 Nov 2018	Bilik Kontegensi, BA MOF

MS ISO 9001:2015

BA MOF telah dianugerahkan pensijilan ISO 9001:2015 untuk tempoh mulai 30 September 2017 hingga 13 Jun 2019. Dalam tempoh tersebut, pihak juruaudit Platinum Shauffmantz Veritas (PSV) telah menjalankan audit pembaharuan sijil (*Renewal Audit*) pada 26 Julai 2018. Ini bagi memastikan semua prosedur ISO dipatuhi dalam pelaksanaan tugas harian warga kerja BA MOF mengikut skop kerja yang telah dipersijilkan iaitu proses bayaran bagi PTJ di bawah Kementerian Kewangan Malaysia.

Aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 adalah seperti di Jadual 45.

Jadual 45 : Aktiviti MS ISO 9001:2015

Bil.	Perkara	Tarikh	Catatan
1.	Bengkel Pengemaskinian Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan Prosedur	5 – 6 Mac 2018	Melibatkan wakil setiap Seksyen bagi mengemas kini Manual Prosedur Kerja (MPK) masing-masing.
2.	Kursus Pemahaman dan Pemantapan ISO	26 – 27 Mac 2018	30 orang peserta dari semua Seksyen.
3.	Mesyuarat ISO Bil. 1 Tahun 2018	12 Apr 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ISO BA MOF.
4.	Kursus Audit ISO 9001:2015	18 – 19 Apr 2018	30 orang peserta dari semua Seksyen. Penceramah telah memberi latihan praktikal audit dilaksanakan.
5.	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO 9001:2015	6 Jul 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ISO BA MOF bersama wakil Seksyen.
6.	Audit MS ISO 9001:2015	25 – 26 Jul 2018	Audit dilaksanakan oleh Platinum Shauffmantz Veritas (PSV).





Annual Surveillance Audit MS ISO 9001:2015

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

EKSA BA MOF telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2018. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 46.

Jadual 46 : Aktiviti EKSA BA MOF

Bil.	Perkara	Tarikh	Catatan
1.	Promosi Kesedaran EKSA Kepada Warga Zon	1 Mac 2018	Program Kitar Semula Bil. 1/2018
		23 Mac 2018	Gotong-royong BA MOF dan Program Kitar Semula Bil. 2/2018
		29 Jun 2018	Taklimat Kesedaran EKSA (Ciri-Ciri Kubikel/ Ruang Kerja yang baik dalam Sektor Awam yang disampaikan oleh En. Mohd Nazi bin Mat Yusoff)
2.	Gotong-royong Bulanan	23 Mac 2018 24 Apr 2018 29 Jun 2018 9 Ogos 2018	Gotong-royong BA MOF
3.	Audit Dalam Zon	23 Apr 2018 4 Jul 2018 8 Ogos 2018	Tiga (3) kali setahun
4.	Pertandingan Berkenaan EKSA	3 Mei 2018	Pertandingan Kubikel dan Zon Unit Terbaik
		27 Jun 2018	Pertandingan Hasil Kreatif dan Amalan Hijau Terbaik
5.	Lawatan EKSA	27 Mac 2018	Lawatan EKSA Ke BPOPP
		27 Sep 2018	Lawatan EKSA Ke Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC), Cyberjaya
6.	Audit MAMPU	15 – 16 Ogos 2018	Mendapat pencapaian cemerlang. Tarikh dikeluarkan sah sehingga 15 September 2018 hingga 14 September 2020.

Kelab Rekreasi Dan Kebajikan Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (KRK BA MOF)

KRK BA MOF telah menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun 2018. Antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti di Jadual 47.

Jadual 47 : Aktiviti Kelab Rekreasi Dan Kebajikan BA MOF

Bil.	Aktiviti	Tempat	Tarikh
1.	Majlis Bacaan Yasin Bulanan	Ruang Permata, BA MOF	Setiap bulan
2.	Majlis Sambutan Hari Lahir Warga BA MOF	Ruang Permata, BA MOF	Setiap 3 bulan
3.	Program Amal "Fabrik Ku Amal Ku"	Institut Pendidikan Guru Kampus Raja Melewar, Seremban	9 Feb 2018
4.	Sukan Dalaman BA MOF	Ruang Permata, BA MOF	12 Mac – 21 Apr 2018
5.	Pertandingan Bowling BA MOF	ARL Power Bowl, Alamanda	21 Apr 2018
6.	Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran	Ruang Permata, BA MOF	8 Jun 2018
7.	Majlis Hari Raya BA MOF	Ruang Permata, BA MOF	27 Jun 2018
8.	Mesyuarat Agung Kali Ke – 23, KRK BA MOF	Ruang Permata, BA MOF	19 Jul 2018
9.	Program Mendaki Broga	Bukit Broga, Semenyih	18 Ogos 2018
10.	Program Mendaki Denai Tiga Puteri	Bukit Denai Tiga Puteri, Damansara	22 Sep 2018
11.	Majlis Persaraan Pengarah BA MOF "Sesaat Bersama Seabad Terasa"	Indus Cafe by Bora Ombak	14 Nov 2018



Program Amal "Fabrik Ku Amal Ku"



Majlis Perasmian Sukan Dalaman BA MOF Tahun 2018



Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran



Tetamu Jemputan Majlis Hari Raya BA MOF

PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

Piawaian, Polisi Dan Undang-undang Serta Peraturan

Mesyuarat Hala Tuju Perakaunan Akruan

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) ini bermatlamat untuk mendapat input berhubung perancangan dan hala tuju pelaksanaan perakaunan akruan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri. Mesyuarat ini diadakan pada 4 Oktober 2018 di Bilik Gerakan, JANM dan dihadiri oleh 34 orang pegawai terdiri daripada Pegawai Kewangan Negeri, Bendahari Negeri, Bahagian Undang-undang (BUU) Kementerian Kewangan Malaysia serta BUU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





Mesyuarat Hala Tuju Perakaunan Akruan Di Bilik Gerakan JANM





Bengkel Pengenalan Kepada Perakaunan Sumber Alam Di Dewan Serbaguna JANM

Bengkel Pengenalan Kepada Perakaunan Sumber Alam

Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal dan kefahaman mengenai perakaunan sumber asli dan bagi mendapatkan maklum balas untuk menyeragamkan kaedah penilaian sumber asli bagi tujuan pelaporan di penyata kewangan. Kursus ini diadakan pada 3 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, JANM dan dihadiri oleh 95 orang pegawai antaranya daripada Bendahari Negeri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Jabatan Perhutanan dan *Board of Geologists Malaysia*.

Bengkel Penyediaan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Persekutuan Siri 1 Hingga 3

Bengkel Siri 1 bertujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman naziran pematuhan Perakaunan Akruan kepada ahli dan menghasilkan perancangan audit secara umum. Bengkel Siri 2 pula diadakan untuk menghasilkan program audit (*Audit Programme*) yang komprehensif berserta dokumen naziran yang meliputi lembaran kerja dan senarai semak. Seterusnya, bengkel Siri 3 diadakan di Ibu Pejabat JANM pada bulan November dan Disember 2018 untuk memuktamadkan program audit (*Audit Programme*) dan dokumen naziran. Bengkel ini dihadiri oleh pegawai daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan yang menganggotai Kumpulan Kerja Pematuhan Perakaunan Akruan (KKPPA).





Bengkel Penyediaan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Siri 1 Di Cerengin Hills Convention & Spa Resort, Pahang





Bengkel Penyediaan Dokumen Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Siri 2 Di Hotel Impian Morib, Selangor

Sesi Semakan Manual Pengguna (MP) iGFMAS

Dua (2) siri sesi semakan bagi 22 Modul iGFMAS telah diadakan bagi memastikan draf MP iGFMAS yang disediakan oleh iA Consulting disemak dan disahkan oleh Kumpulan Kerja Modul dengan kerjasama BPTM sebelum dimuat naik ke dalam Portal Akruan JANM untuk diguna pakai oleh pengguna iGFMAS. Sesi ini diadakan pada 10 hingga 27 Julai 2018 dan 30 Julai hingga 30 Ogos 2018 bertempat di Ibu Pejabat JANM.





Sesi Semakan Manual Pengguna (MP) iGFMAS

Proses Dan Teknologi

Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Pengumpulan Data Baki Awal merangkumi data Aset Alih, Aset Tak Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar, Pajakan Kewangan, Konsesi, Jalan Raya, Inventori dan Aset Ketenteraan. Pengumpulan Data Baki Awal ini melibatkan 25 Kementerian, JANM Bahagian dan Pejabat Perakaunan JANM Negeri/Cawangan.


Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2018 iaitu bagi data *cut off* pada 30 Jun 2018 dan 31 Disember 2018.

Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Aktiviti Migrasi Data ialah proses muat naik data induk dan data transaksi *cut off* pada 31 Disember 2017 daripada sistem legasi sedia ada dan data yang dikumpul secara manual ke sistem iGFMAS. Pengujian Migrasi Data *(Mock Run)* 1 dan 2 telah dilaksanakan pada tahun 2014, *Mock Run* 3 telah dilaksanakan pada tahun 2015, *Mock Run* 4 telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan *Mock Run* 5 telah dilaksanakan pada tahun 2017.

Sistem iGFMAS telah *Go-Live* pada 1 Januari 2018 dan pelaksanaan Migrasi Data adalah secara berperingkat iaitu:



Nota: *Stage* 1 dan 2 telah selesai dilaksanakan pada tahun 2018 manakala *stage* 3 akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Pengurusan Perubahan

Kursus *Refresher* Carta Akaun Asas Akruan Dan *Inter Entity*

Tiga (3) siri kursus yang bertujuan untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pegawai dalam penggunaan Carta Akaun Asas Akruan bagi mengakaun dan melaporkan transaksi kewangan serta memberikan pendedahan tentang konsep *Inter Entity* telah diadakan mengikut zon seperti berikut:



Kursus *Refresher* Carta Akaun Asas Akruan Dan *Inter Entity* – Zon Sabah Dan Sarawak

Jadual 48 : Kursus *Refresher* Carta Akaun Asas Akruan Dan *Inter Entity* Yang Diadakan Mengikut Zon

Bil.	Zon	Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
1.	Zon Lembah Klang	22 – 23 Feb 2018	Dewan Serbaguna, JANM	86
2.	Zon Luar Lembah Klang	4 – 6 Mac 2018	Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson, Negeri Sembilan	42
3.	Zon Sabah Dan Sarawak	7 – 9 Mac 2018	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	40

Bengkel Penyediaan Pelan Dan Data Latihan iGFMAS Modul *Release 1*


Sebanyak empat (4) siri bengkel telah diadakan bertujuan untuk menyediakan set data latihan iGFMAS yang lengkap bagi semua modul bagi penganjuran latihan iGFMAS kepada pengguna.

Jadual 49 : Bengkel Penyediaan Pelan Dan Data Latihan iGFMAS Modul *Release* 1

Siri Bengkel	Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
Siri 1 Siri 2 Siri 3 Siri 4	5 – 7 Jun 2018 13 – 15 Ogos 2018 28 Ogos 2018 3 – 4 Sep 2018	Bilik Makmal 1, PPPA, JANM	Keseluruhan peserta 94 orang

Latihan TOT Penyediaan Data Latihan iGFMAS Modul *Release* 1

Latihan ini diadakan adalah untuk menerangkan tatacara dan langkah penyediaan data latihan bagi membolehkan latihan iGFMAS secara berterusan dapat dijalankan. Latihan ini diadakan pada 14 hingga 17 Mei 2018 di Makmal 1, PPPA, JANM dan dihadiri seramai 37 orang daripada IPN, BPTM dan *Core Trainers* terpilih.



Latihan TOT Penyediaan Data Latihan iGFMAS Modul *Release* 1

Bengkel Penyediaan Pelan Strategik Pelan Pengurusan Perubahan Latihan Perakaunan Pengurusan

Tiga (3) siri bengkel yang diadakan adalah untuk merangka Pelan Latihan Perakaunan Pengurusan secara menyeluruh bagi tempoh lima (5) tahun kehadapan serta membincangkan silibus latihan yang akan diberikan kepada semua Akauntan dalam Kerangka Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan. Peserta adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja Latihan dan Sumber Manusia serta wakil *core trainers* dan Seksyen Perakaunan Pengurusan dari Kementerian *Pilot*.

Jadual 50 : Bengkel Penyediaan Pelan Strategik Pelan Pengurusan Perubahan Latihan Perakaunan Pengurusan

Siri Bengkel	Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
Siri 1 Siri 2 Siri 3	9 – 10 Jul 2018 24 – 25 Okt 2018 28 – 29 Nov 2018	Putrajaya International Convention Centre (PICC)	25 orang setiap sesi

Program Sesi Dialog Bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) JANM

Program sesi dialog ini adalah untuk mengadakan perjumpaan secara *face to face* dengan pengguna sistem iGFMAS di PTJ bagi mendapatkan maklum balas secara langsung mengenai pelaksanaan sistem iGFMAS dan mengenal pasti isu dan cabaran pelaksanaan iGFMAS bagi cadangan tindakan pembetulan atau pelaksanaan latihan mengikut keperluan PTJ.



Program Sesi Dialog Bersama PTJ JANM Cawangan Tawau

Jadual 51 : Program Sesi Dialog Bersama Pusat Tanggungjawab (PTJ) JANM

Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
1.	Program Sesi Dialog Bersama PTJ JANM Negeri Sembilan	6 Jul 2018	Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, Negeri Sembilan
2.	Program Sesi Dialog Bersama PTJ JANM Cawangan Bintulu	8 Ogos 2018	Bilik Mesyuarat Wisma Bintulu, Sarawak
3.	Program Sesi Dialog Bersama PTJ JANM Cawangan Tawau	10 Ogos 2018	Auditorium Pusat Latihan Lembaga Koko, Tawau, Sabah

Bengkel Perakaunan Pengurusan Kepada *Change Agent*

Bengkel ini diadakan bagi memberi pendedahan berhubung pelaksanaan konsep dan peranan *Change Agent* bagi Perakaunan Pengurusan. Bengkel ini diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2018 di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Executive Talk Perakaunan Pengurusan

Program ini merupakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman oleh pihak korporat yang merupakan *industry player* dalam pelaksanaan perakaunan pengurusan. Program ini telah diadakan pada 15 Oktober 2018 di Dewan Serbaguna, JANM.



Executive Talk Perakaunan Pengurusan JANM



Bengkel *Empowering Liaison Change Agent* (LCA)

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memperkasakan LCA dalam mengurus perubahan untuk memacu hasil yang lebih efisien. Bengkel ini telah diadakan pada 5 hingga 7 Disember 2018 di Hotel M Roof, Ipoh, Perak dan telah dihadiri seramai 51 orang LCA.





Bengkel *Empowering Liaison Change Agent* (LCA)



LAPORAN PENCAPAIAN

- MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
- AKRAB

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Objektif MBJ JANM ditubuhkan adalah selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992 bertajuk Penyusunan Semula Majlis Bersama Kebangsaan Pekerja-Pekerja Awam dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 bertajuk Majlis Bersama Jabatan Di Kementerian/Jabatan/Pihak Berkuasa Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan. MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan rasmi di antara pihak pengurusan dan wakil pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kebajikan pekerja di JANM, di samping mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja.

MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JANM.

Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada wakil pihak pengurusan iaitu Pengurusan Tertinggi JANM dan wakil pihak pekerja. Wakil pihak pekerja pula terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang berada di JANM. MBJ JANM dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Saat bin Esa, Akauntan Negara Malaysia. MBJ JANM telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali. Maklumat mesyuarat adalah seperti di Jadual 52.

Jadual 52 : Maklumat Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Yang Diadakan Pada Tahun 2018

Bil.	Tarikh	Lokasi
1.	27 Mac 2018	Bilik Gerakan Aras 8, JANM
2.	25 Jun 2018	Bilik Gerakan Aras 8, JANM
3.	25 Sep 2018	Bilik Gerakan Aras 8, JANM
4.	18 Dis 2018	Bilik Gerakan Aras 8, JANM

Semua isu yang dibangkitkan oleh pihak pekerja telah berjaya diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 53.

Jadual 53 : Isu Yang Dibangkitkan Pada Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Jumlah Isu Dibangkitkan	Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan	Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Selesai Tahun 2019)	Peratus Penyelesaian Isu (%)
34	29	5	85

AKRAB

AKRAB JANM telah melaksanakan beberapa aktiviti yang melibatkan warga JANM dan ahli-ahli AKRAB. Sepanjang 2018 fokus aktiviti kepada warga JANM adalah berkaitan kesihatan mental dan untuk ahli-ahli aktiviti meningkatkan serta memantapkan pengetahuan dan kompetensi masing-masing. Berikut adalah ringkasan aktiviti yang dijalankan:

Jadual 54 : Aktiviti AKRAB JANM Sepanjang Tahun 2018

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat
1.	Aktiviti Bimbingan Kelompok	Jan – Feb	JANM Sabah
2.	Kursus Intervensi Lonjakan Paradigma	1 – 3 Mac 2018	IPN
3.	Kursus Pra AKRAB JANM • Tahap 1 • Tahap 2 • Tahap 3 (CSR AKRAB – Sireh Pulang ke Gagang)	18 – 20 Apr 2018 25 – 27 Jul 2018 15 – 17 Ogos 2018	Kelana Beach Resort, Negeri Sembilan Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia, Langkawi Hotel Sani, Kuala Lumpur
4.	Kursus Kesedaran Terhadap Kesihatan Mental • Penceramah jemputan: Doktor Psikiatri daripada Hospital Mesra Bukit Padang Kota Kinabalu Sabah	2 Mei 2018	JANM Sabah
5.	Lawatan Psikologi	11 – 14 Mei 2018	Ho Chi Minh, Vietnam
6.	Kursus *Don't Worry Be Happy* • Anjuran bersama AKRAB dan BPPP	30 Ogos 2018	Dewan Serbaguna, JANM
7.	Kursus Depresi Kerjaya Dan Keluarga • Penceramah pakar dalam bidang *Industrial & Organizational Psychology, Social Psychology* dari Universiti Malaysia Sabah (UMS)	25 Sep 2018	JANM Sabah
8.	Program Riadah – Dekat Padamu	3 Nov 2018	Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah
9.	Kursus Pemantapan Kompetensi AKRAB JANM	28 – 30 Nov 2018	Hotel Seri Malaysia, Melaka





Kursus Pra AKRAB JANM Tahap 3





Kursus Pemantapan Kompetensi AKRAB JANM

Mesyuarat AKRAB

Mesyuarat AKRAB JANM diadakan secara suku tahun bagi merancang dan melaksanakan aktiviti sama ada di peringkat Jabatan mahupun Kementerian dan Kebangsaan seperti berikut:

Jadual 55 : Mesyuarat AKRAB JANM Pada Tahun 2018

Siri Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
Bil. 1/2018	14 Mac 2018
Bil. 2/2018	13 Apr 2018
Bil. 3/2018	11 Okt 2018
Bil. 4/2018	30 Nov 2018

Laporan Jumlah Sesi Bimbingan Kaunseling Sepanjang Tahun 2018

Sesi bimbingan kaunseling ditawarkan bagi warga JANM yang memerlukan khidmat rakan AKRAB. Kes kaunseling dikategorikan sebagai kesihatan, kerjaya, peribadi, pembangunan kendiri dan prestasi mengikut gender. Rumusan kes pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

Jadual 56 : Rumusan Kes Kaunseling Pada Tahun 2018

Gender	Kesihatan	Kerjaya	Peribadi	Pem. Kendiri	Prestasi	Jumlah
Lelaki	1	4	2	4	2	**13**
Perempuan	28	43	19	19	0	**109**
Jumlah	**29**	**47**	**21**	**23**	**2**	**122**

Ahli Jawatankuasa AKRAB JANM Bagi Tahun 2018

Penaung
Akauntan Negara Malaysia

Penasihat I
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Penasihat II
Pengarah BPPP

Penyelaras
Norziana Binti Awang
Pegawai Psikologi JANM

Pengerusi
*Fauziah Binti Abdullah

Timbalan Pengerusi
Hanita Binti Bunjari

Setiausaha
Siti Norhayati Binti Mohd Ali

Penolong Setiausaha
A'iniah Binti Kamarudin

Bilangan Ahli AKRAB JANM : 65 orang

23 Lelaki

42 Perempuan

Bilangan Ahli AKRAB CARE : 23 orang

8 Lelaki

15 Perempuan

J/K Khas
Mohd Asraf Bin Omar
(Pengerusi)

Ahli
1. Mohd Izzuddin Bin Jasni (Setiausaha)
2. Shafizol Bin Halifah
3. Mohd Shahrizan Bin Mhd Salamat
4. Liliwaty Binti Abd Rahman

J/K Penerbitan Dan Dokumentasi
Mohd Khairuddin Bin A. Mulok
(Pengerusi)

Ahli
1. Lilydiana Binti Mohd Noor (Setiausaha)
2. Muhd Naguib Bin Sulaiman
3. Norzila Binti Ngadiman
4. Farah Azleen Binti Abdul Rahim

J/K Kebajikan Dan Sosial
Tun Noor Adillah Binti Mohammed Sohami
(Pengerusi)

Ahli
1. Kaslinda Binti Sudin (Setiausaha)
2. Kosong
3. Norazizah Binti Idris
4. Ainunhamimi Binti Mohd Soberi

J/K Program Dan Kompetensi
**Norazlina Binti Zakaria
(Pengerusi)

Ahli
1. Hamiza Binti Hamdan (Setiausaha)
2. Fadli Bin Deraman
3. Mohd Nor Hisham Bin Abu Bakar
4. Mastura Binti Azmi

Wakil Zon

Sabah
Normata @ Normalati Binti Amat

Sarawak
Chong Chun Yen

Timur
Rosnani Binti Hashim

Utara
Mohd Kamalul Ariffin Bin Mohd Fadzir

Selatan
Rafidah Binti Mohd Said

*Puan Fauziah binti Abdullah, mantan Pengarah BPAD telah bersara pada bulan Jun 2018.
** Puan Norazlina binti Zakaria telah ditukarkan ke Perbendaharaan Negeri Kelantan pada bulan Jun 2018.

Nota: *Sekalung apresiasi untuk semua AJK AKRAB JANM yang telah memberikan sumbangan dan komitmen bagi menjayakan aktiviti AKRAB sepanjang sesi 2017 hingga 2018. Bagi AJK yang dilantik semula pada tahun ini, diharapkan komitmen dan dedikasi dapat terus disumbangkan. AJK baharu dilantik juga dapat membantu meningkatkan lagi momentum perjalanan aktiviti dengan curahan idea baharu. Tidak lupa kepada Penyelaras yang sentiasa memberikan bimbingan dan bantuan ke arah memajukan AKRAB JANM. Semoga AKRAB terus sukses.*



LAPORAN PENCAPAIAN

PERSATUAN

- PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)
- PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (PERPENA)
- PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)
- PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) JANM
- JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN)

PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

AHLI MAJLIS PSA SESI 2018/2019

Presiden
YBrs. Encik Jafril bin Junit

Timbalan Presiden
Encik Zaharin bin Othman

Setiausaha Kehormat
Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin

Penolong Setiausaha
Encik Muhammad Yusri bin Abd Majid

Bendahari Kehormat
Cik Saadiah binti Yaacob

Penolong Bendahari
Encik Amirul Sufri bin Mohd Saharudin

Pengerusi Biro Ekonomi
Encik Rusdi bin Ahmad@Ali

Timbalan Pengerusi Biro Ekonomi
Encik Saly Ezmi bin Solisan

Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial
Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

Pengerusi Biro Profesional
YBrs. Dr. N. Farahin binti Ali@Ibrahim

Pengerusi Biro Keahlian
YBrs. Dr. Murni binti Subroto

Timbalan Pengerusi Biro Keahlian
Puan Hariyanti binti Dahlan

Pengerusi Biro Komunikasi
Tuan Hj. Nasran bin Omar

Timbalan Pengerusi Biro Komunikasi
Encik Fazly bin Mohamed Khairuddi

Wakil Zon Tengah
Puan Faridah binti Md Noor

Wakil Zon Utara
Puan Rohani binti Che Mie

Wakil Zon Selatan
Puan Kalthom binti Salim

Wakil Zon Timur
Encik Shahrin bin Hj. Shaari

Wakil Zon Sabah
Puan Tunganai binti Datu Alang

Wakil Zon Sarawak
Puan Brenda Marajan

Bengkel Pemantapan Imej Dan Etiket Profesional

Bengkel ini telah diadakan pada 13 April 2018 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya melibatkan seramai 70 orang peserta. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Jafril bin Junit, Presiden PSA dan perunding imej yang dijemput pada sesi kali ini ialah Puan MaryAnni Marasip dari Training Cube International Sdn. Bhd. Bengkel ini bertujuan untuk memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam membina gaya komunikasi, imej dan profesionalisme dalam kerjaya.

Program Bual Bicara Skim Akauntan

Program bual bicara skim Akauntan bersama pihak pengurusan JANM telah diadakan pada 13 Ogos 2018 iaitu sebelum bermulanya Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-29. Sesi bual bicara tersebut memberi peluang kepada ahli PSA untuk mendapatkan penjelasan berhubung perkembangan pelaksanaan skim perkhidmatan Akauntan secara keseluruhannya.

Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-29

Mesyuarat Agung Tahunan PSA Ke-29 telah diadakan pada 13 Ogos 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM. Seramai 121 orang ahli dari pelbagai Kementerian, Jabatan dan Agensi telah hadir ke mesyuarat tersebut. Pada mesyuarat kali ini, empat (4) orang Ahli Majlis sesi 2017/2018 telah melepaskan jawatan dan mesyuarat telah membuat pemilihan empat (4) orang Ahli Majlis dan dua (2) orang juruaudit yang baharu bagi sesi 2018/2019.

Penyertaan Ke Persidangan Antarabangsa

Pada tahun 2018, PSA telah menyelaras penyertaan akauntan sektor awam ke beberapa persidangan peringkat antarabangsa. Penyertaan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para akauntan berhubung isu dan perkembangan semasa dalam profesion perakaunan di peringkat antarabangsa. Selain itu, program seperti ini dapat memberi peluang kepada para akauntan untuk menimba pengalaman baharu serta meningkatkan kapasiti diri yang seterusnya dapat menyumbang ke arah profesionalisme perkhidmatan perakaunan sektor awam. Antara persidangan yang disertai adalah seperti berikut:

Jadual 57 : Persidangan Yang Disertai Pada Tahun 2018

Bil.	Persidangan	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1.	Persidangan Tahunan *The Chartered Institute of Public Finance and Accountancy* (CIPFA)	11 – 12 Jul 2018	Bournemouth, United Kingdom	9
2.	*World Congress of Accountants* 2018	5 – 8 Nov 2018	Sydney, Australia	11

Taklimat Dan Promosi Keahlian PSA

Pada tahun 2018, PSA Malaysia telah menyampaikan sesi taklimat keahlian dan pendaftaran kepada akauntan lantikan baharu JANM seperti berikut:

Jadual 58 : Sesi Taklimat Keahlian Dan Pendaftaran Pada Tahun 2018

Bil.	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1.	25 Jun 2018	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	43
2.	18 Sep 2018	Jabatan Akauntan Negara Malaysia	32

Selain itu, PSA juga mempromosi keahlian melalui pembukaan kaunter pendaftaran di persidangan yang dianjurkan oleh JANM.





Pembukaan Kaunter Pendaftaran Keahlian PSA Di Persidangan SAGA Agensi Kerajaan (SEGAC) Di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (PERPENA)

AHLI JAWATANKUASA PERPENA SESI 2018/2020

Presiden
Encik Mohd Syairol Azwan bin Shabudin

Timbalan Presiden
Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz

Setiausaha
Puan Raja Saadiah binti Alwee

Penolong Setiausaha
Cik Nor Azneyani binti Zakaria

Bendahari
Cik Sakinah binti Mohamed Yunus

Biro Perhubungan
Encik Abdul Samad bin Asmawi
Encik Mohd Ridzal bin Md Yusof

Biro Informasi dan Keahlian
Encik Mohd Saiful bin Ali
Puan Siti Sahidayu binti Abu Bakar

Biro Teras Perkhidmatan
Encik Amrul Fazli bin Mohamad
Puan Zuliza binti Razali

Biro Kebajikan
Puan Suhaila binti Md. Salim
Encik Muzzaffar Shah bin Soleh

Biro Korporat
Puan Suhazlinda binti Mohamed
Puan Misrah binti Jais

Biro Sosial
Puan Hanizah binti Zainal

Biro Tugas Khas
Encik Muhammed Noor Akhbar bin Abdul Rahim

Biro Program dan Aktiviti
Encik Wan Mohammad Hizal bin Wan Zainal
Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad

Juruaudit
Puan Vasugi M. Sethu
Puan Kamsiah binti Kasim



Barisan AJK Induk PERPENA Sesi 2018/2020

Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-13

PERPENA telah menganjurkan persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-13 pada 30 Julai hingga 1 Ogos 2018 bertempat di Hotel Primula Beach, Terengganu dengan tema *Strengthening Accounting Delivery*. Beberapa program telah dimuatkan sepanjang persidangan berlangsung. Kehadiran dan penglibatan ahli adalah amat menggalakkan iatu kehadiran hampir 500 ahli berdaftar. Pada persidangan kali ini, Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 telah diadakan dan telah memilih ahli jawatankuasa baharu bagi sesi 2018/2020.





Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Kebangsaan Kali Ke-13 Telah Dirasmikan Oleh YBhg. Datuk Saat Bin Esa, Akauntan Negara Malaysia

Kunjungan Hormat Ke Atas Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Dan Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Bagi mengeratkan lagi perhubungan di antara ahli PERPENA dan Pengurusan Tertinggi JANM, sesi kunjungan hormat telah dilakukan ke atas Timbalan Akauntan Negara (Operasi), YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa dan Timbalan Akauntan Negara (Korporat), YBhg. Dato' Zamimi bin Awang. Pertemuan ini telah diadakan pada 4 September 2018. Melalui pertemuan ini, banyak manfaat yang telah dikongsi bersama dalam memastikan PERPENA terus cemerlang dan berjaya menjalankan amanah bagi kepentingan ahli. PERPENA mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang telah diberikan oleh Pengurusan Tertinggi JANM dan berharap kerjasama ini akan berterusan.





AJK Induk PERPENA Bersama YBrs. Dr. Yacob Bin Mustafa, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Dan YBhg. Dato' Zamimi Bin Awang, Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

Putrajaya *Cross Country Run*

Pada 17 November 2018, seramai 20 orang ahli PERPENA telah menyertai Putrajaya *Cross Country Run* yang berlangsung di Taman Ekuestrian Putrajaya. Penyertaan yang julung kali melibatkan ahli PERPENA ini bertujuan mengeratkan ukhuwah dan pengamalan gaya hidup sihat di kalangan ahli.





Ahli-ahli PERPENA Yang Menyertai Putrajaya *Cross Country Run*

PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)

AHLI JAWATANKUASA PERBAKTI TAHUN 2018

Penaung
YBhg. Datuk Saat bin Esa

Penasihat
YBrs. Encik Jafril bin Junit

Yang Dipertua
Encik Mio Asni bin Haji Mio Azlan

Naib Yang Dipertua
Encik Mohd Hairildha bin Urif

Setiausaha
Puan Ana Umilhusna binti Zulkifly

Penolong Setiausaha
Puan Ramsuhaida binti Ramli

Bendahari
Encik Ahmad Hilmi bin Abd Wahab

Ahli Jawatankuasa
Encik Nazhir bin Musa
Encik Alias bin Che Rose
Encik Akhirudin bin Mat Desa
Encik Mohd Azrizal bin Zawin Anuar
Puan Siti Nashrah binti Mohd Razali
Puan Nor Azwa binti Ahmad Adnan
Encik Arbain bin Talib
Puan Noor Azlina binti Kadeh

Wakil Zon Utara
Puan Izza Muslina binti Ismail

Wakil Zon Timur
Encik Mohd Nawi bin Besar

Wakil Zon Tengah
Puan Siti Noraishah binti Mastuki

Wakil Zon Barat
Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar

Wakil Zon Selatan
Encik Wan Mohd Zuhdi bin Wan Yusof

Wakil Sabah
Encik Abd Hamid bin Arbin

Wakil Sarawak
Encik Gunggang Chendan

Wakil Labuan
Puan Norieta binti Hambali

Pemeriksa Kira-Kira I
Puan Norazlina binti Nazri

Pemeriksa Kira-Kira II
Puan Siti Norazelin binti Ismail

Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan

PERBAKTI telah mengadakan Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan pada 19 hingga 21 Oktober 2018 di Khalifah Suites Hotel & Apartment, Kota Bharu, Kelantan. Seramai 15 orang ahli jawatankuasa induk telah menghadiri bengkel ini. Selain itu, ahli jawatankuasa juga membincangkan tentang persediaan Mesyuarat Agung PERBAKTI Kali Ke-8.



Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pembantu Akauntan Melalui Penjumudan

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA) JANM

AHLI JAWATANKUASA PUSPANITA JANM TAHUN 2018

Pengerusi
YBrs. Puan Rugayah binti Mohd Zin

Timbalan Pengerusi I
YBhg. Datin Jasmin binti Adnan

Timbalan Pengerusi II
Puan Rozita @ Ramlah Azizah binti Shahar

Ketua Pegawai Operasi
Puan Noraida binti Alias

Setiausaha
Puan Fatimah binti Mohd Yazid

Penolong Setiausaha
Puan Norhidayah binti Sumari

Bendahari
Puan Zuriyanti binti Abd Hamid

Penolong Bendahari
Puan Noor Azmy Shuhada binti Azmi

AJK Biro Projek Khas
Puan Zalizah binti Nawi

AJK IPN
Puan Noraini binti Mohd Isa

Biro Ekonomi dan Keahlian
Cik Melissa Edrickson
Datin Zuraida binti Ishak
Puan Norazwin binti Zainal
Puan Siti Nurbaya binti Yaudin
Puan Roszalina binti Ruslan

Biro Kebajikan dan Agama
Puan Masitah binti Ab Ghani
Puan Julia binti Kasdi
Puan Siti Hajar binti Abu Bakar
Puan Zuraini binti Supian

Biro Pendidikan dan Kesihatan
Puan Hasmah binti Darmawi
Puan Farah Hana binti Abdul Rahman

Biro Sukan dan Sosial
Puan Zuliza binti Razali
Puan Mas Ayu binti Johari

Biro Promosi dan Publisiti
Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop

Program Iqra' PUSPANITA JANM

Program Iqra' PUSPANITA JANM merupakan Kelas Al-Quran dan Tajwid yang diadakan pada setiap hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Kelas Tajwid di bawah bimbingan Ustazah Ku Nor Azlina binti Ku Nasradhi daripada Kementerian Kewangan ini dijalankan bermula pada jam 1.00 tengah hari hingga 2.15 petang bertempat di Surau JANM. Penyertaan setiap kelas adalah percuma. Kelas pertama yang diadakan adalah pada 26 Januari 2018.

Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2018

PUSPANITA JANM telah mengambil bahagian di Karnival Sukan Tahunan PUSPANITA 2018 yang diadakan pada 25 Februari 2018 bertempat di Kompleks Kejiranan Presint 11, Putrajaya. PUSPANITA JANM melalui PUSPANITA Kementerian Kewangan (MOF) telah diberi tanggungjawab untuk menyelaras penyertaan *Indoor Games*. Pertandingan *Indoor Games* yang diadakan ialah congkak, batu seremban, karom dan pertandingan sukaneka serta pertandingan mewarna kanak-kanak.

Penyertaan Ke Seminar Transformasi Kepimpinan Wanita

Bersempena Tahun Memperkasakan Wanita 2018, PUSPANITA Kebangsaan telah menganjurkan Seminar Transformasi Kepimpinan Wanita. PUSPANITA JANM telah menghantar 10 orang ahli untuk menyertai seminar ini yang diadakan pada 26 Februari 2018 bertempat di PUSPANITAPURI, Putrajaya.

Penyertaan Ke Program Kesihatan Jom *Fit* Nana Al-Haleq

Program anjuran Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) merangkap Biro Kesihatan PUSPANITA Kementerian Kewangan ini diadakan pada 12 April 2018 bertempat di INSPEN dan disertai seramai 40 orang ahli PUSPANITA JANM.

Kursus Pengurusan Jenazah "Pengurusan Terakhir Untukmu"

PUSPANITA JANM merangkap Biro Agama PUSPANITA Kementerian Kewangan dengan jayanya telah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah "Pengurusan Terakhir Untukmu" pada 19 April 2018. Kursus ini diadakan di Kementerian Kewangan dengan dua (2) sesi iaitu ceramah dan simulasi/praktikal. Seramai 150 peserta terdiri daripada ahli PUSPANITA Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kewangan telah menyertai kursus ini.

Penyertaan Ke Seminar Tahunan Kesihatan PUSPANITA "Buah Pinggang Dan Kesihatan: Memperkasakan Penglibatan, Sumbangan Dan Keupayaan Kita"

Seminar anjuran PUSPANITA Kebangsaan ini diadakan pada 16 April 2018 bertempat di PUSPANITAPURI, Putrajaya. PUSPANITA JANM telah menghantar seramai lima (5) orang ahli untuk menyertai seminar ini. Antara aktiviti menarik yang diadakan adalah ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan percuma, kempen derma darah dan cabutan bertuah.

Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran

Program anjuran PUSPANITA JANM selaku Biro Agama PUSPANITA Kementerian Kewangan ini diadakan pada 25 Mei 2018 bertempat di Surau Muhammad Al-Fateh, Kementerian Kewangan. Seramai 150 peserta terdiri daripada ahli PUSPANITA Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Kewangan telah menyertainya.

Lawatan Sambil Belajar Dan Program Ramah Mesra Bersama PUSPANITA JANM Sarawak

Lawatan Sambil Belajar dan Program Ramah Mesra Bersama PUSPANITA JANM Sarawak telah diadakan pada 14 hingga 17 September 2018. Seramai 15 orang peserta telah menyertai lawatan ini. Selain sesi ramah mesra bersama PUSPANITA JANM Sarawak, peserta lawatan juga berpeluang melawat ke tempat-tempat menarik di Sarawak seperti Kampung Budaya Sarawak dan Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA JANM

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA JANM telah diadakan pada 7 Disember 2018 bertempat di Bilik Jamuan 1, JANM. Antara agenda Mesyuarat Agung ini adalah pembentangan Laporan Kewangan, pembentangan aktiviti tahun 2018, penghargaan kepada AJK yang bersara dan pelantikan AJK baharu.



Barisan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JANM 2019 – 2020



Peserta Lawatan Bergambar Kenangan Di Kampung Budaya Sarawak



Majlis Tadarus Dan Khatam Al-Quran

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN)

AHLI JAWATANKUASA JHEAIN TAHUN 2018

Pengerusi
Encik Sharizon bin Salleh

Timbalan Pengerusi II
Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok

Setiausaha
Encik Mohd Taufik bin Hj. Ahmad

Penolong Setiausaha
Puan Norbaini binti Ibrahim

Bendahari Kehormat
Encik Osman bin Mantali

Penolong Bendahari I
Encik Shahrul Anwar bin Sahar

Penolong Bendahari II
Puan Nik Salma Irwani binti Ibrahim

Biro Dana
Puan Nor Azneyani binti Zakaria

Ketua Biro Muslimat
Cik Rosnani binti Mohamad

Ketua Biro Dakwah
Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok

Ketua Biro Seranta
Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun

Aktiviti JHEAIN Tahun 2018

Selaras dengan peranan JHEAIN dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti kerohanian, sebanyak enam (6) program telah dirangka dan dilaksanakan dalam tahun 2018. Objektif utama penganjuran program-program tersebut adalah bagi memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam, menghayati dan mengamalkan nilai murni berlandaskan syariat Islam dalam menjalankan tugas seharian di samping memupuk sifat pembudayaan ilmu secara berterusan di kalangan warga kerja JANM.

Aktiviti-aktiviti ini adalah berbentuk ceramah agama dan solat-solat sunat seperti Solat Hajat dan Solat Tarawih. Ceramah-ceramah agama yang dirancang pula telah disampaikan oleh tokoh-tokoh ilmuan agama yang tersohor dan program tersebut telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kerja JANM. Sambutan terhadap kesemua program yang dianjurkan tidak kurang daripada 100 peserta yang hadir bagi setiap program yang telah dianjurkan. Perincian program-program yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 59.

Jadual 59 : Senarai Aktiviti JHEAIN Bagi Tahun 2018

Bil.	Program	Penceramah / Pembimbing	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Ceramah Maulidur Rasul 1439H bertajuk "Hidupkan Sunnah Sebarkan Muhibbah"	Sahibul Samahah YBhg. Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri	9 Jan 2018	300
2.	Ceramah sempena Sambutan Ambang Ramadan Al-Mubarak 1439H	Al Fadhil Ustaz Datuk Mohd Kazim Elias	2 Mei 2018	200
3.	Ceramah Pembudayaan Al-Quran dalam Persekitaran Kerja, Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih JANM Tahun 2018	Al Fahil Tuan Hj. Mat Nazri bin Harmine	25 Mei 2018	300
4.	Program CSR bersama Penduduk Orang Asli	Diketuai oleh Timbalan Pengerusi Encik Mohd Khairuddin bin A. Mulok	13 – 15 Jul 2018	5
5.	Ceramah sempena Awal Muharram 1439H	Al Fadhil Ustaz Harryanto Rizal Rokman	9 Okt 2018	243
6.	Solat Hajat dan Bacaan Yasin bagi anak-anak Warga JANM yang akan menduduki peperiksaan	Dipimpin oleh YBrs. Encik Shahrul Anwar bin Sahar	21 Sep 2018	150



Pengurusan Tertinggi Dan Ahli Jawatankuasa JHEAIN Bergambar Bersama Sahibul Samahah YBhg. Datuk Dr. Hj. Zulkifli Bin Mohamad Al-Bakri



YBhg. Datuk ANM Menyampaikan Cenderamata Kepada Sahibul Samahah YBhg. Datuk Dr. Hj. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri




Pengerusi JHEAIN Menyampaikan Cenderamata Kepada Al Fadhil Ustaz Harryanto Rizal Rokman



Timbalan Akauntan Negara (Korporat) Menyampaikan Cenderamata Sebagai Tanda Perhargaan Kepada Al Fadhil Ustaz Datuk Mohd Kazim Elias



Ahli Jawatankuasa JHEAIN Bergambar Bersama Al Fadhil Ustaz Harryanto Rizal Rokman



LAPORAN PENCAPAIAN

KELAB

- BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)
- KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (KESAN)

BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

AHLI JAWATANKUASA BERKAT TAHUN 2018

Pengerusi
YBhg. Datuk Saat bin Esa

Timbalan Pengerusi
YBhg. Dato' Zamimi bin Awang

Setiausaha
Puan Noor Azlina binti Che Jian

Penolong Setiausaha
Encik Mohd Izzuddin bin Jasni

Bendahari
Puan Hanita binti Bunjari

Penolong Bendahari
Puan Khariani binti Ayob

Ahli Jawatankuasa
Encik Mohd Redzuan bin Hasan (JK Sosial)
Encik Jafril bin Junit (JK Keahlian)
Encik Rosdi bin Abu (JK Kesihatan)
Tuan Hj. Mat Nazri bin Harmine (JK Pendidikan)
Encik Abdul Majid bin Salleh (JK Kebajikan)
Puan Ruzinah binti Rukun (JK Promosi dan Komunikasi)


Matlamat BERKAT adalah untuk menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya. Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta berwarganegara Malaysia. Keahlian secara automatik ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan bantuan.

Pada tahun 2018, sebanyak 590 permohonan diterima berbanding tahun sebelumnya iaitu 511 permohonan. Sebanyak 553 permohonan mematuhi kriteria kelayakan bantuan yang berjaya melibatkan bayaran sebanyak RM99,270.00 iaitu peningkatan jumlah permohonan diluluskan sebanyak 19.70% daripada tahun 2017 di mana 462 permohonan dipertimbang berjumlah RM93,960.00. Pecahan kelulusan bayaran mengikut kategori bantuan Kebajikan, Kesihatan, Sosial dan Pendidikan adalah seperti berikut:

Jadual 60 : Pecahan Sumbangan Mengikut Kategori Tahun 2018

Kategori Bantuan	Permohonan	Kelulusan	Jumlah (RM)
Sosial	143	135	27,330.00
Kebajikan	91	88	25,500.00
Kesihatan	131	120	15,350.00
Pendidikan	225	210	34,260.00
Jumlah	**590**	**553**	**102,440.00**

Carta 17 : Pecahan Sumbangan Mengikut Kategori Tahun 2018



Perincian mengenai bantuan yang disalurkan mengikut kepada kategori adalah seperti berikut:

Jadual 61 : Perincian Bantuan Mengikut Kategori

Sosial	Kebajikan	Kesihatan	Pendidikan
Bantuan perayaan utama mengikut agama/kaum ahli yang susah	Bantuan bencana alam	Ahli/keluarga mengalami masalah kesihatan yang teruk atau kritikal	Bantuan persekolahan anak ahli yang susah
	Bantuan kematian ahli	Ahli/keluarga mengalami kecederaan yang parah akibat daripada kemalangan	Bantuan masuk Institut Pengajian Tinggi (IPT)
	Bantuan kematian keluarga ahli	Membeli peralatan sokongan bagi kurang upaya sekiranya ahli/keluarga tidak dibiayai/mendapat bantuan kerajaan	Anugerah kepada anak ahli yang cemerlang dalam peperiksaan
	Lain-lain bantuan kepada ahli dalam kesusahan	Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan (kecuali masuk wad kerana bersalin)	
		Ahli/keluarga memasuki wad bagi mendapat rawatan kerana keguguran	

Nota: Ahli yang susah - pendapatan kasar bulanan ahli dan suami/isteri RM4,000 dan ke bawah.

Garis panduan bantuan/sumbangan BERKAT sentiasa disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar seiring dengan perkembangan semasa. Garis panduan permohonan bantuan BERKAT boleh disemak melalui Portal JANM.

KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (KESAN)

AHLI JAWATANKUASA KESAN TAHUN 2018

Yang Dipertua
YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa

Naib Yang Dipertua
Encik Azeman bin Miskah

Bendahari Kehormat
Puan Sunita binti Mohd Sari

Setiausaha Kehormat
Puan Norfarazila binti Abdul Rahim

Penolong Bendahari
Encik Muhammad Shahidan Ameer bin Hammad

Penolong Setiausaha
Encik Alizan bin Abd Razali

Ketua Biro Rekreasi
Encik Shahlan bin Md Shukor

Ketua Biro Sukan
Cik Haryati binti Sapihis

Ketua Biro Sosial
Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali

Ketua Biro Informasi dan Multimedia
Encik Mohd Ikram bin Abdul Karim

AJK Biro Rekreasi
Encik Norjayadi bin Musleh
Encik Mohd Asna bin Kamarulzaman

AJK Biro Sukan
Cik Azliana Azlin binti Lamakasauk
Puan Sharidah binti Harun

AJK Biro Sosial
Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin
Encik Mohd Al-Hafiz bin Ahmad

AJK Biro Informasi dan Multimedia
Encik Megat Muhamad Raihan bin Wan Abd Rashid

Sepanjang tahun 2018, KESAN telah menganjurkan pelbagai aktiviti bagi memastikan semua ahli KESAN mendapat manfaat daripada sumbangan yang telah diberikan oleh semua ahli di samping mengukuhkan silaturahim di kalangan ahli-ahli KESAN.

Program Rekreasi Dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) Di Pulau Redang, Terengganu

Program CSR di Pulau Redang, Terengganu telah diadakan pada 4 hingga 6 Ogos 2018. Program anjuran bersama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) ini telah disertai oleh 57 orang ahli KESAN dan 10 orang wakil daripada BMMB. Aktiviti CSR telah dijalankan di Kampung Jeti antaranya membersihkan kawasan dan mengecat pagar Masjid Kampung Baru Pulau Redang serta memberi sumbangan barang keperluan harian kepada penduduk kampung yang memerlukan. Di samping itu juga, peserta turut melakukan aktiviti rekreasi seperti *snorkelling* dan *jungle trekking*.



Pesta Sukan Perbendaharaan (PSP) Kali Ke – 28



Pada tahun 2018, PSP Kali Ke – 28 telah berlangsung dari 7 hingga 17 Ogos 2018. Sebanyak 20 pingat emas daripada 16 acara telah dipertandingkan. Pasukan *Excellent* JANM telah berjaya merangkul 10 pingat emas, enam (6) pingat perak dan tiga (3) pingat gangsa dan seterusnya sekali lagi telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan PSP 2018.

Kejohanan Dart Piala YDP KESAN 2018

Kejohanan *Dart* Piala YDP KESAN 2018 merupakan kejohanan kali kedua yang dianjurkan oleh KESAN dengan kerjasama *AG Dart Team* (AGDT). Kejohanan ini telah diadakan pada 21 Oktober 2018 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM.

Kejohanan ini telah disertai oleh 156 peserta yang mewakili agensi kerajaan, agensi swasta, bank dan institusi kewangan seluruh Malaysia. Juara Kejohanan *Dart* Piala YDP KESAN adalah pasukan Sepang *Darters* dan majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Naib Yang Dipertua KESAN, Encik Azeman bin Miskah.

Program Rekreasi Keluarga "Jom Mandi Laut" Tahun 2018

Program Rekreasi Keluarga JANM dengan tema "Jom Mandi Laut" telah diadakan pada 27 Oktober 2018 bertempat di Pantai Batu 8, Teluk Kemang, Port Dickson, Negeri Sembilan. Program rekreasi keluarga yang pertama kali dianjurkan oleh KESAN mendapat sambutan oleh warga JANM dengan penyertaan seramai 53 orang. Program ini turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua KESAN, YBrs. Dr. Yacob bin Mustafa. Program ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan silaturahim di kalangan warga JANM, di samping menjadi aktiviti rekreasi keluarga pada hujung minggu.



Program Bimbingan Kewangan

Program Bimbingan Kewangan yang merupakan aktiviti di bawah Biro Sosial KESAN telah dianjurkan pada 8 November 2018 bertempat di Bilik Jamuan, JANM. Program anjuran bersama Alliance Islamic Bank Berhad ini telah mendapat sambutan daripada warga JANM. Program ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada warga JANM berkenaan kepentingan pengurusan kewangan yang betul dan memberi ruang kepada warga JANM untuk mendapatkan rundingan kewangan daripada wakil Alliance Islamic Bank.

Di samping itu, terdapat juga aktiviti pemeriksaan kesihatan antaranya pemeriksaan tekanan darah tinggi, pemeriksaan mata, tulang, paru-paru, kencing manis dan kolestrol.

Kejohanan Golf AG vs EX-AG Tahun 2018

Kejohanan Golf AG vs EX-AG merupakan acara tahunan anjuran KESAN yang disertai oleh warga JANM, mantan warga JANM dan seterusnya peserta dari bank, institusi kewangan dan agensi serta jemputan. Pada tahun 2018, seramai 124 orang peserta menyertai kejohanan golf yang telah diadakan di Kota Seriemas Golf & Country Club pada 30 Disember 2018.

Kejohanan Golf AG vs EX-AG ini bukan hanya sekadar aktiviti tahunan KESAN, tetapi juga merupakan satu platform bagi mengeratkan silaturahim di kalangan peserta. Bukan mudah untuk berjumpa dengan mantan warga JANM yang telah banyak menabur jasa kepada Jabatan dan juga wakil bank, institusi kewangan dan agensi yang sentiasa memberi sokongan kepada aktiviti Jabatan.





AHLI JAWATANKUASA
LAPORAN AKTIVITI JANM 2018

PENAUNG
YBhg. Datuk Saat bin Esa
Akauntan Negara Malaysia

PENASIHAT
YBhg. Dato' Zamimi bin Awang
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

PENGERUSI
YBrs. Encik Jafril bin Junit
Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan

AHLI JAWATANKUASA

Puan Noor Azlina binti Che Jian	(Wakil SPKP, BPPP)
Puan Naharriah binti Mohamed	(Wakil SPPS, BPPP)
Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab	(Wakil SPPS, BPPP)
Puan Tun Noor Adillah binti Mohammed Sohaimi	(Wakil SKPSM, BPPP)
Puan Fauziah binti Abdullah	(Wakil SKPSM, BPPP)
Puan Baizurah binti Sabri	(Wakil SKPSM, BPPP)
Puan Masdita binti Md Dan	(Wakil BA MOF)
Cik Nur Yana Zulaikha binti Abu Hanifah	(Wakil BPOPA)
Encik Yazid bin Abd Razak	(Wakil BWTD)
Puan Nurul Shafawati binti Muhammad Yusoff	(Wakil PPPA)
Cik Varalaksimy a/p Gangan	(Wakil BPOPP)
Puan Norzuraida binti Hassan	(Wakil BPTM)
Puan Suhaiza binti Mohd Abolah	(Wakil BKP)
Puan Zuraidah binti Othman Akbar	(Wakil BPAD)
Encik Noramin bin Juminen	(Wakil IPN)
Cik Nadiya binti Nazri	(Wakil Unit Integriti)
Puan Siaw Chooi Chin	(Wakil Unit Undang-undang)
Encik Mohamed Syamsuddi bin Mohamed Shamsudin	(Wakil PSA)
Puan Raja Saadiah binti Alwee	(Wakil PERPENA)
Puan Ana Umilhusna binti Zulkifly	(Wakil PERBAKTI)
Encik Mohd Izzuddin bin Jasni	(Wakil BERKAT)
Puan Norfarazila binti Abdul Rahim	(Wakil KESAN)
Puan Norbaini binti Ibrahim	(Wakil JHEAIN)
Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop	(Wakil PUSPANITA)
Puan Siti Norhayati binti Mohd Ali	(Wakil AKRAB)

EDITOR

Puan Faziyatun binti Mohamed Yahya	Cik Hajar binti Abd Razak
Cik Norfaezah binti Amad Bistomam	Encik Adri Fidla bin Mohd Taib
Puan Siti Hanani binti Baharom	Encik Nik Mohd Rahimi bin Nik Mohd Nasir
Encik Au Chong Yee	Cik Nur Aqilah binti Yahya

PENGHARGAAN

Pengerusi dan semua **Ahli Jawatankuasa**

Laporan Aktiviti 2018
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Aktiviti 2018 ini.

Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

+603-8882 1000
+603-8882 1042

ISSN 2600-724X
9 772600 724006